Wahai orang-orang yang beriman, jangan lakukan dengan tidak hormat kepada Nabi kamu, sebagaimana juga orang-orang yang mencerca Musa ketika mereka akan berkata, misalnya, "Satu-satunya penjelasannya Musa tidak mandi bersama kita adalah dia mempunyai bengkak dalam buah zakarnya. "Oleh itu, Tuhan membebaskan dia dari kecurigaan mereka iaitu ketika Musa meletakkan pakaianya di atas batu untuk mandi. **Batu itu pun melarikan diri dengan membawa jubahnya**, sehingga batu itu mendekati sekumpulan orang dari bani Israel lalu berhenti di tengah-tengah mereka. Ketika Musa mengejar batu itu dan mengambil jubahnya untuk menutupi dirinya, pada masa yang sama, orang-orang Yahudi tadi melihat buah zakarnya dan melihat

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

bahawa dia tidak mempunyai bengkak atau penyakit menjangkiti buah zakarnya. Dan dia dihormati di mata Tuhan.

Satu contoh Muhammad diancam dengan perasaan sakit hati adalah ketika pembahagian hasil rampasan, seorang Muslim berkata kepada dia, "Ini adalah satu pembahagian yang tidak memuaskan hati Tuhan" (pembahagian yang tidak adil)! Rasullullah berasa tersinggung lalu berkata, "Semoga Tuhan mempunyai belas kasihan kepada Musa, kerana sesungguhnya dia telah terluka lebih buruk daripada ini, tetapi diterima."

- ! Allah akan melakukan apa sahaja untuk membuktikan bahawa buah zakar nabinya adalah yang terbaik.
- ! Dalam cerita ini, tiada seorang pun Yahudi yang berasa kagum kepada seketul batu yang boleh berlari, seolah-olah ini perkara yang mereka saksikan setiap hari!
- ! Sekiranya Musa memiliki buah zakar yang berpenyakit, bukankah keadaan ini menjadikannya kurang sesuai sebagai seorang nabi?
- ! Lelaki Muslim perasan Muhammad sedang membahagikan hasil dengan tidak adil, dan Muhammad bukannya seperti yang diakuinya. Sebagai tindak balas, Muhammad telah mereka-rekakan sebuah cerita tentang buah zakar Musa, tapi apakah kaitan cerita ini dengan pembahagian wang yang dicuri daripada orang Kristian dan Yahudi?

## **BERAPAKALIKAH GANJARAN DIGANDAKAN?**

Mula-mula, kita baca Al-Quran 2:261 (Penterjemahan Usama Dakdok):

## *PENIPUAN Allah by Christian Prince*

مَئُولُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثُلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ (261) ، سورة البقرة  
سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَائِهٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Perumpamaan mereka yang membelanjakan wang mereka demi Allah adalah seperti perumpamaan tentang sebiji jagung yang menghasilkan tujuh tongkol jagung dan dari setiap tongkol jagung seratus biji jagung dan Allah akan melipatgandakannya untuk siapa yang dikehendakiNya. Allah maha besar,mengetahui.

1 perbuatan kebaikan = (7 tongkol jagung x 100 biji jagung) = 700

1 perbuatan baik x 700 = 700 perbuatan baik

Sekarang, mari kaji Al-Quran 6:160 (Penterjemahan Usama Dakdok):

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرٌ أَمْلَاهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ  
(Al-An'aam, 160)

Barangsiaapa datang dengan satu perbuatan baik, maka padanya akan ada sepuluh seperti itu.

1 perbuatan baik x 10 = 10 perbuatan baik

Persoalannya sekarang, adakah satu perbuatan baik didarabkan 700 atau 10? Untuk mendapat jawapannya, mari kita periksa Al-Quran 4:40 (Penterjemahan Usama Dakdok):

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِنْ قَلْ نَدَرٍ وَإِنْ تَكُ حَسَنَةٌ يُضَاعِفُهَا وَبَيْوَتٍ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا  
(An-Nis'a, 40)

Sesungguhnya Allah tidak akan melakukan yang tidak adil walaupun berat semut yang paling kecil. Dan jika ada apa yang baik,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dia akan **menggandakan (dua kali)** jumlahnya, dan dia akan memberikan dari dirinya sendiri ganjaran yang besar.

Dalam ayat yang terakhir, Allah menggandakan ganjaran, maka kali ini perbuatan baik menjadi dua kali ganda, bukan 10 atau 700.

Mari kita kaji semula panduan dalam ayat-ayat tadi dengan carta di bawah:

Al-Quran	Perbuatan Baik	Gandaan	Gandaan
Al-Quran 2:261	1	700	Tujuh ratus
Al-Quran 6:160	1	10	Sepuluh
Al-Quran 4:40	1	2	Dua

Saya rasa Allah perlu memikirkan semula bagaimana dia memberi ganjaran untuk menjadikan kontraknya jelas.

Nabi Idris

Al-Quran 56: (Sumber: Louiz Ginzberg, *Legends of the Jews*, [The Jewish Publication Society of America, Philadelphia, 1909], Vol. IV, Chapter V: Solomon)

Tambahan pula, sebutkan dalam Buku kes Idris: dia seorang lelaki yang benar dan jujur dan berasal dari golongan nabi.

Marilah menyambung bacaan dan anda akan nampak bagaimana Al-Quran serupa dengan legenda orang Yahudi:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Selepas beberapa ketika, Sulaiman menerima sepucuk surat daripada Adares, raja Arabia. Dia memohon agar raja Yahudi (Sulaiman) menghalau satu roh jahat, yang melakukan kerosakan yang besar, dan yang tidak dapat ditangkap serta tidak dapat dihapuskan bahayanya, kerana dia muncul dalam bentuk angin. Sulaiman memberikan cincin sihirnya dan satu bekas buatan kulit kepada salah seorang hambanya, dan menghantarnya ke Arabia. Hambanya itu berjaya mengurung roh jahat itu di dalam bekas tadi. Beberapa hari kemudian, ketika Sulaiman memasuki Kaabah, sedikit pun dia tidak kehairanan apabila melihat satu bekas berjalan ke arahnya, dan ia membongkok kepadanya dengan penuh hormat di hadapannya; ia adalah bekas di mana roh itu terkurung di dalamnya.

Roh ini juga pernah memberikan Sulaiman satu khidmat yang hebat. Dengan bantuan para syaitan, roh ini telah membuat sekutu batu besar timbul dari Laut Merah. Tiada manusia mahupun syaitan boleh memindahkan batu besar ini, tetapi roh ini membawanya ke Kuil, di mana ia digunakan sebagai satu batu asas.

Disebabkan oleh kesilapan dirinya, Sulaiman kehilangan kuasa untuk melakukan mukjizat yang telah dikurniakan semangat Ilahi kepadanya. Sulaiman jatuh cinta dengan Sonmanites, seorang wanita bangsa Jebusite. Para imam Moloch dan Raphan, tuhan-tuhan palsu yang disembah oleh wanita ini, menasihatkannya untuk menolak cinta Sulaiman, melainkan dia memberi penghormatan kepada tuhan-tuhan palsu tadi. Pada mulanya, Sulaiman tidak mengalah, tetapi apabila wanita itu menyuruhnya mengambil lima ekor belalang juta dan menghancurkan mereka menggunakan tangannya dalam nama Moloch, Sulaiman mematuhiinya. Serta-merta, dia kehilangan semangat Ilahi, kekuatan serta kebijaksanaannya lalu dia menjadi begitu hina demi memuaskan kekasihnya sehingga sanggup membina kuil-kuil Baal dan Raphan.

## Adakah Pensyafaatan Dibenarkan atau Tidak?

Allah berkata ia dibenarkan di dalam Al-Quran 4:85 (penterjemahan Usama Dakdok):

مَنْ يَسْفِعْ شَفَاعَةً حَسَنَةً يَكُنَ لَّهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا وَمَنْ يَسْفِعْ شَفَاعَةً سَيِّئَةً يَكُنَ لَّهُ كِفْلُ مِنْهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقِنًا  
(سورة النساء, An-Nisa, 85)

Sesiapa yang melakukan syafaat yang baik, sebahagian daripadanya akan menjadi miliknya. Dan sesiapa sahaja yang melakukan syafaat yang jahat, sebahagian daripadanya akan menjadi miliknya.

Akan tetapi, Muhammad pula mengatakan ia TIDAK dibenarkan dalam Al-Quran 74:48:

فَمَا تَنْفَعُهُمْ شَفَاعَةُ الشَّافِعِينَ  
(سورة المدثر, Al-Muddathir, 48)

Tiada syafaat yang dibuat oleh mereka yang melakukannya akan membantu mereka (pada Hari Penghakiman).

Allah berkata pensyafaatan dibenarkan pada Hari Penghakiman, tetapi Muhammad berkata sebaliknya. Saya rasa ini menjelaskan segala-galanya!

Muhammad Mengatakan Pensyafataan Dibenarkan

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Sahih Muslim, Buku 1, Hadis 352 (Pautan langsung:

[http://www.searchtruth.com/book\\_display.php?book=001&translator=2&start=0&number=0352#0352](http://www.searchtruth.com/book_display.php?book=001&translator=2&start=0&number=0352#0352)

Sayalah Tuhan anda (Allah yang berkata). Para Muslim akan menjawab, “Ya, anda adalah Tuhan kami.” Kemudian jambatan akan didirikan merentangi Neraka dan pensyafaatan akan dibenarkan. Mereka akan berkata, “Ya Tuhan kami, lindungilah kami, lindungilah kami.”

Sahih Muslim, Buku 1, Hadis 369 (Pautan langsung:

<https://sunnah.com/muslim/1/378>

Saya menanyakan Rasullullah, jika Allah akan mengambil orang dari Api (Neraka) melalui pensyafaatan. Dia menjawab: “Ya.”

Nabi ﷺ berkata, “Ada orang akan dikeluarkan dari Api (Neraka) melalui pensyafaatan Muhammad, mereka akan memasuki Firdaus dan akan dipanggil Al-Jahannamiyin (orang Api Neraka)

<https://sunnah.com/bukhari/81/155>

Ummah Muhammad Memerlukan Pensyafaatan

Sahih Muslim, Buku 1, Hadis 385 (Pautan langsung:

[http://www.searchtruth.com/book\\_display.php?book=001&translator=2&start=38&number=0385](http://www.searchtruth.com/book_display.php?book=001&translator=2&start=38&number=0385)

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Rasulullah SAW bersabda, "Ada untuk setiap utusan, doa yang dia akan doakan. Saya harap saya dapat menyimpan doa saya demi syafaat untuk ummah saya pada Hari Kebangkitan."

Sekiranya Muhammad melakukan syafaat untuk umat Islam, mengapa pula dia menyuruh mereka membuat syafaat demi dia melalui doa untuknya?

Sahih Al-Bukhari, mukasurat 2374 (Bahasa Arab):

2374 - عن عائشة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال سددوا وقاربوا وأبشروا - ص  
فإنه لا يدخل أحداً الجنة عمله قالوا ولا أنت يا رسول الله قال ولا أنا إلا أن يتغمدني

الله بمحفرة ورحمة

'Aisha melaporkan: "Nabi, semoga Allah solat kepadanya dan menghormatinya dia, berkata, 'Tembak dan bertai bersama dan bersiapiyah untuk berita baik, kerana tidak ada yang akan masuk syurga kerana kerjanya. 'Mereka berkata, 'Termasuk kau?' Nabi berkata, 'Termasuk aku, tetapi hanya jika Allah memberikan rahmat kepada saya dengan belas kasihannya dan pengampunan."

**Muhammad Memerlukan Orang Islam Membuat Syafaat Untuk Dirinya Agar Dia Mendapat Kedudukan Paling Tinggi**

Hadis berikut mempersempahkan sifat mementingkan diri Muhammad dengan sempurna sekali, segala-galanya tentang dirinya dan kemahuannya, sesiapa yang berdoa untuk Muhammad akan mendapat sepuluh berkat (Sahih Muslim, Buku 4, Hadis 747):

Rasul Allah berkata, "Apabila kamu mendengar muezzin (orang yang melakukan panggilan azan) berteriak panggilan untuk doa, ulangilah semula apa yang dia katakan. Selanjutnya, panggilah kepada Allah untukNya memberi berkat kepadaku, bagi setiap orang yang memohon berkat kepada aku akan menerima sepuluh

## *PENIPUAN Allah by Christian Prince*

berkat dari Allah; selepas itu memohonlah dari Allah Al-Wasilah [pangkat tinggi teratas di syurga] untuk saya, yang merupakan pangkat di Syurga yang dibuat hanya untuk satu daripada para hamba Allah, dan saya berharap bahawa saya adalah orang yang mendapatnya. Jika sesiapa di antara kamu yang meminta saya diberi pangkat teratas, dia akan diberikan syafaat saya.”

Ini sesuatu yang kita harus perhatikan dengan teliti, kerana ia menunjukkan Muhammad kononnya teragung antara semua manusia-terlalu agung sehinggakan Allah dan para malaikatNya berdoa kepadanya. (Al-Quran 33:56):

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ وَسَلَامٌ  
، سورة الأحزاب (56)

Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan doa) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

Bagaimanakah tuhan kepada Muhammad dan para malaikatnya berdoa kepada Muhammad? Allah memerintahkan umat Islam untuk berdoa kepada Muhammad juga, dan Muhammad turut juga meminta umat Islam untuk melakukan lebih dari ini. Dia meminta mereka berdoa kepada dia (Muhammad) setiap kali mereka bersolat agar dia boleh mendapat pangkat yang tertinggi di syurga.

Saya berfikir bahawa Muhammad menunjukkan betapa dia mementingkan dirinya. Dengan meminta orang Islam berdoa *kepada* dirinya dan *bukan untuknya*, Muhammad telah meletakkan dirinya setaraf dengan Allah. Kita akan membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut dalam **Muhammad, Si Tuhan.**

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Muhammad Adalah Pensyafaat Yang Teratas

Sahih Muslim, Buku 30, Hadis 5655:

Abu Huraira berkata: "Rasulullah saw, semoga Allah berdoa kepada-Nya, berkata, 'Aku akan menjadi yang pertama sekali dibangkitkan (dari kubur) daripada keturunan Adam pada Hari Kebangkitan, dan saya akan menjadi pengantara teratas dan yang pertama syafaatnya akan diterima oleh Allah.'"

**Muhammad Tidak Boleh Membuat Syafaat Untuk Ibunya**

Setelah Muhammad menghabiskan masa dan tenaga untuk memberitahu umat Islam bahawa syafaatnya adalah jalan untuk diselamatkan pada Hari Penghakiman, tiba-tiba dia menimbulkan percanggahan di dalam satu hadis, di mana ia menceritakan bagaimana Muhammad tidak boleh membuat syafaat untuk ibunya sendiri. (Sahih Muslim, Buku 4, Hadis 2129):

Abu Huraira melaporkan: "Rasul Allah, semoga Allah berdoa kepadanya, berkata: 'Saya merayu kepada izin Allah untuk mengampuni ibuku, tetapi Dia tidak mengizinkannya kepada saya. Saya meminta kelulusan dari-Nya untuk melawat kuburnya, dan Dia memberi kebenaran saya.'"

## **Adakah Syafaat Diterima atau Tidak pada Hari Penghakiman?**

Sahih Muslim, Buku 30, Hadis 5655:

Abu Huraira berkata: "Rasulullah saw, semoga Allah berdoa kepada-Nya, berkata, 'Aku akan menjadi yang pertama sekali

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dibangkitkan (dari kubur) daripada keturunan Adam pada Hari Kebangkitan, dan saya akan menjadi pengantara teratas dan yang pertama syafaatnya akan diterima oleh Allah.”

Al-Quran 2:48 menceritakan kisah yang berbeza:

Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari itu (Hari Penghakiman), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab) dan tidak diterima syafaat daripadanya dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan.

Muhammad mengatakan bahawa dia adalah pengantara teratas dan syafaatnya adalah yang pertama sekali diterima pada Hari Penghakiman, tetapi kita menjumpai bahawa dia tidak boleh membuat syafaat untuk ibunya. Hakikatnya, tiada siapa pun yang boleh membuat syafaat pada hari tersebut menurut Al-Quran. Muhammad jelas bercanggah dengan dirinya sepanjang masa dan ini menunjukkan kepada kita yang dia sebenarnya membuat “wahyu” yang direka-reka tetapi mengakunya turun dari Tuhan.

## **IDEOLOGI-IDEOLOGI YANG BERCANGGAH**

Dalam Al-Quran 2:23, Allah mencabar kaum Arab untuk menghasilkan sesuatu yang kualitinya setaraf dengan Al-Quran:

Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding [kualiti]

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dengan Al-Quran itu dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

Cabaran yang sama dari Allah turut boleh dijumpai dalam Al-Quran 17:88:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.”

Kita tidak akan bercakap tentang kesilapan-kesilapan Bahasa Arab di dalam Al-Quran, dan Al-Quran sememangnya penuh dengan kesilapan sebegini. Saya tahu ramai di antara anda tidak tahu berbahasa Arab, maka tiada gunanya mendedahkan kesilapan-kesilapan Bahasa Arab yang begitu jelas di dalam Al-Quran. Akan tetapi, saya akan mendapatkan bukti daripada kata-kata Allah sendiri, bahawa sesiapa sahaja boleh menghasilkan sebuah Al-Quran. Ini termasuk Encik Syaitan sendiri (Al-Quran 22:52-53):

(52) Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang Rasul atau seorang Nabi melainkan apabila dia bercita-cita (supaya kaumnya beriman kepada agama Allah yang dibawanya), maka Syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau Nabi itu mencapai cita-citanya; oleh itu, Allah segera menghapuskan apa yang telah diganggu oleh Syaitan, kemudian Allah menetapkan ayat-ayatNya dengan kukuhnya dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(53) (Yang demikian) kerana Allah hendak menjadikan hasutan Syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang-orang yang ada

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

penyakit kufur ingkar dalam hati mereka dan yang hatinya keras membatu dan sesungguhnya mereka yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh dari kebenaran.

Ayat-ayat tersebut dikenali sebagai ayat-ayat Syaitan!

Dalam Al-Quran 2:23, Allah berkata, “maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu,” namun di dalam Al-Quran 22:52-53, Allah pula mengatakan dia akan menghapuskan apa yang telah diganggu oleh Syaitan dari mulut Muhammad sebagai Al-Quran. Apa yang melucukan adalah Muhammad sendiri membacakan Al-Quran kepunyaan Syaitan. Muhammad sendiri tidak perasan perbezaan Al-Quran milik Allah dengan Al-Quran milik Syaitan, sehingga dia mengatakan Syaitan turut telah melakukan seperti ini kepada kesemua nabi Allah yang datang sebelum dirinya!

Berikut adalah apa yang kita faham dari kesemua tadi:

1. Syaitan sentiasa menghasilkan Al-Quran. Tiada siapa pun yang menyedari ini bukan berasal dari Allah.
2. Syaitan telah berbuat sedemikian kepada semua nabi Allah dengan jayanya. Orang Islam bersetuju bahawa buku-buku dari kesemua nabi Islam, seperti Isa dan Musa telah dirosakkan Syaitan dan Allah tidak mampu berbuat apa-apa terhadap ini. Ini amatlah membimbangkan, lebih-lebih lagi kita perlu mempercayai Allah telah menghantar seramai 124,000 nabi Islam kepada umat manusia!
3. Ini bermakna Syaitan telah melakukan kerosakan sebanyak 124,000 kali, melemparkan ayat-ayat dan surah-surah kepada para nabi Allah dan tiada seorang pun menyadarinya.
4. Kemudian, penyelesaian Allah kepada perkara ini adalah dengan memansuhkan (apa yang telah dilakukan oleh

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Syaitan). Lawaknya penyelesaian ini! Tambahan pula, ini tidak menyokong dakwaan Muhammad tentang kerosakan buku-buku kepunyaan nabi-nabi yang lain. Mengapa Allah tidak memansuhkan ayat-ayat Syaitan untuk nabi-nabi sebelum Muhammad?

5. Al-Quran mencabar kedua-dua umat manusia dan umat jin untuk menghasilkan sesuatu yang sebanding dengan Al-Quran. Maka, orang Islam tidak boleh mengatakan cabaran ini hanya untuk umat manusia sahaja, seperti mana di dalam Al-Quran 17:88:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.”

Maka, kita perlu menanyakan orang Islam, sekiranya Allah adalah tuhan yang sebenar, kenapa dia tidak mengetahui bahawa Syaitan adalah dari golongan jin (Al-Quran 18:50, “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam; lalu mereka sujud melainkan Iblis (Syaitan); dia adalah berasal dari golongan jin...”) seperti dalam Islam? Syaitan akan melakukannya dan telah melakukannya kepada 124,000 nabi Allah seperti dinyatakan Al-Quran 22:52:

Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang Rasul atau seorang Nabi melainkan apabila dia bercita-cita (supaya kaumnya beriman kepada agama Allah yang dibawanya), maka Syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau Nabi itu mencapai cita-citanya; oleh itu, Allah segera menghapuskan apa yang telah diganggu oleh Syaitan...

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Allah mengatakan dia akan memansuhkan apa yang telah dilemparkan oleh Syaitan, namun dia tidak pernah memberitahu orang Islam ayat-ayat apa yang akan dimansuhkan termasuk yang telah diberikan oleh Syaitan. Bagaimanakah umat Islam hendak mengetahui manakah ayat-ayat syaitan yang rosak sekiranya Allah tidak menunjukkan ayat-ayat tersebut satu per satu?! Mungkin Allah telah memansuhkan mereka dalam buku langitnya (Al-Quran 85:22, "(Lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Luh Mahfuz (**batu bersurat/tablet batu**)"! Apa pula kelebihan pemeliharaan ini sekiranya ajaran Syaitan masih berada dalam tangan umat Islam?

Bagaimana dengan ayat 22:53 itu sendiri? Adakah kita tahu atau tidak ia tidak berasal dari Syaitan kerana Syaitan mampu melemparkan ayat-ayatnya ke mulut Muhammad? Bukankah dia mampu melemparkan satu lagi penambahan? Maka Allah boleh berkata, " Jangan risau tentang ajaran kotor yang telah diberikan. Saya boleh membuangnya!"

6. Akhirnya, ketika ayat ini dilemparkan kepada Muhammad, bukan sahaja dia membacakan kaya-kata Syaitan, malah dia turut membongkok kepada berhala-berhala. Ini bermakna Syaitan telah mengawal Muhammad secara fizikal, kerana menurut cerita dalam Tafsir Ibn Kathir, Cetakan 1999, Kerajaan Arab Saudi, V5, mukasurat 442:

فَرَأَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْكُحُ النَّجْمَ فَلَمَّا بَلَغَ هَذَا الْمَوْضِعِ "أَفْرَأَنِّي الْأَدُثُ وَالْعُزْرَى وَمَنَّاهُ النَّالِدَةُ الْأُخْرَى" قَالَ فَأَلْقَى الشَّيْطَانُ عَلَى لِسَانِهِ : إِنَّكَ الْغَرَانِيقُ الْفَلْقُ وَإِنَّ شَفَاعَتِهِنَّ لَنْ تُرْجَعَى قَالُوا مَا ذَكَرَ الْبَشَرُ بِخَيْرٍ قَلِيلٌ الْيَوْمَ فَسَجَدَ وَسَجَدُوا فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ هَذِهِ الْآيَةَ

Apabila nabi (Muhammad) sedang membaca surah Al Najem (Bintang, Al-Quran 53) Iblis melontarkan ke mulutnya, "Adakah kamu melihat Al-Lat dan Al-'Uza dan Manat bertiga, adalah suatu keharusan untuk memuji mereka dan syafaat mereka harus dipinta

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dari padanya mereka. "Dan para kafir berkata," Muhammad tidak pernah memuji para dewa kami seperti hari ini. "Dan Dia (Muhammad) bersujud dan mereka bersujud bersamanya (kepada berhala-berhala iaitu tiga anak perempuan Allah).

Ini menjurus kepada alasan-alasan lain untuk menolak Muhammad sebagai seorang nabi Tuhan, kerana ini percanggahan penting kepada Al-Quran dari pelbagai aspek, seperti yang kita boleh lihat dalam Al-Quran 15:42:

Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu (Syaitan) sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri).

- Ini bermakna Muhammad adalah dari golongan orang-orang yang sesat.
- Muhammad bukan seorang nabi.
- Dia tidak dilindungi Allah.
- Perlindungan Allah adalah palsu dan tidak wujud. Inilah sebabnya tiada apa-apa pun menjadi untuk Muhammad.
- Bagaimakah Syaitan boleh membuat Muhammad bersujud? Adakah dia berkuasa penuh dalam mengawal Muhammad? Mungkin Muhammad dan Syaitan adalah sama! Dalam kes yang terbaik pun, Muhammad pastinya telah dikuasai Syaitan, maka dia tidak sesuai untuk menjadi seorang nabi dalam apa-apa keadaan sekali pun.

## **MUHAMMAD: DIRASUK SYAITAN-SYAITAN**

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Mungkin ada yang berkata saya cuba memandu anda kepada kesimpulan tersebut, namun ia adalah fakta, inilah yang dipercayai oleh orang Islam (Sahih Bukhari, Buku 53, Hadis 400):

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُتَّهِّدِ حَدَّثَنَا يَحْيَى حَدَّثَنَا هَشَّامٌ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرَّ حَتَّى كَانَ يَخِيلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ صَنَعَ شَيْئًا وَلَمْ يَصْنَعْهُ

Dilaporkan 'Aisha: Rasullullah telah disihir sehingga dia sering berkhayal yang dia telah melakukan sesuatu, sebaliknya hakikat adalah dia tidak pernah (melakukannya)."

Muhammad, seperti dinyatakan oleh orang Islam dan isterinya, telah dirasuk. Namun, ini bercanggah dengan apa Al-Quran 15:42 katakan dan janjikan:

سَعْيَكُمْ هَذِهِ هَمَّابُكُمْ تَنْهَىٰ لَمْ يَجِدُوا لَهُمْ مِنْ حُكْمٍ  
سَعْيُكُمْ هَذِهِ هَمَّابُكُمْ تَنْهَىٰ لَمْ يَجِدُوا لَهُمْ مِنْ حُكْمٍ

Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu (Syaitan) sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri).

Sekali lagi, terbukti bahawa Muhammad adalah seorang yang jahat. Kalau tidak, bagaimana Syaitan boleh menggunakan ilmu hitam ke atas dia seperti dalam Bukhari, Buku 71, Hadis 658; Bukhari, Buku 73, Hadis 89; Bukhari, Buku 7, V71, Hadis 661:

Diterangkan oleh 'Aisha: "Sihir memberikan kesan pada Nabi Allah (Muhammad)  
sehinggakan dia mula membayangkan bahawa dia telah melakukan sesuatu sedangkan dia tidak melakukannya."

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Anda dapat melihat begitu lucunya cerita ini dan bagaimana kehidupan Muhammad penuh dengan kisah-kisah dongeng. Seperti biasa, umat Yahudi atau orang lelaki Yahudi yang dipersalahkan. Tengoklah lelaki Yahudi ini, seperti yang didakwa Muhammad, telah berjaya mengawal Muhammad “dengan menggunakan sebatang sikat dan sehelai rambut kepunyaan Muhammad dan secebis kulit debunga dari pokok kurma jantan.” Alangkah kecilnya otak manusia untuk mempercayai cerita seperti ini!

Maka, kita perlu bertanya mengapa Muhammad mereka-reka pembohongan tersebut:

1. Pertama, menjadi alasan terhadap kelakuannya yang pelik.
2. Pembohongan yang sengaja direka dan mendakwa dirinya di bawah pengaruh ilmu hitam (seperti disebut oleh orang Islam, namun saya menggelarnya dirasuk). Melalui cara ini, kelakuan jeliknya tidak dapat dihakimi oleh sesiapa.
3. Salah satu pembohongan Muhammad dijumpai dalam hadis ini (Sahih Muslim, Buku 23, Hadis 5081):

‘Amir bin Sa'd bin Abu Wa'qas melaporkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Dia yang makan tujuh biji buah kurma pada waktu pagi, racun dan sihir tidak akan mendatangkan bahaya kepadanya sehingga penghujung hari.

Muhammad telah mengajar mereka pembohongan, telah terkena jangkitan sihir, dan dia akhirnya mati akibat racun! Sudah pasti kita akan menyentuh tentang kematiannya nanti.

Untuk mendapat sedikit kefahaman tentang betapa parahnya Muhammad terkena rasuk, kita boleh melihat baris pembuka ayat Sahih Al-Bukhari, Buku 73, Hadis 89:

Diceritakan ‘Aisha (isteri yang masih kanak-kanak kepada Muhammad): “Untuk sekian-sekian tempoh, Rasullullah terus-

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

menerus berkhayal dia telah meniduri (melakukan hubungan seks) isteri-isterinya walhal dia tidak melakukannya!”

Ia tidak penting walaupun betapa hebatnya orang Islam cuba menyembunyikan keburukan dan kegilaan lelaki ini. Tiada penjelasan yang boleh menerangkan bagaimana parahnya dia menjalani kehidupan dalam keadaan khayalan dan ilusi, sehingga ke tahap dia tidak tahu adakah sebenarnya dia melakukan hubungan seks dengan kesemua sembilan isterinya atau hanya mengimaginasi. Selepas kesemua ini, ada beberapa soalan penting yang harus kita tanya:

- Bolehkah kita mempercayai Muhammad yang menyatakan dia melihat malaikat, dan namanya Jibreel (Gabriel), setelah kita melihat bukti-bukti Muhammad hidup dalam keadaan khayal? Siapa tahu? Mungkin cerita malaikat ini pun satu khayalan.
- Mengapa Allah tidak memberi perlindungan kepada Muhammad dari Iblis sedangkan Al-Quran menyatakan Allah melindungi Mariam dan anak lelakinya dari Syaitan? Al-Quran 3:36?

... aku telah menamakannya Mariam dan aku perlindung dia dengan peliharaanMu, demikian juga zuriat keturunannya, dari godaan syaitan yang kena rejam (yang dikutuk dan disingkirkan)

- Adakah ini bermakna ‘Isa (nama salah untuk Yesus) lebih dikasihi oleh Allah berbanding dengan Muhammad? Bukankah Allah telah berjanji untuk melindungi Muhammad sebaik mungkin? Ayat sebelum ini menyatakan Allah akan melindungi orang Islam yang baik. Untuk jawapannya, kita harus mengambil kira sama ada:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

" Al-Quran adalah sebuah buku yang sarat dengan penipuan, Allah menjadikan seorang nabi palsu, dan Allah cuma adalah nama palsu yang dihasilkan oleh Muhammad dan para subahatnya (Waraqa Ibn Naofal dan seorang rahib bernama Buhira) atau;

" Muhammad bukan seorang Muslim, dan bermakna ayat tadi adalah untuk orang Islam yang sebenar! Walau apa pun, ini tetap membuktikan bahawa Islam adalah satu agama palsu dihasilkan oleh seorang manusia, untuk manusia.

## **PEMBUNUHAN SEORANG KANAK-KANAK LELAKI YANG TIDAK BERSALAH, BAGAIMANA DAN MENGAPA**

Musa bertemu dengan nabi Al Khader, Al-Quran 18:65:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِنْ عِبَادِنَا إِنَّهُ رَحْمَةٌ مِنْ عِنْدِنَا وَعَلِمَتْهُ مِنْ لَذِنَا عِلْمًا

Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Kita memahami ayat ini bahawa seorang hamba Allah ini (Al-Khader) ialah seorang nabi di mana Allah telah mengurniakan rahmat dan begitu banyak ilmu pengetahuan kepadanya sehingga Musa menanyakannya, seperti dalam ayat berikut (Al-Quran 18:66), untuk diterima sebagai seorang pengikutnya:

**قَالَ لَهُ مُوسَى هَلْ أَتَيْتَكَ عَلَىٰ أَنْ تُعْلِمَنِ مِمَّا عِلْمَتْ رُشْدًا**

Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?

Seperti yang kita lihat, Al Khader ini merupakan seorang nabi yang sangat penting. Tolong ingat ini untuk nanti, bahawa ayat 18:65 mengatakan Allah telah mengurniakannya ‘rahmat’ dan ‘ilmu’. Nabi ini memiliki kurniaan khas berkenaan belas kasihan dan ilmu pengetahuan.

Dalam cerita ini, kita dapat mempelajari iaitu ketika mereka sedang meneruskan perjalanan, dia (Al Khader) ternampak seorang kanak-kanak lelaki, lalu membunuhnya! Maka, Musa bertanya mengapa dia boleh membunuh seorang kanak-kanak lelaki yang tidak berdosa. Al Khader menjawab, “Saya telah memberitahu anda yang anda tidak mampu bersabar dengan saya!”

**فَانْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا لَقِيَا غَلَمَانِ فَقَتَلَهُ ۚ قَالَ أَفْلَتَ نَفْسًا رَّكِيَّةً بِغَيْرِ نَفْسٍ لَّذِذْ جِنَّتْ شَيْئًا نُكْرًا**

Kemudian keduanya berjalan lagi sehingga apabila mereka bertemu dengan seorang kanak-kanak lelaki lalu dia

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

membunuhnya. Nabi Musa berkata Patutkah engkau membunuh satu jiwa yang bersih, yang tidak berdosa membunuh orang? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar!

Ceritanya bersambung dengan ayat 18:80 di mana Al Khader berkata:

وَأَمَّا الْغَلَمُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَسِيْنَا أَن يُرِّهُمَا طَعِيْنَا وَكُفُّرُ

Adapun kanak-kanak lelaki itu, kedua ibu bapanya adalah orang-orang yang beriman, maka kami bimbang bahawa dia akan mendesak mereka melakukan perbuatan yang zalim dan kufur.

Dalam Sahih Muslim, Buku 033, Hadis 6434, kita menjumpai tafsir tentang cerita ini:

Nabi Allah berkata: "Kanak-kanak lelaki yang dibunu oleh nabi Al-Khader adalah seorang kafir secara sifatnya, dan jika dia tidak dibunu, dia akan melibatkan ibu bapanya dengan keingkaran dan kekufturan."

Sekaran kita kaji cerita ini dan cari apakah yang salah tentangnya:

- Lelaki itu adalah seorang kanak-kanak Muslim yang tidak melakukan apa-apa kesalahan. Kedua-dua nabi Islam tadi telah bersetuju bahawa dia tidak berdosa!
- Bagaimana hendak menghakimi seseorang untuk suatu jenayah yang belum lagi dilakukannya? Dia cuma seorang kanak-kanak yang belum tahu apa-apa tentang apa yang bakal dilakukannya, malah dia belum melakukan apa-apa lagi!
- Ayat 80 menyatakan Al Khader risau yang lelaki itu akan menjadi tidak adil.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- Dia sendiri kurang pasti adakah lelaki itu akan meninggalkan Islam atau tidak.
- Soalan yang paling penting adalah, sekiranya Allah menceritakan sebuah kisah yang benar, mengapa di dunia jutaan kanak-kanak membesar dan menjadi atheis apabila dewasa, dan ramai yang mencemuh ibu bapa mereka, namun Allah tidak mengakibatkan kematian kepada mereka ketika mereka masih kecil lagi? Ini hanya berlaku kepada lelaki dalam cerita tadi.
- Cara Al Khader si nabi Islam membunuh kanak-kanak tersebut adalah begitu kejam.
- Dari tafsir Al Jalalayn untuk ayat 18:74, kita boleh melihat sedutan ini:

فَانْطَلَقَ بَعْدَ حُرُوجِهِمَا مِنَ السُّقِيَّةِ يَمْشِيَانِ "خَنِّي إِذَا أَتَيْنَا غُلَامًا لَمْ يَلْعَجْ الْجُنُّ ثُلَّبَ مَعَ الصَّيْنَانِ أَحْسَنَهُمْ وَجْهًا  
فَقَتَلَهُ الْحَمْرَى بِأَنْ نَبَحَهُ بِالسُّكِّينِ مُضْطَجِعًا أَوْ اقْتَلَعَ رَأْسَهُ بِيَدِهِ أَوْ ضَرَبَ رَأْسَهُ بِالْجَذَارِ"

- Dia pergi lalu ternampak seorang kanak-kanak lelaki, dia menyembelihnya dengan sebilah pisau lalu mengambil kepalanya dan mula menghempaskannya pada dinding!
- Mengapa pula pembunuhan seseorang perlu dilakukan sebegini rupa? Lebih-lebih lagi menganiaya mayatnya seolah-olah ianya satu permainan. Ingat, kita bukan bercakap tentang seorang dewasa yang telah membuat kesalahan. Kalau tidak, kita boleh berkata nabi tadi (Al Khader) sedang membala dendam! Akan tetapi, lelaki itu cuma seorang kanak-kanak dan dia telah dibunuh dengan kejam. Apakah tujuan menyembelihnya kemudian menghempaskan kepalanya kepada dinding?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- Akhirnya, kita boleh menyimpulkan bahawa ini cuma kisah dongeng yang mendedahkan wajah sebenar Islam yang buruk lagi hodoh. Membunuh seseorang yang tidak melakukan apa-apa, hanya kerana risau tentang apa yang mungkin dia akan lakukan adalah perbuatan yang salah lagi kejam. Sekiranya cerita ini benar, maka umat manusia semuanya harus dibunuh sebelum menjadi dewasa, kerana kita semua bersalah membawa dosa. Maka, jelaslah cerita ini adalah sebuah kisah gila oleh Muhammad.

**ALLAH MENYESATKAN SESIAPA YANG DIA INGINKAN SESAT DAN MEMBIMBING SESIAPA YANG DIA INGIN BIMBING**

Untuk mengetahui kedudukan Allah pada bimbingan, kita merujuk kepada Al-Quran 4:88:

فَمَا لَكُمْ فِي الْمُنَّاسِقِينَ فِتْنَتِنِ وَاللَّهُ أَرْكَسَهُمْ بِمَا كَسَبُوا أُثْرِيدُونَ أَن تَهُوُا مِنْ أَصْنَأِ اللَّهِ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَلَنْ يَجِدْ لَهُ سَبِيلًا

Maka apakah yang menyebabkan kamu (berpecah) menjadi dua golongan terhadap kaum munafik itu, padahal Allah telah menjerumuskan mereka (ke dalam kekufuran) disebabkan apa yang telah mereka usahakan? Adakah kamu pula hendak memberi petunjuk kepada orang-orang yang telah disesatkan oleh Allah? Padahal sesiapa yang telah disesatkan oleh Allah, maka engkau tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya.

Kita mendapat maklumat lagi dari Al-Quran 6:39:

## *PENIPUAN Allah by Christian Prince*

وَالَّذِينَ كَبُواْ بِإِيمَنَا صُمٌّ وَلَمْ فِي الظُّلْمَاتِ مِنْ يَسِّرٍ إِلَهٌ يُضْلِلُهُ وَمَنْ يَسِّرٍ يَجْعَلُهُ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, mereka adalah bisu dan tuli, di dalam gelap-gelita. Sesiapa yang Allah kehendaki: Akan disesatkannya (menurut peraturan tetapNya) dan sesiapa yang Dia kehendaki: Akan dijadikannya atas jalan yang betul lurus.

Manakala dalam Al-Quran 6:125:

فَمَنْ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَقْدِيرُهُ يُسْرِخُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدُ أَنْ يُضْلَلُ يَجْعَلُ صَدْرَهُ ضِيقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصْدُدُ فِي السَّمَاءِ كَأَنَّكَ يَجْعَلُ اللَّهَ الْرَّجْنَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Dia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah dia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

1. Dalam Al-Quran, Allah yang bertanggungjawab membimbing ke arah kejahatan, seperti yang anda boleh baca, bukannya Syaitan.
2. Sekiranya ini perbuatan Allah, apakah tugas Syaitan?
3. Sekiranya ayat ini jelas menyatakan bahawa Muhammad tidak ada hak untuk membimbing mereka dan dia tidak mendapat kebenaran dari Allah untuk membimbing mereka, kenapa Muhammad dipanggil rasul Allah? Apakah tugas Muhammad?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

4. Mengapa pula Allah marah kepada Muhammad kerana cuba membimbang orang-orang tadi?

Al-Quran 7:178 memberitahu kita:

مَن يَهِدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدٌ وَمَن يُضْلَلْ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah (dengan sebab persediaannya) maka dialah yang beroleh petunjuk dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah (dengan sebab keingkarannya) maka mereka lah orang-orang yang rugi.

1. Tengoklah tuhan ini! Bagaimana Allah boleh membimbang orang dan kemudian juga menyesatkan orang, kemudian mendenda mereka kerana sesat?
2. Islam hanya berkaitan dengan nasib tuah. Sekiranya anda bertuah, anda akan menjadi salah seorang yang dipilih Allah sesuka hati sahaja, dan sekiranya anda bernasib malang, anda akan ditolak Allah! Anda langsung tidak tahu apakah kesilapan anda!

### **ALLAH MENYESATKAN ORANG KRISTIAN DAN YAHUDI**

Semua kita sedar bahawa orang Islam mendakwa Yesus tidak pernah disalibkan. Penyaliban Yesus amat penting, sehingga sekiranya anda tidak mempercayai ini, anda dianggap bukan orang Kristian.

Namun cerita di dalam Al-Quran begitu pelik dan tidak masuk akal. Mari kita menggunakan logik untuk menilai perbuatan Allah dan

## *PENIPUAN Allah by Christian Prince*

Muhammad, apabila berkenaan penyaliban Yesus dengan membaca Al-Quran 4:157:

وَقُولُّهُمْ إِنَّا قَتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى أُنَّ مَرْدِيمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَاتَلُوهُ وَلَكِنْ شَهَدُهُ لَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ أَخْتَلُوا فِيهِ لَفِي سُكُونٍ مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا تَبَاعُ الظُّنُونَ وَمَا قَاتَلُوهُ يَقِيَّا

Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: "Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa Ibni Mariam, Rasul Allah". Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang iaitu salib), tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa) dan sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi Isa, sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhan). Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin.

Buku Jame' Al Baiyan fe Tafsir Al-Quran, Tahun 310, Islamik

[ص: 373] فجلس فيه، ورفع عيسى صلوات الله عليه. فدخلوا عليه فأخذوه فصلبوه، فكان هو الذي صلبوه وبشه لهم به . وكانت عذتهم حين دخلوا مع عيسى معلومة ، قد رأوه وأحصوا عذتهم . فلما دخلوا عليه ليأخذوه ، وجدوا عيسى فيما يرون وأصحابه ، وقفوا رجلا من العدة ، فهو الذي أخذلوا فيه ، و كانوا لا يعرفون عيسى ، حتى جعلوا ليوس ركيبا يوطا ثلاثين درهما على أن يبلئهم عليه ويعوفهم إياه ، فقال لهم : إذا دخلتم عليه ، فإبني سابقليه ، وهو الذي أقبل ، فأخذوه . فلما دخلوا عليه ورفع عيسى ، رأى سرجس في صورة عيسى ، فلم يشك أنه هو عيسى ، فكتب عليه قبليه ، فأخذوه فصلبوه . ثم إن يووس ركيبا يوطا ندم على ما صنع ، فاختنق بحبلى حتى قتل نفسه . وهو ملعون في النصارى ، وقد كان أحد المدعودين من أصحابه . وبعض النصارى يزعم أن يووس ركيبا يوطا هو الذي شبه لهم ، فصلبوه وهو يقول : "إني لست بصاحبكم! أنا الذي دللكم عليه!" والله أعلم أي ذلك كان .

Daripada Ibnu Ishaq, beliau berkata: Apabila 'Isa telah mendedahkan kepadanya, dari Allah iaitu, "Saya akan mengangkat anda (ke syurga) O 'Isa. "Kemudian Yesus berkata kepada rasul-rasulnya," Barangsiapa di antara kamu akan mengambil tempatku untuk dibunuh, dan dia akan menjadi sahabat saya untuk pergi ke

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

syurga dan Allah akan meletakkan imej dan rupa saya kepadanya, maka dia akan kelihatan seperti saya dan mereka akan membunuhnya, bukan saya! "Salah seorang rasul, namanya Sarjes! **Dia berkata kepada Yesus, "Aku, Roh Allah!"**

Kemudian Yesus berkata kepadanya. "Kemudian duduk di kerusi saya." Dan dia duduk di atasnya. Kemudian Allah mengangkat Yesus ke syurga kepadanya. Orang-orang Yahudi memasuki rumah itu, dan mereka mengambil Sarjes dan mereka menyalibkan dia, kerana dia adalah orang yang kelihatan seperti Yesus selepas Allah menjadikannya kelihatan seperti Yesus. Apabila mereka memasuki rumah mereka mengira terdapat 12 di dalamnya dan satu hilang dari jumlah keseluruhan (13). Bagi Yesus, Allah mengangkatnya (ke syurga). Kerana mereka tidak tahu bagaimana rupa Yesus, (Orang Yahudi tidak tahu bagaimana rupa Yesus?) Ini sebabnya mereka menawarkan kepada Youdos Zakria Youta tiga puluh keping perak untuk membawa mereka kepada Yesus. Dia memberitahu mereka, "Apabila saya masuk, saya akan menciumnya supaya kamu tahu siapa adalah Yesus. "Jadi apabila mereka memasuki rumah, Yesus telah diangkat (oleh Allah ke syurga), tetapi dia (Youdos) melihat Sarjes yang kelihatan seperti Yesus, jadi dia menciumnya, seperti yang telah dikatakannya kepada mereka, dan kemudian mereka menyalibkannya.

Apabila kita mengambil kira cerita ini, tiada satu pun perkara di dalamnya masuk akal:

1. Allah meminta Yesus untuk mengarahkan orang-orangnya untuk berbohong supaya dia boleh mlarikan diri!
2. Allah mengelirukan orang Yahudi dan orang Kristian. Cerita tentang sama ada dua belas orang berada di sana atau tidak langsung tidak membantu saya memahami mengapa Allah mahu saya melihat Yesus pada salib dan bukannya Sarjes,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

yang betul-betul menyerupai Yesus. Sekiranya 100,000 orang memberitahu saya bahawa bukan Yesus yang disalibkan, tidak mungkin saya akan menerima cerita mereka kerana saya melihatnya pada salib dengan mata saya sendiri! Juga, bagaimanakah anda sanggup membuatkan Mariam, ibu Yesus sendiri, menerima bahawa bukan Yesus yang berada pada salib itu, sedangkan rupa dan suaranya betul-betul sama (bagaikan seorang klon)?

3. Mengapakah tidak seorang pun antara rasul-rasul Yesus mengulangi cerita ini atau menyebut sepatah kata tentang orang tadi yang menjadi klon Yesus?
4. Apakah tujuan Yesus diselamatkan namun membiarkan seorang yang tidak bersalah dihukum mati untuk menjadi ganti? Ini merupakan satu perbuatan pengecut si 'Isa, seorang Muslim, untuk melarikan diri setelah meminta orang lain untuk mati deminya. Ini bukan perbuatan wira-wira. Wira-wira sebenar sanggup mati demi orang lain, bukannya meminta orang lain mati untuk mereka.
5. Tidakkah Allah mengetahui, sekiranya dia tuhan sebenar, bahawa perbuatan mengklon ini menjadi penipuan paling hebat dalam sejarah peradaban manusia kerana menyebabkan lebih daripada tiga bilion manusia menerima Kristianiti hari ini?
6. Ini menjadikan Allah sebagai penipu teragung di dalam sejarah peradaban manusia.
7. Ini juga bermakna Allah adalah Syaitan. Ini kerana hanya Syaitan sahaja melakukan penipuan.
8. Cerita Al-Quran membuktikan apa yang dilaporkan oleh Alkitab tentang penyaliban Yesus adalah benar. Alkitab melaporkan apa yang telah dilihat

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

oleh para saksi. Sekiranya ini tidak benar, ia akan menjadi satu penipuan besar. Ini kerana **para saksi telah melaporkan sesuatu yang berbeza daripada apa yang mereka telah saksikan** dengan mata mereka sendiri.

9. Soalan berikut ini sangat mustahak: Apakah tujuan mengklonkan Yesus sedangkan Yesus telah diangkat Allah ke syurga sebelum orang Yahudi tiba untuk membunuhnya? Sekiranya Allah boleh mengangkat Yesus ke syurga untuk menyelamatkannya, mengapa Allah tidak menyelamatkan kesemua rasul Yesus sekaligus? Adakah Allah telah ketandusan idea atau tipu helah? Bagaimana kalau Allah menjadikan kesemua rasul tersebut menyerupai Yesus, atau menjadikan kesemua orang Yahudi menyerupai Yesus? Bagaimana kalau menjadikan kesemua umat manusia menyerupai Yesus? Maka, sudah pasti tidak ada cara untuk mencari dan mengenal pasti Yesus!
10. Inilah cerita paling bodoh yang pernah direka. Pada masa yang sama, ia menunjukkan betapanya pendeknya akal Muhammad yang mereka-reka kisah dongeng ini, dengan menjadikan penipuan adalah halal dalam Islam, asalkan Allah atau orang Islam melakukan penipuan ini.

Setelah kita membuktikan Allah membuat penipuan, kita harus ingat apa yang telah Kristus katakan dalam Yohanes 8:44:

Iblislah yang menjadi bapamu dan kamu ingin melakukan keinginan-keinginan bapamu. Ia adalah pembunuh manusia sejak semula dan tidak hidup dalam kebenaran, sebab di dalam dia tidak ada

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

kebenaran. Apabila ia berkata dusta, ia berkata atas kehendaknya sendiri, sebab ia adalah pendusta dan bapa segala dusta.

Saya berfikir, setelah membaca ayat tadi, tidak perlu lagi untuk saya membuat komen lanjut. Yesus Kristus telah memberikan kita jawapannya.

## **Kedatangan Semula Al-Masih**

Oleh kerana saya telah menunjukkan bagaimana ‘Isa (‘Yesus’ dalam Islam) kini berada di syurga dan masih hidup sejak 2000 tahun lepas sehingga sekarang, saya masih menyatakan ceritanya belum tamat lagi. Dalam Sahih Bukhari Buku 34, Hadis 425 kita membaca:

Rasulullah saw bersabda: "Aku berikrar oleh Dia di mana nyawaku adalah dalam tanganNya, Anak lelaki Mariam akan segera turun di antara kamu sebagai seorang yang adil dan hakim yang berkuasa. Dia akan menjatuhkan salib, menyembelih babi dan menghapuskan jizyah (bayaran penalti yang harus dibayar oleh orang Kristian, atau mereka akan dibunuh) dan kekayaan akan melimpah-ruah ke suatu tahap sehingga tiada siapa lagi akan berhenti untuk mengambilnya."

1. Di sini kita boleh melihat gambaran baru Kristus dalam Islam. Ingat, Muhammad adalah nabi yang terunggul antara semua nabi-nabi Allah tetapi dia sudah mati! Yesus adalah nabi, namun bukunya telah rosak! Dia tidak mampu membuatkan satu orang pun di dunia hari ini menjadi pengikutnya! Dia adalah seorang yang melarikan diri demi menyelamatkan nyawanya sendiri, sambil meminta orang lain mati deminya, dan setelah Al-Quran menceritakan perkara-perkara buruk tadi mengenainya, yang lucunya Yesus masih menjadi juruselamat dunia!

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

2. Dia akan kembali sebagai seorang yang akan memerintah dunia! Seperti mana yang anda dapat lihat, Muhammad berkata Yesus adalah pemerintah mereka ‘yang adil dan hakim yang berkuasa’ untuk seluruh dunia.
3. Maka kita perlu tanya mengapa Muhammad tidak menjadi Al-Masih (Juruselamat)?
4. Sedangkan dalam filem-filem, semua watak selalunya akan mati kecuali wiranya. Dia adalah yang menyelamatkan orang yang baik dan membawa kemenangan pada penghujung filem. Menurut hadis tadi, Yesus akan membawa kemenangan, bukannya Muhammad yang sudah mati!
5. Ini bermakna kita orang Kristian membuat pilihan yang paling logik lagi betul. Sekiranya seseorang menanyakan anda, “Kita ada dua orang untuk kita pilih dan ikut. Seorang sudah mati dan seorang lagi hidup.” Siapa yang kita patut ikut?
6. Sekiranya Yesus akan menjadi ‘yang adil dan hakim yang berkuasa’, bukankah ini menjadikan Yesus sebagai Tuhan? Tiada seorang pun manusia yang baik, kecuali Tuhan menurut Al-Quran 6:57:

فَلَمْ يَرِدْ عَلَىٰ بَيْتِهِ مِنْ رَبِّي وَكَذَبُمْ بِهِ مَا عِنِّي مَا تَسْعَحُلُونَ بِهِ إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ يَعْلَمُ الْحَقُّ وَهُوَ  
حَرَرُ الْفَلَصِيلَنَ

Katakanlah: Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Quran) dari Tuhanku; sedang kamu mendustakannya. Tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan (dari azab seksa); hanya Allah jualah yang menetapkan hukum; Dia menerangkan **Kebebanan dan Dialah sebaik-baik yang memberi keputusan.**

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

7. Seperti mana yang kita boleh lihat, Allah adalah hakim yang teragung, kerana dia sahaja yang memiliki kebenaran. Memiliki kebenaran bererti dia tahu apa yang ghaib. Untuk menjadi seorang hakim yang sempurna, anda harus mengetahui setiap dosa seseorang, penipuannya dan juga kebenarannya! Maka, ini menjadikan Yesus seorang yang mengetahui apa yang ghaib dan tidak diketahui seperti dalam Al-Quran 3:49:

وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنَىٰ إِسْرَائِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُمْ بِإِلَيْهِ مِنْ رَبِّكُمْ أَنِّي أَخْفَقُ لَكُمْ مِنَ الظِّنْنِ كَهْتَنِي أَطْبِرُ  
فَلَعْنَاحُ فِيهِ فَيَكُونُ طَبِيرًا بِإِنَّ اللَّهَ وَابْرَاهِيمَ الْأَكْرَمَ وَالْأَبْرَصَ وَأَخْيَ الْمُؤْمَنَىٰ بِإِنَّ اللَّهَ وَإِنَّكُمْ بِمَا تَكْلُونَ  
وَمَا تَنْذَرُونَ فِي يُبُوتُكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةٌ لَكُمْ إِنْ كُثُمْ مُؤْمِنِينَ

Dan (akan melantiknya) menjadi seorang Rasul kepada Bani Israel, (dengan menegaskan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu, dengan membawa satu tanda (mukjizat) dari Tuhan kamu, iaitu aku boleh membuat untuk kamu dari tanah liat seperti bentuk burung, kemudian aku tiup padanya lalu menjadilah ia seekor burung (yang hidup) dengan izin Allah dan juga aku boleh menyembuhkan orang yang buta dan orang yang sopak dan aku boleh menghidupkan kembali orang-orang yang mati dengan izin Allah dan juga aku boleh memberitahu kepada kamu tentang apa yang kamu makan dan apa yang kamu simpan di rumah kamu. Sesungguhnya perkara-perkara yang demikian itu mengandungi satu tanda (mukjizat) bagi kamu (yang membuktikan kebenaran bahawa aku seorang Rasul yang diutus oleh Allah kepada kamu), jika kamu orang-orang yang (mahu) beriman.

8. Seperti yang anda dapat lihat, Yesus mengetahui tentang apa yang kita makan dan apa yang kita simpan di rumah kita. Ini bermakna:

- "     Yesus adalah adil dan pemerintah.
- "     Berada di mana-mana (Maha Wujud).
- "     Bersama semua orang di dunia ini.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- " Tiada yang boleh disembunyikan daripadanya. Tidak kisah betapa keras usaha kita.
- " Jangan lupa kemampuan Yesus untuk mencipta sesuatu yang hidup!
- " Memberikan mata (menjadikan mereka baru) dan penglihatan kepada si buta hanya melalui menyebut satu perkataan!
- " Lucunya, Yesus dalam Al-Quran melakukan semua perbuatan-perbuatan tadi untuk membuatkan kita percaya kepada Allah! Sebaliknya, kita beriman kepada Yesus disebabkan perbuatan-perbuatan tadi!
- " Lagi sekali, Allah memperbodohkan dirinya dengan memberikan seorang lelaki kuasa-kuasa yang sepatutnya milik Allah sahaja seperti didokumentasikan dalam Al-Quran 22:6:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَاللَّهُ يُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

(Kedua-dua kenyataan) yang tersebut membuktikan bahawa sesungguhnya Allah jualah Tuhan Yang Sebenar-benarnya (yang berhak disembah) dan sesungguhnya Dialah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati dan Dialah jua Yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Allah memberitahu Muhammad apa yang perlu dikatakannya sebagai seorang manusia seperti dalam Al-Quran 7:188:

## *PENIPUAN Allah by Christian Prince*

5. Hari ini, di manakah burung-burung Allah di kala pesawat udara Amerika berlegar-legar di atas Kaabah? Seekor pun langsung tidak menampakkan dirinya!

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Satu Kaabah atau Banyak Kaabah!

Ramai mungkin tidak tahu bahawa terdapat 26 Kaabah di Semenanjung Arabia dan Kaabah di Mekah merupakan salah satu daripada mereka. Tidak ada satu pun perkara yang unik tentangnya. Adakah anda tahu bahawa kesemuanya dibina di atas bekutul batu yang suci, dan mereka semuanya mempunyai ketinggian dan lebar yang betul-betul sama? Sahih Al-Bukhari, buku Al Magazi, Hadis 4117:

حدثنا الصلت بن محمد قال سمعت مهدي بن ميمون قال سمعت أبي رجاء العطاردي يقول كنا نعبد الحجر فإذا وجدنا حجرا هو أخير منه ألقيناه وأخذنا الآخر فإذا لم نجد حجرا جنوا جثوة من تراب ثم جتنا بالشاة فلحلبناه عليه ثم طفنا به فإذا دخل شهر رجب قلنا منصل الأسنة فلاندوع رمحا فيه حديدة ولا سهما فيه حديدة إلا نز عناء

Abu Raja berkata, "Dahulu kami menyembah batu dan kiranya kami menemui seketul batu lain yang lebih elok daripada batu tadi, kami akan meninggalkan penyembahan batu yang pertama, dan kami akan mula menyembah yang baru itu."

Daripada hadis ini, kita memahami berikut:

1. Batu-batu adalah tuhan-tuhan mereka.
2. Rupa batu itu yang membuatkan mereka menyukainya.
3. Batu ini tidak menjadi tuhan mereka untuk selama-lamanya, tetapi ia yang sedia ada dan yang terbaik dalam milik mereka.

Batu hitam (**Hajarul Aswad**) bukan satu-satunya batu suci yang ada! Sahih Al-Bukhari, Buku 26, Hadis 676:

Ibn 'Omar. Dia mendedahkan, "Saya tidak pernah lupa menyentuh, dua batu Kaabah, **batu hitam (Hajarul Aswad)** dan **batu penjuru Yaman**, keduanya dalam kehadiran dan ketidakhadiran awam sejak saya melihat Nabi menyentuh mereka. Saya bertanya Naf'e, "Adakah Ibn 'Omar pernah berkunjung di antara dua penjur?"

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Naf'e menjawab, "Dia dulu berjalan kerana lebih mudah baginya untuk menyentuhnya."

Sekiranya Islam menolak kejahilan, mengapakah pula Muhammad meniru orang-orang jahil dan mengambil Kaabah sebagai stesen untuk berdoa? Kita telah berbincang sebelum ini, sekiranya anda ingat, tentang Omar Ibn Al-Khattab menyatakan (Bukhari, Buku 8, Hadis 395):

Buku 'Olum Al-Quran, V1, Mukasurat 137:

Dilaporkan Annas, Omar bin Al Khatab berkata: Tuhanku bersetuju dengan saya dalam tiga perkara:

**(Pertama)**, saya berkata, 'Wahai Rasulullah, saya harap jika [kamu akan] mengambil tempat untuk kamu menyembah di mana tempat Abraham (Nabi Ibrahim) melakukan doanya. Ia datang begitu, Inspirasi Ilahi (Wahyu): (halaman 137) (Al-Quran 2:125) Dan bawalah (diri) kamu (umat Islam) ke tempat Abraham sebagai tempat solat.'

**(Kedua)**, Dan saya berkata kepada Nabi, kepada nabi Allah, '(Orang) baik dan buruk bercakap dengan isteri-isterimu, oleh itu perintahkan mereka menudungi (menutup aurat) diri mereka! ' Demikianlah Allah menurunkan wahyu berkenaan menutup aurat untuk kaum wanita (Al-Quran 24:31).

**(Ketiga)**, isteri-isteri Nabi bergabung (dalam pertikaian) terhadap Nabi, dan saya berkata kepada mereka, 'Mungkin jika Dia, Tuan kepada Nabi, menceraikan kamu, (semua isteri) dan menukar kamu dengan isteri yang lebih baik daripada kamu.'Jadi ayat tersebut diturunkan (Al-Quran 66: 5) sama seperti yang telah saya katakan."

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Sekiranya anda memerhatikan hadis ini dengan teliti, anda akan perasan bahawa Muhammad cuba memuaskan hati-hati mereka yang menyayangi Kaabah. Ia telah menjadi stesen untuk berdoa sejak beratus-ratus tahun. Muhammad juga sedar dia perlu membuatkan orang Islam turut berpuas hati. Dia juga tahu perbuatan ini akan membuat Islam lebih mudah diterima oleh mereka yang menolaknya. Dia juga tahu mereka yang jahil ini tidak mahu mengubah cara hidup mereka kerana telah biasa dengan cara hidup sebegini.

Hakikatnya, bukan sahaja dia cuba memuaskan hati mereka, malah untuk sebab-sebab ekonomi. Setelah Muhammad membunuh kesemua orang Yahudi dan Kristian di Mekah, perdagangan di kota ini turut mati dan tiada siapa yang datang untuk berdagang di sini. Semua orang takut akan Muhammad dan angkatan tenteranya kerana mereka tahu, Muhammad akan mengarahkan mereka dibunuh (mereka orang kafir). Muhammad terdesak untuk membuat satu aliran perdagangan ke Mekah, dan oleh kerana dia menyukai apa yang dipinta oleh Omar, Muhammad mendapat satu idea yang bernes.

1. Sekiranya saya menjadikan Mekah sebagai satu pusat tumpuan untuk umat Islam, kota ini akan menjadi sibuk dengan orang-orang beriman yang datang untuk melawat.
2. Sekiranya mereka datang untuk melawat, tentunya mereka akan tidur di hotel-hotel dan membeli makanan dan hadiah-hadiah.
3. Pada masa yang sama, mereka akan membawa bersama barang-barang untuk dijual.
4. Ini akan menjadikan kota Mekah pusat perdagangan, yang lebih berbaloi lagi dari menjadi pusat agama atau bandar suci.
5. Paling penting, keputusan ini akan memberi puak Muhammad segala kuasa ke atas semua orang Arab.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

6. Untuk membuktikan kesemua hujah tadi, mari kita pergi ke Al-Quran dan lihat sendiri bagaimana Kaabah sebenarnya bukanlah seperti yang Muhammad mahukan. Dalam Al-Quran 2:142 kita membaca:

سَيِّئُونَ السُّفَهَاءُ مِنْ النَّاسِ مَا وَلَهُمْ عَنْ قِبْلَتِهِمُ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا فَلِلَّهِ الْمَشْرُقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata: Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini? Katakanlah (wahai Muhammad): Timur dan barat adalah kepunyaan Allah (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah mengadapnya, wajiblah kita mematuhiNya); Allah yang memberikan petunjuk hidayatNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus.

- ! Kita boleh lihat di sini, Muhammad telah mempunyai arah kiblat sendiri untuk berdoa. Sejak dari pertama kali dia mengaku dirinya seorang nabi, kiblatnya ke arah Jerusalem (Baitulmaqdis). Tetapi ayat tadi menyatakan Muhammad tidak memerlukan arah kiblat!
- ! Seperti dinyatakan ayat tadi, semua arah adalah menuju kepada Allah. Maka, apa tujuan kiblat? Dalam ayat yang akan datang, Muhammad akan cuba menerangkan mengapa dia menukarkan arah kiblat. Beberapa orang mengejeknya, kerana Muhammad sentiasa menukar arah kiblat untuk berdoa. Al-Quran 2:143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أَمَةً وَسَطَّلْنَا لَكُمُ شَدَّادَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونُ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْبَيْتَ الَّتِي كُنْتُ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مَمَّنْ يَنْقُبُ عَلَى عَيْنِيهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكِبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَذِي اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّؤُوفٌ رَّحِيمٌ

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. Dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tada (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayat dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman).

Di sini, alasan yang diberi untuk perubahan arah kiblat dari Jerusalem (Baitulmaqdis) ke Mekah adalah untuk membezakan orang Islam dengan orang bukan Islam. **Ianya salah satu cara Allah mengetahui siapa orang Islam atau tidak!**

Sekiranya ini adalah kesnya, mengapa Allah menyatakan kita (orang bukan Islam) sebagai kotor, dan kita tidak boleh lagi memasuki kota Mekah, sedangkan ia tidak suci sama sekali? Mengapa Muhammad mencium batu Hajarul Aswad (batu hitam), sedangkan Kaabah itu sendiri tidak suci? Hasilnya, kerana batu hitam tadi pun tidak suci, bermakna Kaabah tidak penting. Ini bermakna pergi menunaikan ibadah haji (Hajj) turut tidak penting.

Sekiranya orang kafir dan jahil berdoa ke arah Kaabah, dan orang Islam pun melakukan perbuatan yang sama, bagaimana kita hendak mengetahui siapa orang Islam?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Jelas bahawa alasan yang diberikan Muhammad bermasalah lagi tidak bijak! Ayat berikut turut menunjukkan seorang yang membuat alasan sebegini tidak bijak sama sekali. Al-Quran 2:144:

فَلَمْ يَرَى قَلْبَ وَجْهَكُ فِي السَّمَاءِ فَلَوْلَا يَنْكُ فِي لَهُ تَرَضَّهَا قُولٌ وَجْهَكُ شَطَرُ الْمَسْدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ  
قُولُوا وَجْهَكُمْ شَطَرُهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحُقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِعَاقِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ

Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjidilharam (tempat letaknya Kaabah) dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.

1. Lihat. Allah cuma memuaskan hati Muhammad. Keinginan Muhammad yang memintanya meniru idea Omar.
2. Muhammad mencari penyelesaian. Apakah yang dia cuba selesaikan? Orang Islam tidak pernah mengadu tentang arah kiblat. Ini kerana mereka telah memiliki arah kiblat mereka sendiri!
3. Allah memilih arah yang telah biasa diamalkan oleh semua orang!
4. Kiblat yang digunakan semua orang adalah kiblat yang sempurna. Muhammad yang menggunakan kiblat yang salah!
5. Penting sekali, ayat ini jelas menyatakan Muhammad dahulunya berdoa ke Kaabah juga, yang bermakna dia adalah seorang jahil seumur hidupnya. Dia melakukan perbuatan yang sama dilakukan dahulu sebelum dia mengakui dirinya nabi Allah.

### Hajarul Aswad (Batu Hitam) dalam Islam

Sebagai sedikit rujukan latarbelakang, kita akan melihat sepintas lalu bagaimana Muhammad sedang mereka-reka satu agama baru dengan mencampur aduk kepercayaan-kepercayaan dan agama-agama lama bersama-sama. Al-Bukhari, Buku 26, Hadis 679 memberitahu kita:

صحيح البخاري - كتاب الحجّ - سعى النبي صلى الله عليه وسلم ثلاثة أشواط  
ومشي أربعة

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي طَرِيفٍ أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ بْنُ أَبِي كَثِيرٍ 1528 - «  
قَالَ أَخْبَرَنِي زَيْدُ بْنُ أَسْلَمَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لِلرُّكْنِ أَمَا  
وَاللَّهِ إِنِّي لَا عُلِمْتُ أَنَّكَ حَجَرًا لَا تَصْرُ وَلَا تَنْقُعُ وَلَوْلَا أَنِّي رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
اسْتَلَمْتُكَ مَا اسْتَلَمْتُكَ فَاسْتَلَمْتُكَ ثُمَّ قَالَ فَمَا لَنَا وَلَمْ يَمْلِ إِنَّمَا كَذَّا رَأَيْتَ بِهِ الْمُشَرِّكِينَ  
وَقَدْ أَهْلَكُوكُمُ اللَّهُ ثُمَّ قَالَ شَيْءٌ صَعَّبَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَا تَحِبُّ أَنْ تَرَكُهُ

Diriwayatkan oleh Zaid's bin Islam bahawa bapanya berkata: "Saya melihat 'Omar bin Al Khattab mencium batu hitam (Hajarul Aswad), lalu ia berkata kepada batu itu sambil menciumnya, 'Jika saya tidak melihat Rasulullah mencium kamu (batu), Saya tidak akan pernah mencium kamu.'"

Sahih Al-Bukhari Buku 26 (Hajj), Hadis 1520, (Cetakan Bahasa Arab):

صحيح البخاري - كتاب الحجّ - باب ما ذُكر في الحجر الأسود  
باب ما ذُكر في الحجر الأسود

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ إِبْرَاهِيمَ 1520  
عَنْ عَابِسِ بْنِ رَبِيعَةَ عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ جَاءَ إِلَى الْحَجَرِ  
الْأَسْوَدِ فَقَبَّلَهُ فَقَالَ إِنِّي أَعْلَمُ أَنَّكَ حَجَرًا لَا تَصْرُ وَلَا تَنْقُعُ وَلَوْلَا أَنِّي رَأَيْتُ  
النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْبِلُكَ مَا قَبَّلْتُكَ

Dilaporkan Muhammad Ibn Kathir, dan Sufian dari Ibrahem, dari 'Abe's bin Rabi'ah bahawa 'Omar berjalan ke arah

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

depan batu hitam (Hajarul Aswad) dan menciumnya, dan dia berkata "Saya tahu bahawa kamu adalah batu dan dalam apa jua kes tidak memberi manfaat kepada sesiapa atau pun tidak membahayakan sesiapa pun. Jika saya tidak melihat Rasulullah mencium kamu, saya tidak akan pernah mencium kamu dalam apa-apa keadaan sekali pun."

1. Seperti yang kita lihat di sini, Omar tidak menyukai mencium batu tersebut, kerana perbuatan ini adalah jahil, namun dia pilihan lain kecuali melakukannya, kerana ketuanya Muhammad mencium batu itu!
2. Omar turut menyatakan batu tersebut tidak bermanfaat dan tidak berguna, namun Muhammad mengatakan sebaliknya. Ini bermakna Omar mengetahui Muhammad adalah seorang penipu dan bukan seorang nabi.

Muhammad bersabda di dalam Al-Tirmidhi, Hadis 877, 226:

سنن الترمذى - كتاب الحجَّ عن رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - بَابٌ مَا جَاءَ فِي فَضْلِ الْحَجَرِ الْأَسْوَدِ وَالرُّكْنِيِّ وَالْمَقْامِ

- «بَابٌ مَا جَاءَ فِي فَضْلِ الْحَجَرِ الْأَسْوَدِ وَالرُّكْنِيِّ وَالْمَقْامِ» 226ص -

حدثنا قتيبة بن حبيب عن عطاء بن السائب عن سعيد بن جعفر عن ابن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم نزل الحجر الأسود من الجنة وهو أشرف ما ينادى به من اللعن فهو أشرف خطيباً بيته أذن قال وفي الباب عن عبد الله بن عمرو وأبي هريرة قال أبو عيسى حديث ابن عباس حديث حسن صحيح 877

"Batu hitam ini telah turun dari Syurga dan ia lebih putih daripada susu, tetapi dosa dan kesilapan umat manusia menjadikannya hitam gelap."

3. Di sini dinyatakan Muhammad mendakwa Hajarul Aswad adalah batu suci yang dihantar oleh Tuhan dari diriNya. Dia turut menyatakan bahawa ia mempunyai satu tugas iaitu menghisap dosa dari umat manusia. Dia mendakwa apabila masa berlalu, dosa akan menukarkan warna putih batu itu kepada hitam! Ini menjadikan cerita Muhammad tidak

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

meyakinkan kepada Omar, kerana Omar tidak menerimanya, namun dia terpaksa jua demi mendapat keuntungan bersama ketua geng ini. Salah satu daripada mereka berdua adalah betul. Takkan kedua-duanya betul. Saya yakin kita semua bersetuju yang Omar adalah betul dalam perkara ini.

4. Muhammad turut mendakwa Hajarul Aswad dahulunya seketul delima berwarna putih dan ia akan menjadi saksi untuk Allah kepada semua dosa umat Islam pada Hari Penghakiman, seperti di dalam Sunan Al-Tirmidhi, Hadis 961, Mukasurat 294:

سنن الترمذى - كتاب الحجّ عن رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - بَابٌ مَا جَاءَ فِي الْحَجَرِ الْأَسْوَدِ

- «بَابٌ مَا جَاءَ فِي الْحَجَرِ الْأَسْوَدِ» 294 ص -

حَدَّثَنَا قُتْبَةُ عَنْ جَرِيرٍ عَنْ أَنْبَىءِيْعَمِ عَنْ حُبَيْرٍ عَنْ أَبِي عَيْنَاسٍ قَالَ قَالَ 961 رَسُوكُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحَجَرِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْقِيَامَةَ لَهُ عَيْنَانٌ يُبَصِّرُ بِهِمَا وَلِسَانٌ يَنْطَقُ بِهِ يَشْهُدُ عَلَى مَنْ اسْتَلْمَهُ بِحَقِّ قَالَ أَبُو عِيسَى

Diriwayatkan oleh Qutiba dari Jareer dari Ibnu Abbas: Nabi berkata, batu hitam, pada hari penghakiman, Allah akan menjadikannya hidup dan membangkitkannya! Ia mempunyai mata, ia melihat melalui mereka; dan telinga, pendengaran melalui mereka! Selain itu, lidah, untuk menyaksikannya (batu) dengan kebenaran, kepada setiap orang yang memegangnya dengan tangannya.

Di mana orang Islam berkenaan cerita ini? Belum pernah saya menonton satu video atau dakwaan tentang penemuan saintifik seketul batu yang mempunyai mata dan telinga! Jelas bahawa apa saja yang mereka pilih adalah untuk menjadikan Islam nampak lebih baik demi menipu kita. Jika Muhammad bercakap tentang sains, adakah dia betul pada masa-masa tertentu atau seorang tolol pada masa yang lain? Faktanya, hal-hal yang benar adalah hal-hal yang dia ambil daripada buku-buku lain.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Persoalannya sekarang, dari manakah Muhammad mendapat idea-idea bahawa batu boleh bercakap, menyerap dosa umat manusia dan bekerja untuk Tuhan?

AL-QURAN MENYATAKAN SEMUA NABI ADALAH KETURUNAN YAAKUB (ISRAEL). JADI, ADAKAH MUHAMMAD SALAH SATU DARIPADA MEREKA?

AL-Quran 45:16:

Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberi kepada Bani Israil Kitab Taurat dan pangkat kehakiman serta pangkat kenabian dan Kami telah kurniakan mereka benda-benda yang baik-baik, serta Kami lebihkan mereka di atas orang-orang yang ada pada zamannya.

Muhammad bukan berasal dari bani Israel (Israil).

Ayat ini jelas menyatakan Allah memberi pangkat kehakiman dan kenabian kepada **bani Israil!** Anda harus ingat bahawa **bani Israil** bermakna **bani Jacob** (Yakub) seperti di dalam Kejadian 32:28:

Orang itu berkata, “Namamu bukan lagi Yakub. Aku memberikan kepadamu nama itu kerana engkau telah bergomol dengan Tuhan serta manusia, dan engkau sudah menang. Namamu sekarang Israel.”

1. Orang Islam mungkin menyatakan Allah hanya bercakap tentang Israel, dan sebab inilah dia tidak memberikan butiran lanjut. Sekiranya anda membaca bahagian tersebut, anda boleh melihat tuhan Muhammad melompat ke dalam situasi ini tanpa sebab! Sekiranya Allah tahu bahawa bukan bani Jacob (Israel) sahaja yang akan mendapat pangkat kenabian, apakah tujuan menyatakan sesuatu yang tidak benar? Tambahan pula, orang Islam

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

percaya kepada banyak nabi yang bukan berbangsa Arab seperti Alexander the Great (Zulkarnain), Idress, Saleh, Shuyeb, dan ditambah pula dengan Muhammad! Ini bermakna Allah tidak membuatkan pangkat kenabian datang melalui mereka.

2. Ini bukan sahaja terbukti sebagai satu percanggahan, malah ini menunjukkan Muhammad bukan seorang nabi kerana dia tidak berasal dari Israel. Dia sebenarnya musuh ketat mereka.
3. Untuk lebih jelas, kita ke Al-Quran 29:27:
4. Dan Kami kurniakan kepadanya: Ishak (Isaac) dan Yaakub (Jacob) dan Kami jadikan dalam kalangan keturunannya orang-orang yang berpangkat Nabi dan menerima Kitab-kitab agama...
5. Orang Islam mungkin akan menterjemahkan ayat tadi sesuka hati mereka, namun pada penghujungnya, jelas dari mana pangkat kenabian itu akan datang; dari bani Isaac dan Jacob.
6. Satu lagi set ayat-ayat untuk menjelaskan hal ini ialah Al-Quran 37:112-113:

(112) Dan Kami pula berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa dia akan beroleh (seorang anak): Ishak (Isaac), yang akan menjadi Nabi, yang terhitung dari orang-orang yang soleh.

(113) Dan Kami limpahi berkat kepadanya dan kepada (anaknya): Ishak dan di antara zuriat keturunan keduanya ada yang mengerjakan kebaikan dan ada pula yang berlaku zalim dengan nyata, terhadap dirinya sendiri.

7. Sekiranya Ishmael lebih tua dan seorang nabi, mengapakah Allah terlupa menyebutkan namanya? Ayat ini akan menjadi lebih tepat dengan kepercayaan Islam sekiranya

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

nama Ishmael berada di dalam ayat ini. Soalan mudah, mengapa nama Ishmael tiada di dalamnya?

- ! Ishmael adalah anak tertua.
- ! Ishmael adalah seorang nabi Islam.
- ! Orang Islam mendakwa Muhammad berasal dari keturunan Ishmael. Saya langsung tidak bersetuju dengan dakwaan ini sama sekali, namun saya akan mengikuti sahaja sambil berkata, sekiranya Ishmael begitu penting, mengapa Allah, ayat demi ayat, terlupa akan kewujudan Ishmael? Kemudian, dia tiba-tiba menyebut, "Oh, Ishmael seorang nabi juga!"
- ! Bagi saya, adalah mustahil Muhammad berasal dari Ishmael. Amat menyedihkan pula, ada beberapa orang Kristian menganggap perkara ini benar, namun ini satu kesilapan. Mereka hanya mengulang dan menyebut semula apa yang telah didengari dalam gereja-gereja daripada seseorang yang memberitahu perkara ini. Penjelasan saya berikut memusnahkan dakwaan ini dengan mudah:
  - a) Orang Arab telah lama wujud sebelum Ishmael, bagaimanakah dia boleh menjadi ayah mereka?
  - b) Abraham (Ibrahim) berbangsa Aramaic. Hagar (Hajar) berbangsa Mesir. Bagaimana anak mereka boleh menjadi bangsa Arab?
  - c) Bahkan buku-buku Islamik (Buku Al-Sirah Al-Nabwiah oleh Ibn Hisham, V1, Mukasurat 5) menyatakan bahawa Ishmael mengahwini salah seorang anak perempuan dari puak Jarhom (Namanya Ra'lah, anal perempuan 'Amro Al-Johrimy, menurut orang Islam). Puak Jarhom menjadi Kristian 400 tahun sebelum kedatangan Islam (Buku Al-Agani 13:109). Muhammad tidak berasal dari puak ini, maka ini bermakna dia bukan berasal dari Ishmael.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- d) Ramai akan mengatakan, bukankah Alkitab menyatakan, Tuhan akan membuat keturunannya seperti banyaknya bintang di langit atau pasir di tepi pantai? Kejadian 22:17 (KJV):

Maka Aku akan memberkati engkau berlimpah-limpah dan membuat keturunanmu sangat banyak seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut, dan keturunanmu itu akan menduduki kota-kota musuhnya.

- e) Namun mereka terlupa bahawa jumlah bangsa Arab hari ini (bukan mengambil kira mereka yang tahu berbahasa Arab) tidak sampai 40 juta pun bilangan mereka. Adakah bangsa Indonesia juga bangsa Arab? Bagaimana pula orang Pakistan? Atau ramai lagi bangsa-bangsa lain yang kita boleh namakan? Maka, maklumat salah inilah yang diwar-warkan di dalam gereja-gereja kita. Secara langsung, kita membantu orang Islam menyebarkan pembohongan. Tambahan lagi, tanya diri anda mengapakah Muhammad perlu mengaku dirinya sebagai keturunan Ishmael! Ini hanya untuk mendapatkan perkaitan yang sah kepada hubungan dan susur galur daripada bapa kenabian, agar dia kelihatan memiliki dakwaan yang sah.
- f) Muhammad berkata dalam Sahih Bukhari, Buku 55, Hadis 596:

Dilaporkan Ibn Omar:" Nabi berkata, 'Orang yang mulia adalah anak lelaki yang mulia, yang terhormat, mencerminkan Yusuf, anak lelaki Yakub, anak lelaki Ishak, anak lelaki Abraham.'

- g) Sedarkah anda, Muhammad tidak menyebut nama Ishmael di sini? Maka hadis ini membuka peluang kepada lagi banyak soalan!

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

“Orang yang mulia adalah anak lelaki yang mulia!” Seperti yang anda lihat, Muhammad kadang-kadang atau sering tidak memikirkan apa yang disebutnya dengan berhati-hati. Kita lihat semula Sahih Bukhari, Buku 55, Hadis 596:

Dilaporkan Ibn Omar:” Nabi berkata, 'Orang yang mulia adalah anak lelaki yang mulia, yang terhormat, mencerminkan Yusuf, anak Yakub, anak Ishak, anak Abraham.'"

1. Menurut Muhammad sendiri, untuk menjadi mulia, anda mesti seorang anak lelaki yang mulia! Namun Muhammad terlupa bahawa kedua-dua bapa dan ibunya adalah kafir, dan Allah telah berkata orang kafir adalah kotor.
2. Ingatlah bahawa perkataan ‘mulia’ membawa pengertian keagamaan.
3. Juga, Muhammad tidak menambah nama Ishmael kepada hadis tadi sebagai seorang anak mulia. Lihat Al-Quran 9:28:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjidilharam sesudah tahun ini...!

4. Ini pula apa yang dinyatakan oleh Al-Quran tentang Muhammad berdoa kepada keluarganya yang kafir. Al-Quran 9:113:

Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli Neraka.

5. Ayat ini menunjukkan banyak perkara. Keluarga Muhammad berada di dalam Neraka, kerana mereka tidak mulia.
6. Muhammad tidak mungkin seorang yang mulia, kerana dia bukan anak lelaki yang mulia menurut kata-katanya

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

sendiri. Al-Quran, atau Allah, telah menyatakan sesiapa yang seperti ibu bapanya, adalah najis dan kotor! Kita boleh melihatnya di dalam Sahih Muslim, Buku 001, Hadis 0398:

صَحْيْحُ مُسْلِمٍ - كِتَابُ الْإِيمَانِ - بَابُ بَيَانِ أَنَّ مَنْ مَاتَ عَلَى الْكُفْرِ فَهُوَ فِي النَّارِ وَلَا تَأْتِهُ شَفَاعَةً وَلَا تَنْفَعُهُ قَرَابَةُ الْمُقْرَبِينَ

حَدَّثَنَا أُبُو طَكْرٌ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا عَقْدُنَ حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ نَابِتِ عَنْ 203  
أَنَّ أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَبِي قَالَ فِي النَّارِ فَلَمَّا قَفَّى دَعَاهُ فَقَالَ إِنَّ أَبِي  
وَأَبَاكَ فِي النَّارِ

'Anas melaporkan. "Sungguh, seseorang berkata: 'Duta Allah, di manakah ayah saya?' Nabi berkata: 'Ayahmu ada dalam api neraka.' Ketika dia berpaling, Rasulullah saw memanggilnya dan berkata: Sesungguhnya ayahku dan ayahmu berada dalam Api Neraka."'

Sahih Muslim, Buku 004, Hadis 2129:

Abu Huraira melaporkan bahawa Rasulullah saw bersabda: "Saya meminta izin Allah untuk membenarkan saya meminta maaf untuk ibu saya, tetapi Dia enggan memberikannya kepada saya. Saya meminta izin dari-Nya untuk melawat kuburnya, dan Dia memberikannya kepada saya."

" Muhammad meminta Allah memaafkan ibunya kerana dia tidak beriman kepada Allah. Perasankah anda Muhammad tidak pernah berbuat begini untuk bapanya? Dia tidak pernah berjumpa dengan bapa sebenarnya, dan hakikatnya, Muhammad tidak mengenali siapa bapanya. Maka bagaimana dia hendak meminta kemaafan untuknya? Sekarang, mungkin ada akan mengatakan," Abduallah adalah bapanya." Seperti yang telah kita bincangkan dahulu, hakikatnya,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

tiada siapa yang mengetahui siapa bapa sebenarnya, kerana Muhammad dilahirkan empat tahun selepas kematian Abduallah (kononnya ayah sebenar). Bagaimana dia boleh menjadi bapa Muhammad?

- " Islam berdasarkan diskriminasi dan prejudis, sekiranya anda bukan dari mereka, anda dianggap kotor dan najis! Ini dilakukan sehingga ke tahap orang bukan Islam tidak boleh memasuki banyak bandar di Arab Saudi. Sekiranya anda memasuki mana-mana bandar secara tidak sengaja, anda harus dibunuh. Bayangkan sekiranya ada papan tanda yang bertulis, "Orang Islam tidak dibenarkan memasuki New York kerana mereka kotor!" Tentunya semua akan menuduh betapa buruknya orang Kristian dalam situasi ini! Akan tetapi, tidak seorang pun membuat tuduhan sebegini kepada orang Islam untuk tindakan sebegini dalam realiti!

! Dalam Yohanes 3:16, Akitab menyatakan:

Kerana begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini, sehingga Ia telah mengurniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal.

! Melalui kata-kata Yesus Kristus, kita melihat bagaimana dia menerima dengan tangan terbuka, bukan sahaja untuk mereka yang percaya kepadanya, namun turut untuk dunia. Matius 5:44 menyebut:

Tetapi Aku berkata kepadamu: Kasihilah musuhmu dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Bandingkanlah ini dengan si Muhammad yang ‘mulia’, yang dituduh orang Islam sendiri mencuri pakaian dalam berwarna merah! Muhammad tidak pernah menurut perintah-perintah Al-Quran, dan juga tidak mempraktikkan hadisnya sendiri.

Muhammad Berbangsa Arab – Adakah Ishmael Juga Berbangsa Arab?

Abraham (Ibrahim) berbangsa Aramaean (Aramaic) +  
Hagar (Hajar) berbangsa Mesir = Ishmael berbangsa  
Arab?

Ramai orang tidak mengetahui bahawa perkataan ‘Arab’ tidak bermakna satu etnik tetapi ia sebenarnya bermakna ‘penghuni padang pasir’, (**Arbat** bermakna ‘padang pasir’), dalam erti kata lain, sesiapa sahaja yang tinggal di mana-mana padang pasir akan digelar Arab, walaupun seseorang itu tinggal di padang pasir Arizona di Amerika Syarikat.

Walau pun begitu, bagaimana kalau kita menganggap perkataan ‘Arab’ bermakna satu kumpulan etnik, adakah Ishmael berbangsa Arab?

Ramai, termasuk mereka yang berada di gereja-gereja kita, mengajar bahawa Ishmael seorang Arab dan orang Kristian sering mengulang mitos ini tanpa menyiasat maklumat sebenar. Saya akan menunjukkan kepada anda, orang Islam sendiri tidak membuat dakwaan sebegini dalam buku-buku mereka (Bukhari, Buku 55, Hadis 583):

“Dia (ibu Ishmael) tinggal seperti itu sehingga suatu komuniti dari puak Jurhum atau satu keluarga dari Jurhum terserempak dengan dia bersama anak kecilnya, semasa mereka (orang-orang Jurhum tadi) sedang melalui Jalan Kada’. Mereka singgah di suatu

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

tempat jauh sedikit dari Mekah di mana mereka ternampak seekor burung yang diketahui mempunyai tabiat terbang berlebar di atas air dan tidak mahu pergi dari sana. Mereka berkata, 'Burung ini semestinya terbang mengelilingi air, walaupun kita tidak pernah menemui air di lembah ini.' Mereka menghantar satu atau dua utusan, yang kemudian menemui sumber air lalu kembali memberitahu mereka tentang penemuan air. Maka, mereka mendekati air tersebut." Rasullullah menambah, "Ibu Ishmael sedang duduk berdekatan air itu. Mereka menanyakan dia, 'Adakah anda akan membenarkan kami (mendirikan khemah) di sini? Dia menjawab dengan Ya, tetapi anda tidak berhak ke atas air ini.' Mereka menerima syaratnya." Rasullullah menambah lagi, ibu kepada Ishmael berasa gembira dengan keadaan itu kerana dia ibu kepada Ismael sangat gembira dengan keadaan ketika dia suka bersenang-senang dengan ditemani orang. Oleh itu, mereka menetap di sana, dan kemudian mereka menghantar keluarga mereka yang datang dan menetap dengan mereka, lalu beberapa keluarga menjadi penduduk tetap berdekatan sana. Anak kecil tadi (Ishmael) membesar di antara mereka dan **mempelajari bahasa Arab** daripada mereka (orang Jurhum), dan mereka menyukai dia ketika dia membesar, dan ketika dia mencapai usia matang mereka membuatkannya mengahwini seorang wanita dari kalangan mereka.

- ! Anak kecil tadi (Ishmael) membesar di antara mereka dan **mempelajari bahasa Arab** dari mereka (orang Jurhum)"
- ! Dia berbangsa Arab tetapi tidak tahu berbahasa Arab!
- ! Dia mengahwini seorang wanita dari kalangan mereka, jadi adakah ini menjadikan anak-anaknya Arab seperti isterinya?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- ! Jawapannya tidak, dalam tradisi orang Arab, anda dirujuk kepada bapa, bukannya ibu. Dan ingat, yang melaporkan cerita adalah orang Arab.
- ! Ini bermakna kedua-dua Abraham dan ibu Ishmael tidak pandai berbahasa Arab. Inilah sebabnya dia mempelajarinya dari puak Jurhum seperti yang kita baca dalam buku Al-Fateh, V6, Mukasurat 403, oleh Al-Hafez Ibn ‘Hajer, dicetak di Beirut, Lubnan, 1991:

(403 قال الحافظ ابن حجر في الفتح)  
(قوله (وتعلم العربية منهم)  
فيه اشعار بأن لسان أمه وأبيه لم يكن عربيا

Dia berkata, “Dia mempelajari bahasa Arab dari mereka (orang Jurhum) ini memberitahu kita bahawa kedua-dua ibu bapa Ishmael tidak tahu berbahasa Arab”

- ! Maka, berapakah umur Ishmael semasa dia mula bercakap bahasa Arab? Kita menemui jawapannya di dalam banyak buku Islamik.

Kita akan mendapat jawapannya dari Ali (sepupu Muhammad) dari kata-katanya sendiri. Buku Sahih Al-Jame’, V1, Mukasurat 435, Hadis Nombor 2581:

أول من فتق لسانه بالعربية المبينة إسماعيل و هو ابن أربعالجزء الأول ص -  
عشرة سنة 435  
. الشيرازي في الألقاب ) عن علي( .  
في صحيح الجامع2581 قال الشيخ الألباني : ( صحيح ) انظر حديث رقم :

Dia berkata, “Yang pertama bertutur bahasa Arab dengan sempurna ialah Ishmael dan dia menuturkannya pada umur empat

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

belas tahun.” Dan Imam Albani mengatakan ia adalah hadis yang betul.

Berdasarkan ini, orang Islam bersetuju bahawa Ishmael bukan keturunan Arab; kedua-dua ibu bapanya bukan orang Arab; mereka berdua tidak tahu bertutur bahasa Arab; dia mempelajari bahasa Arab dari orang Arab dan dia bertutur bahasa Arab pada umur empat belas tahun – jadi bagaimanakah semua ini menjadikan Ishmael seorang Arab?

Soalan paling penting yang kita perlu tanya adalah adakah etnik seseorang itu berubah melalui satu bahasa? Sudah tentu ini tidak masuk akal. Mungkin ada yang akan mengatakan Allah yang menjadikan Ishmael sebagai orang pertama yang menjadi Arab. Namun, ini dakwaan palsu oleh kerana kita telah membuktikan dari buku-buku mereka, yang mengatakan dia mempelajari bahasa Arab dari puak Jurhum. Demi hujah, walaupun Allah sendiri mengajarnya bahasa Arab, ini masih tidak menjadikannya seorang berbangsa Arab.

Untuk lebih jelas lagi, Ziporah adalah seorang wanita berbangsa Midianite, anak kepada Rehuel, imam Midian, di mana Ziporah menjadi isteri Moses (Musa). Mengapa tiada orang Kristian mengatakan anak-anak Moses berbangsa Midianite?

16 Adapun imam di Midian itu mempunyai tujuh anak perempuan. Mereka datang menimba air dan mengisi palungan-palungan untuk memberi minum kambing domba ayahnya... (21) Musa senang tinggal bersama orang itu. Rehuel membiarkan Musa kawin dengan Zipora, anaknya. Keluaran 2

Orang Midianite tidak lama dahulu berperang dengan Israel, dan diserang semula oleh Musa, Bilangan 31, maka bagaimanakah mengahwini seorang wanita berbangsa lain menjadikan anda dan anak-anak anda bangsa sama dengan dia, sedangkan mereka berperang dengan Musa dan Musa berperang dengan mereka?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada setiap orang Kristian jangan terus terima apa yang paderi mereka katakan bulat-bulat, tetapi tanyakan soalan dan buat kajian adakah ajaran tersebut tepat, kerana ramai mereka bercakap dengan kejahanan.

## **SIAPAKAH YANG BOLEH DIPANGGIL ARAB, MENURUT MUHAMMAD?**

Al-'Khasa'es Al-Kubra, penulisnya Al-Seu'ti, Beirut Lubnan, 1985, V1, Mukasurat 66:

الكتاب : الخصائص الكبرى  
المؤلف / أبو الفضل جلال الدين عبد الرحمن أبي بكر السيوطي  
1405هـ - 1985م دار النشر / دار الكتب العلمية - بيروت -  
إعداد الأجزاء /

قال رسول الله {صلى الله عليه وسلم} إن الله خلق الخلق فاختار من الخلق بنى آدم و اختار من بين آدم العرب و اختار من العرب مصر و اختار من مصر قريشا و اختار من قريش بنى هاشم و اختارني من بنى هاشم فأنا من خيار إلى خيار

Nabi bersabda," Allah telah menjadikan ciptaananya dan memilih dari mereka anak-anak lelaki Adam, dan dari anak-anak Adam, dia telah memilih kaum Arab, dan dari kaum Arab, dia memilih Mudar (puak), dan dari Mudar, dia memilih anak-anak lelaki Hashim (suku), dan dari Hashim, dia memilih saya, terbaik di antara semua."

Di sini kita melihat bukti yang jelas dari mulut Muhammad sendiri bagaimana Allah memecah-belahkan umat manusia, menghasilkan jurang di antara mereka dengan membahagikan secara etnik dan puak, bukan melalui bahasa-bahasa. Anda akan lihat penggunaan

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

perkataan bahasa Arab ‘Ibn’ (Bin) yang bermaksud “anak kepada”. Dalam hadis tadi, Allah memilih dengan menggunakan “anak kepada”, bukan melalui bahasa; yakni melalui keturunan bukan melalui bahasa yang mereka tuturkan. Ini membuktikan bahawa seorang berbangsa Arab bukan sahaja pandai bertutur Bahasa Arab, tetapi ayahnya harus berbangsa Arab. Dalam semua nama, hanya nama bapa akan digunakan untuk membuktikan siapa anda. Bukan ibu anda selagi bapa anda masih dikenali.

Maka, Ishmael tidak boleh dianggap seorang bangsa Arab kerana dia cuma bertutur bahasa Arab pada satu ketika, dan bukan dalam tradisi Arab atau undang-undang Islamik seperti Muhammad nyatakan dalam hadis tadi.

Namun Muhammad begitu terdesak untuk mempunyai hubung kait dengan Ishmael demi menjadikan dirinya salah seorang keturunan Abraham, agar dia diterima sebagai seorang nabi.

- ! Satu lagi butiran; kesemua dua belas anak lelaki Ishmael telah diberi nama-nama Aramaic. Tetapi Ishmael masih ‘Arab’!

Kejadian 25 (KJV):

(12) Inilah keturunan Ismael, anak Abraham, yang telah dilahirkan baginya oleh Hagar, perempuan Mesir, hamba Sara itu.

(13) Inilah nama anak-anak Ismael, disebutkan menurut urutan lahirnya: Nebayot, anak sulung Ismael, selanjutnya Kedar, Adbeel, Mibsam,

(14) Misyma, Duma, Masa,

(15) Hadad, Tema, Yetur, Nafish dan Kedma:

- ! Di manakah Ishmael dan anak-anaknya tinggal? Kejadian 25:16-18:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

(16) Itulah anak-anak Ismael, dan itulah nama-nama mereka, menurut kampung mereka dan menurut perkemahan mereka, dua belas orang raja, masing-masing dengan sukunya.

(17) Umur Ismael ialah seratus tiga puluh tujuh tahun. Sesudah itu ia meninggal. Ia mati dan dikumpulkan kepada kaum leluhurnya.

(18) Mereka itu mendiami daerah dari Hawila sampai Syur, yang letaknya di sebelah timur Mesir ke arah Asyur. Mereka menetap berhadapan dengan semua saudara mereka.

Sekiranya anda ingin melihat di mana lokasi Syur (Shur), layarilah pautan berikut dan anda akan mengetahui ia berada di seberang Laut Merah dan tiada kena-mengena langsung dengan Mekah:  
[www.bible.ca](http://www.bible.ca)

## Muhammad dan Nilai Moral

(Muhammad sedia meniduri semua wanita Muslim)

Dalam buku Jame' Alsag'er (Imam Al-Soiuty), Hadis 2994, Muhammad berkata:

الجامع الصغير للسيوطى حديث رقم 2994  
عن معاذ قال النبي صلعم أيمأ امرأة زوجت نفسها من غير ولـي فـهي زـانية

Mana-mana wanita, [jika] dia memberikan dirinya kepada seorang lelaki untuk berkahwin dengannya tanpa kebenaran bapanya, atau ketua rumah lelaki, dia adalah pelacur!

Bandingkan ini dengan Al-Quran 33:50 di mana kita baca:

...Dan seorang wanita yang beriman sekiranya dia menyerahkan dirinya kepada Nabi (untuk menidurinya) dan Nabi mengingininya,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

demikian adalah khas bagimu semata-mata (supaya tiada lelaki lain akan menidurinya selepas Muhammad)...

1. Bagaimana wanita itu, yang memberikan dirinya kepada seseorang lelaki, adalah pelacur, tetapi jika dia memberikan dirinya kepada Nabi (untuk menidurinya), adalah seorang yang beriman?
2. Mengapa seseorang wanita sanggup berbuat begitu? Wanita Muslim suka berkongsi katil dengan Muhammad demi menunjukkan betapa cintanya mereka kepada Allah?
3. Mengapakah tuhan kepada Muhammad menjadikan ini sebagai satu undang-undang? Adakah ia terlalu buruk untuk dilakukan di depan orang Islam dan orang Aran, sehinggakan Muhammad memerlukan satu ayat daripada tuhan palsunya untuk menjadikannya seolah-olah perbuatan ini keinginan tuhannya, dan bukannya keinginan Muhammad sendiri?
4. Sekiranya ini adalah keinginan Allah, takkan kita tidak boleh bertanya mengapa? Muhammad mempunyai ramai isteri, menurut orang Islam, seramai 13 orang! Takkannya dengan memiliki 13 orang isteri, termasuk kesemua hamba abdi wanita yang dimilikinya, Muhammad masih memerlukan wanita-wanita lain yang agresif secara seksual?
5. Sekiranya kita menanyakan orang Islam tentang hal wanita-wanita yang menyerahkan diri mereka kepada Muhammad, mereka akan menterjemahkannya sebagai hal ini adalah tentang wanita-wanita yang menanyakan Muhammad untuk mengahwini mereka! Untuk mendedahkan pembohongan ini, saya akan meminta mereka memberikan salah satu nama seorang daripada 13 orang isteri Muhammad, yang menjadi isterinya dengan cara menyerahkan dirinya kepada Muhammad! Jawapan yang mereka berikan adalah sifar. Tiada seorang pun daripada mereka telah menyerahkan diri mereka kepada

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Muhammad. Ini adalah bukti bahawa hal tadi bukan tentang perkahwinan, ianya tentang hubungan seks dan seks semata-mata! Marilah kita melihat ‘Aisha (isteri Muhammad yang masih kanak-kanak) dan bagaimana dia menunjukkan perasaan marahnya tentang nafsu berahi Muhammad. Bacakan bersama saya apa yang ‘Aisha sendiri telah sebutkan. Orang Islam cuba bermain dengan penterjemahannya dan menukar maksud sebenar apa yang dia telah sebutkan. Di sini kita baca dari Sahih Bukhari, Buku 60, Hadis 311:

Diriwayatkan ‘Aisha: “Saya selalu memandang rendah kepada betina-betina yang memberikan diri mereka kepada nabi Allah, dan saya sering menyatakan “Bagaimana seseorang wanita itu tidak berasa malu untuk menyerahkan dirinya (kepada seorang lelaki untuk seks)?”

6. Mengapa ‘Aisha menyatakan ini, sekiranya perbuatan sebegini adalah normal? Ingat, Muhammad telah sendiri mengatakan mana-mana wanita yang menyerahkan dirinya kepada seorang lelaki adalah seorang pelacur!

Kita boleh membaca cerita yang sama dalam buku-buku berikut:

### **صحيح مسلم، كتاب الرضاع، ص 49. الحديث 1065، Sahih Muslim**

buku memberi susu (menyusukan) mukasurat 1065 Hadis 49 atau Sahih Al Bukhari, Buku tafsir, Bab Al Ahzab V3, Mukasurat 118, 163, 164:

صحيح البخاري ، كتاب التفسير ، باب التفسير ، تفسير سورة الأحزاب ، 118 / صحيح البخاري ، كتاب النكاح ، باب هل للمرأة أن تهب نفسها ، 3 / كانت خولة بنت حكيم من اللاتي وهبن أنفسهن للنبي صلى الله عليه وآله . فقالت عائشة : أما تستحي المرأة أن تهب نفسها للرجل ، فلما نزلت ترجي من شاء منها 164 . قلت : يا رسول الله صلى الله عليه وآله ما أرى ربك

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Muhammad cuba merogol Umaima bint An-Nu'man bin Sharahil. Wanita ini ialah anak perempuan Al Nu'man, seorang pemerintah puaknya, tetapi dengan situasi tentera Muhammad yang semakin bertambah bilangannya, puak Al Nu'man telah dikuasai oleh Muhammad. Tiada seorang pun yang berani membantah, tetapi Umaima sangat berani dan berkata tidak!

Sekiranya anda melihat Al Quran, ia berkata “wanita yang beriman sekiranya dia menyerahkan dirinya kepada Nabi (untuk menidurinya),” tetapi Muhammad tidak berhenti di sini! Walaupun dengan kesemua isteri di sekelilingnya, dan para hamba abdi wanitanya, mereka masih tidak mencukupi, Muhammad tanpa rasa malu masih merogol sesiapa sahaja!

Bukhari, Jilid 7, Buku 63, Hadis 182:

[صحيح البخاري]  
الكتاب : الجامع الصحيح المختصر  
المؤلف : محمد بن إسماعيل أبو عبد الله البخاري الجعفي  
الناشر : دار ابن كثير ، اليمامة - بيروت  
الطبعة الثالثة ، 1407 - 1987  
تحقيق : د. مصطفى ديب البيرا أستاذ الحديث وعلومه في كلية الشريعة - جامعة دمشق  
عدد الأجزاء : 6

Sahih Al-Bukhari Kitab Jame'Al-Sahih Al-Mu'khtaser, cetakan 1987,  
V6, Hadis 4957:

دَخَلَ عَلَيْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ هَبِي نَفْسَكِ لِي 4957  
قَالَتْ وَهَلْ تَهْلِكُ الْمَلَكَةَ نَفْسُهَا لِلْسُوقَةِ قَالَ فَأَهْوَيْ بِيَدِهِ يَضْعُ يَدَهُ  
عَلَيْهَا لِتَسْكُنَ فَقَالَتْ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْكَ فَقَالَ قَدْ عُذْتُ بِمَعَادِي ثُمَّ خَرَجَ  
عَلَيْنَا فَقَالَ يَا أَبَا أَسِيدٍ اكْسُنْهَا رَازِقَيْنِ وَالْحِقْنَهَا بِأَهْلِهَا

Al-Bukhari, Jilid 7, Buku 63, Hadis 182:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Apabila Rasulullah memasukinya, dia berkata kepadanya, "Berilah aku, dirimu sendiri (tidur dengan dia) sebagai sumbangan. Dia berkata," **Bagaimakah seorang ratu dapat memberikan dirinya kepada seorang yang ganas?** "Nabi mengangkat tangannya untuk memukul (Umaima) supaya dia menenangkan diri. Kemudian dia (Umaima) berkata, "Saya berlindung dengan Allah daripada engkau." Maka dia (Nabi) berkata, "Engkau berlindung kepadanya yang dapat menyelamatkanmu."

Cerita yang sama boleh dijumpai dalam banyak lagi buku-buku Islamik lain termasuk Buku Al-Sirah, V4, 588/599, Beirut, 1952; dan Tafsir Al-Qur'tbi, V14, Mukasurat 167, Beirut, 1973.

Saya menjadikan teks bahasa Arab dan Inggeris dalam 'bold' di mana dia berkata kepada Nabi," **Bagaimakah seorang ratu dapat memberikan dirinya kepada seorang yang ganas?**" Saya berbuat demikian kerana dalam penterjemahan kepada bahasa Inggeris, orang Islam cuba menutup hadis yang memalukan ini, dengan mengubah perkataan dan membuatkan ia nampak seolah-olah Muhammad meminta Umaima untuk mengahwininya, bila dia meminta hubungan seks dan Umaima menggelarkan dia sebagai **seorang yang ganas.**

1. Dalam cerita ini kita dapat melihat bagaimana lelaki gila seks ini, yakni nabi Allah, tidak mempunyai batasan di mana dia boleh atau bila hendak berhenti. Setelah membaca hadis ini, lihatlah apa yang dipintanya dari wanita tadi. Untuk menyerahkan dirinya sebagai hadiah! Jelas, wanita itu berasa dihina yang amat sangat. Ini penghinaan yang amat besar untuk seseorang wanita yang bermaruah dan mempunyai kehormatan diri. Bayangkan seorang lelaki memasuki rumah seorang wanita yang tidak dikenali dan saat lelaki ini masuk, dia meminta wanita itu melakukan seks dan menyerahkan dirinya sebagai satu hadiah. Sekiranya kita menanyakan mana-mana orang

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Islam adakah perbuatan ini diterima dalam Islam, sudah pasti dia akan menjawab, "Mana boleh!" Untuk Muhammad, perbuatan ini boleh! Jelas bahawa orang Islam hari ini mempunyai nilai moral yang lebih tinggi berbanding dengan Muhammad. Saya pasti sekiranya Muhammad cuba melakukan perbuatan sebegini pada masa kini seperti apa yang dilakukannya dahulu, sudah pasti orang-orang Arab akan menentangnya seperti dahulu juga.

Tafsir Al Qu'ran (Al jame' Le Ahkam, Al Qu'ran) oleh Imam Al-Qur'tubi, Beirut, 1992, V14, Mukasurat 212:

( تفسير الجامع لاحكام القرآن / القرطبي (ت ) ٦٧١هـ )

Tafsir Al Qur'an (Al jame' Le Ahkam, Al Qur'an) by Imam Al-Qur'tubi, Beirut, 1992, V14, Page 212:

فحملته ستة عشر: الأول: صفي المعنون. الثاني: الاستبداد بخمسة الخمس أو الخمس. الثالث: الوصال. الرابع: الزيادة على أربع نسوة. الخامس: النكاح بلفظ الهبة. السادس: النكاح بغير ولد. السابع: النكاح بغير صداق. الثامن: نكاحه في حالة الإحرام. التاسع: سقوط القسم بين الأزواج عنه: وسيأتي. العاشر: إذا وقع بصره على امرأة وجب على زوجها طلاقها؛

Berikut adalah antara **enam belas cara** bagaimana Muhammad dijadikan anak emas Allah:

1. Ditetapkan hasil rampasan yang terbaik.
2. Seperlima dari hasil rampasan yang terbaik.
3. Menggunakan seks (dengan mana-mana wanita tanpa berkahwin).
4. Jumlah isteri yang banyak; lebih daripada empat orang!
5. Seks sebagai hadiah dengan menyebutnya sahaja (wanita yang menyerahkan diri mereka).
6. Berkahwin tanpa perlunya wali.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

7. Berkahwin tanpa hantaran mas kahwin.
8. Perkahwinan kes l'hram (Muhammad satu-satunya Muslim yang boleh melakukan seks semasa menunaikan Ibadan haji)
9. Sekiranya dia berjanji kepada para isterinya, dia boleh mungkir janji!
10. Sekiranya dia tertarik dengan seorang wanita yang sudah bersuami, suami wanita itu mesti menceraikannya agar nabi boleh memiliki wanita tersebut!

Kita berhenti di sini dan kita perhatikan sepuluh perkara terakhir di mana Muhammad mempunyai keistimewaan di atas segala umat manusia:

1. Sedarlah, Allah memihak kepada Muhammad tentang salah satu dari dua perkara: seks atau wang!
2. Dia tidak terikat dengan peraturan-peraturan Allah. Ia sering dianggap bahawa apa yang Allah telah tentukan untuk umat manusia adalah sempurna, namun jelas peraturan-peraturan tersebut tidak sesuai untuk Muhammad. Dia memerlukan lebih daripada itu!
3. Allah dan Muhammad tidak terikat dengan apa-apa undang-undang. Undang-undang Allah telah dibahagikan kepada dua jenis. Satu untuk diamalkan oleh umat Islam dan satu lagi untuk memberi kelebihan kepada Muhammad. Ini menjadikan Muhammad di atas semua umat manusia. Ini bercanggah dengan Al-Quran 49:13:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya.

- ! Oleh itu, siapa yang bertakwa dan menuruti peraturan-peraturan Allah adalah yang terbaik, tetapi sepertimana yang

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

kita boleh lihat, Muhammad tidak mentaati Allah. Al-Quran menyatakan empat isteri tetapi Muhammad tetap mengahwini sebanyak mana yang dia mahukan!

- ! Allah berkata anda memerlukan seorang wali untuk menjadikan perkahwinan dengannya sah. Muhammad tidak menyukai peraturan ini.
- ! Menurut Al-Quran, anda harus menyediakan mas kahwin untuk berkahwin. Muhammad menginginkan wanita-wanita untuk percuma!
- ! Allah memerintahkan lelaki untuk tidak mencari wanita yang sudah berkahwin, tetapi Muhammad pula memerintahkan suami-suami untuk menceraikan isteri mereka sekiranya dia mengingini mereka. Ya, walaupun sudah berkahwin!

Selepas kesemua ini, Muhammad masih lelaki yang terbaik. Dan juga seorang nabi!

- ! Yesus Kristus telah berkata dalam Matius 5:28:

Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: barangsiapa memandang seorang wanita dengan nafsu berahi, orang itu sudah berzinah dengan wanita itu di dalam hatinya.

- ! Di manakah Muhammad berkenaan ajaran Yesus Kristus ini?

Kematian Muhammad Membuktikan Dia Adalah Seorang Nabi Palsu

Hukuman Allah untuk sesiapa yang berbohong tentang siapa Tuhan sebenar: (...mengatakan atas nama Kami secara dusta (sebarang kata-kata rekaan)...sudah tentu Kami akan memutuskan tali...

Dalam kes ini, kita dapat melihat bukti yang menakjubkan dari Al-Quran tentang Muhammad adalah seorang nabi palsu dalam Surah Al Haaqa 69. Allah sedang berkata sesiapa yang berbohong

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

tentangnya, dia akan memutuskan tali jantungnya (aorta). Sila baca bersama saya Al-Quran 69:44-47:

(44) Dan kalaullah (Nabi Muhammad yang menyampaikan Al-Quran itu) mengatakan atas nama Kami secara dusta (sebarang kata-kata rekaan).

(45) Sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan Kami.

(46) Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya dia mati dengan serta-merta).

(47) Maka tidak ada seorangpun di antara kamu yang dapat menghalang (tindakan Kami itu) daripada menimpanya.

Inilah janji Allah, untuk membunuh, dengan satu cara tertentu, sesiapa yang berbohong tentangnya. Keadaan mungkin normal sekiranya Muhammad tidak mati dalam cara bagaimana Allah berazam hendak membunuh sesiapa yang menyatakan kata-kata penipuan tentangnya!

Dalam buku Sahih Al Bukhari, kita menemui cerita ini tentang seorang wanita yang membalias dendam ke atas pembunuhan ahli-ahli keluarganya di mana Muhammad dan orang-orangnya bertanggungjawab ke atas perbuatan ini. Dari Sahih Bukhari, Buku 47, Hadis 786; Sahih Muslim, Buku 026, Hadis 5430 dan 5431:

Dilaporkan Anas bin Malik: "Seorang wanita Yahudi menghantar seekor kambing beracun kepada Nabi untuk dimakan olehnya, akibatnya dia (Muhammad) telah memakannya. Dia (wanita Yahudi) ditangkap dan dibawa kepada Nabi, dan dia (Muhammad) ditanya, 'Patutkah kita membunuhnya?' Nabi menjawab, 'Tidak, jangan.' Selain itu, saya terus mengawasi kesan racun di lelangit mulut Rasulullah."

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Tidak lama kemudian, wanita itu dipenggal kepalanya, tetapi Muhammad menangguhkan hukuman ini terlebih dahulu kerana teragak-agak, menunggu sama ada wanita tersebut mungkin memiliki penawar.

Kita baca Sahih Bukhari, Jilid 5, Buku 59, Hadis 713:

berkata, ‘Aku menjamin, pengikut-pengikutmu tidak akan tahan bersolat sebanyak lima kali sehari, dan tiada keraguan, aku telah mendapat pengalaman dari orang-orangku sebelum engkau, dan aku telah lakukan sebaik mungkin dengan orang Israel. Maka, pergilah semula kepada Tuanmu dan mintalah lagi diskau untuk mengurangkan beban para pengikutmu.’ Aku berkata, ‘Aku telah berturut-turut melakukan permintaan daripada Tuan aku sehingga aku berasa malu, tetapi aku berpuas hati sekarang dan menyerahkan segalanya kepada kehendak Allah.’ Seterusnya apabila aku beredar pergi, aku terdengar satu suara berkata, ‘Aku telah mengesahkan Arahan Aku dan telah mengurangkan komitmen Penyembah-Penyembah Aku.’”

- Sepertimana yang kita lihat di dalam kisah dongeng ini, Muhammad telah mengembara ke syurga di atas keldainya. (Langkah haiwan ini begitu besar sehingga ia sampai ke titik paling jauh seperti dalam jarak penglihatannya.) Haiwan ini mampu pergi ke syurga dengan begitu pantas sekali, kerana langkahnya yang begitu besar!
- Si malaikat turut menggunakan keldai untuk pergi ke Allah.
- “Jibreel turut bersama aku di atasnya sehinggalah kami tiba di langit terendah”
- Selagi orang Islam bercakap tentang sains, adakah menyatakan kita boleh pergi ke langit menggunakan seekor keldai sebagai saintifik, atau adakah ini satu penemuan sains yang belum lagi tercapai? Ingat, ini bukannya satu kisah metafora atau kiasan. Ini sepatutnya diterima secara harfiah!
- Syurga yang diceritakan oleh Muhammad bukannya suatu ruang angkasa, tetapi syurga berbentuk fizikal. Ia turut bersambung secara fizikal dengan bumi, kerana kita boleh lihat, menerusi **Sungai Nil** dan **Sungai Euphrates** iaitu dua sungai di bumi. “Dan terdapat empat sungai yang mengalir; dua daripadanya di bawah tanah dan tidak kelihatan, dan dua lagi kelihatan. Aku menanyakan Jibreel, ‘Apakah dua sungai ini?’ Dia menjawab, ‘Dua sungai yang tersembunyi tersebut, mereka

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

adalah dua sungai yang berada di syurga, dan dua sungai yang kelihatan itu adalah Sungai Nil dan Sungai Euphrates.”

Bolehkah sesiapa orang Islam memberitahu aku bagaimanakah **Sungai Nil dan Sungai Euphrates boleh berada dalam syurga Allah dan juga di bumi pada masa yang sama?** Jawapannya adalah terdapat jalan-jalan yang bersambung dengan mereka.

- Ini turut bermakna bahawa laluan itu berkenaan tentang jalan-jalan biasa yang digunakan untuk mengembara.
- Selagi saya menyebut cerita ini, saya ingin anda mengambil nota tentang **solat sebanyak lima puluh kali** dan bagaimana Muhammad, dengan bantuan Musa, mengubah jumlah solat daripada lima puluh kali ke lima kali. Bahagian yang aneh tentang cerita ini adalah, mengapakah Allah tidak memberikan Muhammad lima kali solat dari awal-awal lagi? Mengapakah pada mulanya dia memilih lima puluh, kemudian empat puluh, kemudian sepuluh dan akhirnya lima? Adakah Allah tidak mengetahui Musa sedang menunggu Muhammad di atas jalan?
- Musa turut mahukan Muhammad kembali untuk memohon tiada solat!
- Saya mahu pastikan anda diingatkan tentang bahagian yang melucukan, di mana ada seseorang telah memasang satu dulang iman (kepercayaan) di dalam dada Muhammad seperti yang kita lihat di sini: “Pada masa yang sama ketika aku berehat-rehat di rumah aku, tanpa dijangka seseorang mendatangi aku dan memotong tubuh aku dan membelahnya dari sini hingga ke sini.” Aku menanyakan Al-Jarod, yang berada di sisiku, “Apakah yang dia(rasullulah) maksudkan?” Dia berkata, “Ia bermakna dari kerongkongnya hingga ke bahagian pubiknya,” atau berkata, “Dari salur tekaknya hingga ke tundunnya.” Nabi, Dia terus berkata, “Dia kemudiannya merentap jatungku keluar. Selepas itu, satu dulang emas mengandungi Iman (Kepercayaan) telah dibawakan kepadaku,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dan dia membasuh jantungku. Tambahan pula, jantung aku telah diisi dengan iman dan kebijaksanaan dan selepas itu dia menyimpannya kembali ke tempat asal.”

- Sekiranya ia tentang suatu dulang kepercayaan, mengapakah dia perlu memotong sehingga ke bahagian pubiknya?

Nota: Kesemua ini lebih daripada satu dakwaan, tetapi saya akan mengumpulkan mereka bersama-sama dan menjawab kesemua dakwaan berikut kerana kesemuanya sebenarnya satu topik.

Dakwaan Orang Islam Yang Kedua:

LAPISAN ATMOSFERA

BUMBUNG YANG DILINDUNG

LANGIT DIJADIKAN KUBAH

LANGIT YANG KEMBALI

LAPISAN ATMOSFERA

(Berikut adalah dakwaan yang dibuat oleh orang Islam)

Satu fakta tentang alam semesta yang didedahkan dalam ayat-ayat Al-Quran adalah langit terdiri daripada tujuh lapisan.

Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna dan Dia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Al-Quran 2:29)

Kemudian Dia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap; lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Turutlah kamu berdua akan perintahKu, samada dengan sukarela atau dengan paksa! Keduanya menjawab: Kami berdua sedia menurut patuh dengan

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

sukarela; Lalu Dia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa dan Dia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. (Al-Quran 41:11-12)

Perkataan “langit”, yang muncul dalam banyak ayat di dalam Al-Quran, digunakan untuk merujuk kepada langit di atas bumi, dan juga seluruh alam semesta. Dengan pengertian perkataan yang telah diterangkan, adalah difahami bahawa langit milik bumi, atau atmosfera, terdiri daripada tujuh lapisan.

Hari ini, atmosfera bumi diketahui terdiri daripada pelbagai lapisan yang berada di atas mereka masing-masing. Berdasarkan kriteria kandungan kimia atau suhu udara, definisi-definisi yang telah dibuat menentukan bahawa atmosfera bumi mempunyai tujuh lapisan. Menurut satu model atmosfera yang digunakan untuk meramal keadaan cuaca selama 48 jam yang dipanggil “Limited Fine Mesh Model (LFMMII)”, atmosfera terdiri daripada tujuh lapisan. Menurut definisi-definisi geologi moden, tujuh lapisan atmosfera dinamakan seperti berikut:

1. Troposfera
2. Stratosfera
3. Mesosfera
4. Thermosfera
5. Exosfera
6. Ionosfera
7. Magnetosfera

Al-Quran menyatakan, “Dia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing,” di dalam Surah Fussilat (41:12). Dalam erti kata lain, Allah menyatakan Dia telah memberikan setiap langit tugasnya sendiri. Benar, seperti yang

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

boleh dilihat dalam surah-surah berikut, setiap lapisan tersebut mempunyai tugas yang mustahak demi manfaat umat manusia dan segala benda hidup di Bumi. Setiap lapisan mempunyai fungsi khusus, dari membentuk hujan hingga menghalang sinaran berbahaya, dari memantulkan gelombang radio ke mengelakkan kesan meteor-meteor yang memudaratkan.

Ayat-ayat berikut memberikan kita maklumat tentang kemunculan tujuh lapisan atmosfera:

Tidakkah kamu mengetahui dan memikirkan bagaimana Allah telah menciptakan tujuh petala langit bertingkat-tingkat, (Al-Quran, 71:15)

Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandanganmu dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? (Al-Quran, 67:3)

Atmosfera ini hanya membenarkan sinaran-sinaran yang diperlukan untuk kehidupan sampai ke Bumi. Contohnya, hanya sebahagian sahaja sinaran ultraungu yang boleh sampai ke dunia. Inilah lingkungan sinaran yang paling sesuai untuk membolehkan tumbuhan-tumbuhan melakukan fotosintesis dan akhirnya semua benda hidup boleh terus hidup.

Perkataan Bahasa Arab “tibaqan” di dalam ayat-ayat tersebut, diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris sebagai “lapisan” bermaksud “lapisan, penutup yang sesuai atau penutup untuk sesuatu,” dan lalu menekankan bagaimana lapisan teratas adalah bersesuaian dengan yang lapisan yang paling bawah. Perkataan tersebut turut digunakan dalam bentuk gandaan: “lapisan-lapisan.” Langit, yang diterangkan sebagai berada dalam keadaan lapisan-lapisan, tanpa kemosykilan merupakan perlambangan paling

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

sempurna tentang atmosfera. Ia adalah satu keajaiban agung, bahawa fakta-fakta begini tidak mungkin dijumpai tanpa penggunaan teknologi abad ke-20, telah pun dinyatakan dengan terangnya oleh Al-Quran 1,400 tahun dahulu.

### **Bumbung yang Terlindung**

Di dalam Al-Quran, Allah meminta perhatian kita ke salah satu sifat langit:

Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal, sedang mereka (yang kafir itu) berpaling tidak memerhatikan tanda-tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya. (Al-Quran, 21:32)

Sifat langit ini telah dibuktikan oleh kajian sains yang dilakukan di dalam abad ke-20: Atmosfera yang meliliti Bumi melakukan fungsi-fungsi penting demi kelangsungan benda hidup. Di samping memusnahkan banyak meteor – besar dan kecil – ketika mereka menghampiri Bumi, ia menghalang mereka daripada jatuh ke Bumi dan mendatangkan bahaya kepada kehidupan.

Tambahan pula, atmosfera menapis sinaran-sinaran cahaya dari angkasa lepas yang mendatangkan bahaya kepada kehidupan. Salah satu ciri yang paling menarik tentang atmosfera adalah ia membenarkan hanya sinaran yang tidak berbahaya dan sinaran yang berguna – cahaya yang tampak, sinaran yang menghampiri cahaya ultraungu dan gelombang radio boleh melepasinya. Kesemua radiasi ini adalah mustahak untuk kehidupan. Sinaran yang menghampiri ultraungu, yang hanya sebahagian sahaja yang dibenarkan melepas atmosfera, adalah sangat penting untuk fotosintesis tumbuhan-tumbuhan dan juga untuk semua kehidupan agar terus hidup. Majoriti sinaran ultraungu yang melampau yang dipancarkan oleh Matahari telah ditapis oleh

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

lapisan ozon atmosfera. Hanya spektrum ultraungu yang terhad serta mustahak sahaja akan sampai ke Bumi.

Fungsi perlindungan oleh atmosfera tidak berhenti setakat ini. Atmosfera turut melindungi bumi daripada kesejukan tahap beku angkasa lepas, yang dianggarkan -270°C.

Bumi bukan setakat dilindungi oleh atmosfera sahaja. Tambahan kepada ini, Van Allen Belt— lapisan yang terjadi daripada medan magnet Bumi – turut bertugas sebagai sebuah perisai kepada radiasi berbahaya yang mengancam planet kita. Radiasi ini, yang tidak putus-putus dipancarkan oleh Matahari dan bintang-bintang lain, sangat berbahaya kepada kehidupan. Sekiranya Van Allen Belt ini tidak wujud, letusan-letusan tenaga yang besar-besaran yang dipanggil suar solar yang sentiasa berlaku di Matahari akan memusnahkan kesemua kehidupan di Bumi.

Lapisan magnetosfera, yang terjadi daripada medan magnetik Bumi, bertugas sebagai sebuah perisai yang melindungi Bumi daripada jasad-jasad angkasa, sinaran dan partikel kosmik berbahaya. Dalam gambar di atas, lapisan megnetosfera ini, yang turut dikenali sebagai Van Allen Belts, boleh dilihat. Lapisan-lapisan ini yang berada beribu-ribu kilometer di atas Bumi melindungi kehidupan di Bumi dari tenaga maut yang sebaliknya boleh sampai kepadanya dari angkasa.

Kesemua penemuan sains tadi membuktikan bahawa dunia telah dilindungi dalam satu cara yang tertentu. Perkara yang penting adalah perlindungan ini telah didedahkan di dalam Al-Quran dalam ayat “Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal” empat belas kurun dahulu.

Tentang kepentingan Van Allen Belt, Dr. Hugh Ross berkata:

Hakikatnya, Bumi mempunyai densiti tertinggi di antara semua planet-planet di dalam Sistem Suria kita. Teras nikel-besi yang

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

besar ini bertanggungjawab untuk medan magnetik kita yang besar. Medan magnetik ini menghasilkan perisai radiasi Van-Allen, yang melindungi Bumi daripada pengeboman radiasi. Sekiranya perisai ini tidak wujud, kehidupan sudah pasti tidak akan ada di Bumi. Utarid merupakan satu-satunya planet lain yang memiliki medan magnetik seperti Bumi – akan tetapi kekuatan medannya adalah 100 kali ganda kurang daripada medan kepunyaan Bumi. Zuhrah yang dikatakan planet saudara kepada Bumi, tidak mempunyai medan magnetik. Perisai radiasi Van-Allen adalah rekaan yang unik kepada Bumi.

Tenaga yang dipancarkan dalam salah satu suar yang dikesan dalam tahun-tahun sejak kebelakangan ini telah dikira sama seperti 100 bilion bom atom, setiapnya disamakan dengan salah satu bom nuklear yang dijatuhkan di atas Hiroshima pada penghujung Perang Dunia Kedua. Lima puluh lapan jam setelah berlakunya letusan, ia telah diperhatikan bahawa jarum-jarum magnetik pada kompas-kompas menunjukkan pergerakan luar biasa dan 250 kilometer di atas atmosfera Bumi, suhu meningkat secara mendadak ke  $2,500^{\circ}\text{C}$ .

Kebanyakan orang apabila mendongak ke langit tidak akan memikirkan tentang aspek perlindungan yang diberikan oleh atmosefera. Mereka hampir-hampir tidak mampu membayangkan bagaimana keadaan dunia kita sekiranya struktur atmosfera tidak wujud. Foto di atas adalah tentang satu kawah yang terjadi akibat sebiji meteor yang terjatuh di Arizona, Amerika Syarikat. Sekiranya atmosfera tidak wujud, jutaan meteor akan jatuh ke Bumi dan pastinya Bumi tidak akan menjadi satu tempat untuk kehidupan. Namun, aspek perlindungan atmosefera membolehkan kehidupan untuk terus hidup dengan selamat. Ini sudah pastinya perlindungan Allah kepada umat manusia dan salah satu keajaiban yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Pendek kata, satu sistem yang sempurna sedang bekerja nun jauh di atas Bumi. Ia mengelilingi dunia kita dan melindunginya daripada ancaman luar. Berkurun dahulu, melalui Al-Quran, Allah telah memberitahu kita tentang fungsi atmosfera bumi yang menjadi perisai pelindung.

### **LANGIT DIJADIKAN KUBAH**

Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan diturunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkannya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa). (Al-Quran, 2:22)

Hujan meteor Geminid diperhatikan pada intensiti tertinggi pada minggu kedua bulan Disember setiap tahun. Garisan-garisan pendek dalam foto di sebelah adalah kesan-kesan yang berasal dari bintang-bintang; yang lebih panjang berasal dari meteor. Meteor-meteor yang terkandung dalam hujan meteor tersebut kelihatan di dalam gambar (di laman web) jatuh ke densiti sehingga 58 sejam.

Di sini, perkataan Arabik untuk langit adalah ‘assamaa binaan.’ Sama juga dengan maksud “kubah” atau “siling”, ia turut menggambarkan sejenis penutup seperti khemah yang digunakan oleh orang Bedouin. Apa yang ditekankan di sini, melalui pernyataan tentang satu struktur seperti khemah, adalah salah satu bentuk pertahanan daripada elemen-elemen luaran.

Walaupun kita tidak menyadarinya, sejumlah besar meteor jatuh ke Bumi, seperti mana yang berlaku di planet-planet lain. Atmosfera Bumi memberi rintangan yang kuat kepada sebuah

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

meteor yang sedang jatuh adalah sebab mengapa terdapatnya kawah-kawah besar di planet-planet lain tetapi tidak mendatangkan bahaya kepada Bumi. Sebuah meteor tidak mampu bertahan lama dan akan kehilangan sebahagian besar jisimnya berpunca daripada pembakaran akibat geseran. Bahaya ini, yang mungkin menyebabkan bencana teruk, telah dielakkan. Sama seperti ayat-ayat berkenaan dengan sifat perlindungan atmosfera yang dipetik di atas, perhatian khusus diberikan kepada penciptaan khas dalam ayat berikut:

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintahNya? Dan Dia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izinNya; sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihanNya dan rahmatNya kepada umat manusia. (Al-Quran, 22:65)

Sifat perlindungan atmosfera yang telah kita bincangkan dalam bahagian sebelum ini melindungi Bumi dari angkasa lepas – dalam erti kata lain, daripada elemen-elemen luaran. Dengan perkataan “kubah”, yang merujuk kepada langit dalam ayat di atas, perhatian tertumpu ke aspek langit ini, yang tidak mungkin diketahui pada masa Nabi-Nabi kita (saas). Fakta tentang pengetahuan ini yang telah diberikan 1,400 tahun dahulu di dalam Al-Quran, yang ketika itu tiada wujudnya kapal angkasa atau teleskop gergasi, menunjukkan bahawa Al-Quran adalah wahyu Tuhan kita, yang Maha Mengetahui.

=====

Jawapan Saya

Untuk Atmosfera dan Bumbung Yang Terlindung

Dia mendakwa bagaimana Allah mengetahui tentang langit sebagai bumbung yang terlindung (atmosfera). Pertama sekali, marilah

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

lihat apa yang diperkatakan oleh Al-Quran tentang ini, kemudian kita akan mengetahui sama ada adakah ini benar-benar berkata tentang sesuatu keajaiban, satu kesilapan, atau satu penipuan yang digunakan orang Islam untuk mempromosikan agama mereka.

Sekarang, apakah syurga yang paling bawah menurut dakwaan keajaiban Islam? Dari Al-Quran 21:32:

Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal, sedang mereka (yang kafir itu) berpaling tidak memerhatikan tanda-tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya.

Saya akan menunjukkan kepada anda bahawa Allah sebenarnya melindungi syurga, bukannya bumi. Saya boleh membuktikannya dengan bukti yang lebih jelas seperti yang kita boleh bacakan petikan ini dari Sahih Muslim, Buku 4, Hadis 902 (juga baca Sahih Al-Bukhari, Buku 60, Hadis 443).

Ibn ‘Abbas melaporkan: Rasul Allah (semoga Allah berdoa ke atasnya dan memberi hormat kepadanya) dalam tiada satu kes dibacakan Al-Quran kepada Jin, juga langsung dia tidak melihat satu pun daripada mereka. Rasul Allah (semoga Allah berdoa ke atasnya dan memberi hormat kepadanya) telah keluar bersama beberapa orang kenalannya dengan tujuan untuk ke pasar ‘Ukaz. Namun, terdapat sekatan-sekatan di antara syaitan-syaitan dan maklumat yang datang dari Syurga (melalui intipan), dan terdapat api yang dilancarkan ke atas mereka. Maka syaitan-syaitan kembali kepada golongan mereka, dan mereka berkata: “ Apakah yang berlaku kepada kamu?” Mereka berkata: “Telah diwujudkan sekatan-sekatan di antara kami dan khabar berita dari Syurga...”

Sahih Muslim, Buku 004, Hadis 0902, petikan dalam Bahasa Arab:

صحيح البخاري - أبواب صفة الصلاة - باب الجهر بقراءة صلاة الفجر

باب الجهر بقراءة صلاة الفجر وقالت أم سلمة طفت وراء الناس والتبني صلى الله عليه وسلم يصلي ويقرأ بالطور

حدثنا مسدد قال حدثنا أبو عوانة عن أبي بشر هو حعمير بن أبي وخشبة عن سعيد بن جبير عن عبد الله بن عباس رضي الله عنهما قال انطلق النبي صلى الله عليه وسلم في طائفة من أصحابه عامدين إلى سوق عكاظ وقد حل بين الشياطين وبين خير السماء وأرسيلت عليهم الشفاعة فرجحت الشياطين إلى قومهم فقالوا ما لكم فقالوا حل بيننا وبين خير السماء وأرسلت علينا الشفاعة قالوا ما حال بينكم وبين خير السماء إلا شيء حدث فأصرموا مشارق الأرض ومقارتها فانظروا ما هذا الذي حال بينكم وهو ينخلع عامدين إلى سوق عكاظ وهو يصلي بأصحابه صلاة الفجر فلما سمعوا القرآن استمعوا له فقالوا هذا والله الذي حال بينكم وبين خير - « حين رجعوا إلى قومهم وقالوا يا قومنا إننا سمعنا فرنا 268 السماء فهذا عجباً يهدى إلى الرشد فاما به ولن نشرك بربنا أحداً فأنزل الله على نبيه صلى الله عليه وسلم قل أوحى إلى آلة استمع نفر من الجن وإنما أوحى إليه قول الجن »

1. Menurut ayat di dalam Al-Quran 67:5, bintang-bintang di syurga/langit yang paling bawah.

2. Al-Quran: 67:5:

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan dan Kami sediakan bagi mereka azab Neraka yang menjulang-julang.

Adakah anda menyedari bahawa Encik Harun tidak menunjukkan ayat ini dalam dakwaannya, tetapi dia hanya menunjukkan ayat sebelumnya? “Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis...” (Al-Quran, 57:3). Mengapa? Sebabnya adalah dia tidak menyukai fakta ini yang boleh memusnahkan dakwaannya.

3. Tambahan pula, Al-Quran 67:3 tidak menyatakan tujuh **lapisan**, tetapi sebaliknya tujuh **langit**. Anda boleh memeriksa penterjemahan-penterjemahan orang Islam lain dan anda akan

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

menyedari penipuan Encik Harun Yahya dengan serta-merta. Dia mengubah perkataan **langit-langit** kepada **lapisan-lapisan**, dan saya pasti anda mengetahui bahawa perbezaannya sangat ketara.

4. Sekiranya ini menerangkan tentang atmosfera, seperti yang didakwa oleh orang Islam, maka ia bermakna bahawa kesemua bintang kita berada di dalam atmosfera! Secara spesifik, di dalam langit yang paling bawah (lapisan) atmosfera.

5. Bagaimana dengan tujuh lapisan atmosfera? Adakah sememangnya wujudnya tujuh lapisan ini? Itu dia! Mereka menipu lagi dalam dakwaan ini. Sebenarnya, hanya terdapat empat (4) lapisan atmosfera. Sebentar lagi saya akan menunjukkan lebih banyak perincian.

Berikut adalah daripada NASA:

([http://www.nasa.gov/audience/forstudents/9-12/features/912\\_liftoff\\_atm.html](http://www.nasa.gov/audience/forstudents/9-12/features/912_liftoff_atm.html))

Bumi diselubungi satu lapisan udara, yang kita panggil sebagai atmosfera. Ia menjangkaui hampir atau lebih 600 kilometer (372 batu) dari permukaan bumi.

1. **Troposfera:** Troposfera bermula pada permukaan bumi dan menjangkau ketinggian 8 hingga 14.5 kilometer (5-9 batu).
2. **Stratosfera:** Stratosfera bermula di atas troposfera dan menjangkau ketinggian sehingga 50 kilometer (31 batu).
3. **Mesosfera:** Mesosfera bermula di atas stratosfera dan menjangkau ketinggian sehingga 85 kilometer (53 batu).
4. **Termosfera:** Termosfera bermula di atas mesosfera dan menjangkau ketinggian sehingga 600 kilometer (372 batu).

Jelas sekali bahawa orang Islam mengira dengan cara mereka sendiri agar memalsukan fakta bahawa atmosfera terdiri daripada tujuh lapisan! Al-Quran 67:5 menyatakan:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan dan Kami sediakan bagi mereka azab Neraka yang menjulang-julang.

Jelas sekali Allah akan menembak mana-mana syaitan dengan sebutir bintang, sekiranya dia ingin keluar dari bumi.

Tafsir Al-Jalalayn, Al-Quran, Al-Mulk 5:67:

### **تفسير**

{وَلَقَدْ زَيَّنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحٍ وَجَعَلْنَاهَا رُحْمًا لِلشَّيَاطِينِ وَأَعْنَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعْيِ}

ولَقَدْ زَيَّنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحٍ وَجَعَلْنَاهَا رُحْمًا لِلشَّيَاطِينِ وَأَعْنَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعْيِ

"ولَقَدْ زَيَّنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا" الْفَرْبَى إِلَى الْأَرْضِ "بِمَصَابِيحٍ" يَنْجُومُ "وَجَعَلْنَاهَا رُحْمًا" "مرَاجِمٍ" لِلشَّيَاطِينِ إِذَا اسْتَرْفُوا السَّمْعَ بَانِ يَنْفَصِلُ شَيْقَابُ عَنِ الْكَوْكَبِ كَالْقَبْسِ يُوْجَدُ مِنَ النَّارِ فَيَقْتُلُ الْجِنَّى أَوْ يَخْبِلُ لَا أَنَّ الْكَوْكَبَ يَرُولُ عَنْ مَكَانِهِ" وَأَعْنَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعْيِ النَّارُ الْمُوْقَدَةُ

Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang paling bawah, yang paling dekat dengan bumi, dengan pelita-pelita, yakni bintang-bintang, dan menjadikan mereka peluru berpandu kepada syaitan-syaitan jika mereka cuba mendengar, mengintip, sebagai meteor berapi memisahkan dirinya daripada bintang, seperti lepasan daripada api, dan sama ada membunuh jin itu atau menjadikannya gila. Bintang itu sendiri tidak bergerak daripada kedudukannya; dan Kami telah sediakan untuk mereka hukuman Neraka, Api yang menjulang-julang.

Pendek kata, Allah memiliki sistem pertahanan peribadi yang digunakan kepada mana-mana Syaitan yang cuba mengintip rahsia-rahsianya, dan itulah bumbung yang terlindung.

Mungkin masih ada yang tidak yakin dengan bukti-bukti saya. Sekiranya inilah kesnya, saya akan menunjukkan bukti tambahan.

Al-Quran 15:16-18:

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: Bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta Kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya. (16)

Dan Kami pelihara (urusan) langit itu dari (masuk campur) tiap-tiap Syaitan yang kena rejam. (17)

Kecuali Syaitan yang curi mendengar percakapan (malaikat di langit), maka ia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menyala, yang nyata kelihatan. (18)

Al-Quran 37:6, 7, 10:

Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan hiasan bintang-bintang. (6)

Dan (Kami pelihara urusan langit itu) dengan serapi-rapi kawalan dari (masuk campur) tiap-tiap Syaitan yang derhaka. (7)

Kecuali sesiapa di antara Syaitan-syaitan itu yang curi mendengar mana-mana percakapan (malaikat), maka dia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menjulang lagi menembusi. (10)

Al-Quran 72: 8-9

Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala. (8)

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya. (9)

Al-Quran 55:33

Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)! (33)

Al-Quran 67:5 menyatakan dengan jelas bahawa Allah akan menembak sesiapa yang cuba pergi ke syurga. Tambahan lagi, kita boleh melihat Tafsir Muslim berkenaan Al-Quran 55:33, Al-Jalalayn, Ar-Rahman (55), 33:

تفسير

يَعْشَرَ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِنْ أُسْتَطَعُتُمْ أَنْ تَنْقُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ {  
وَالْأَرْضِ فَانْقُذُوا لَا تَنْقُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ }

Wahai golongan jin dan manusia, sekiranya anda dapat menembus, untuk keluar dari Kawasan, langit dan bumi, maka tembuslah! Satu cabaran dibuat oleh Allah yang mencabar mereka untuk apa yang mereka tidak mampu lakukan (jin dan manusia). Engkau tidak boleh menembus kecuali dibenarkan, dan kuasa, dan engkau tidak mempunyai kuasa untuk melakukan perkara sepertinya.

Daripada kedua-dua bab Al-Quran tadi, kita menemui bahawa ini tiada kaitannya dengan atmosfera. Hakikatnya, ini membuktikan kejahilan Allah, yakni tuhan mereka.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- " Jelas bahawa Al-Quran menyatakan tentang melindungi langit, bukannya bumi.
- " Kita tahu bahawa manusia telah pergi ke langit dan juga telah melepassi atmosfera bumi. Ke mana perginya peluru berpandu Allah? Lucunya, manusia yang telah pergi ke sana merupakan orang kafir (orang Amerika dan Rusia), dan bukannya orang Islam!
- " Al-Quran bercakap tentang satu pengecualian untuk meninggalkan had bumi (Engku tidak boleh menembus kecuali dibenarkan.)
- " Inilah peruntukan yang hanya disediakan Allah untuk nabianabinya, seperti 'Isa dan Muhammad, untuk naik ke atas, tetapi tidak untuk orang Amerika!

Meskipun dengan fakta-fakta sains tadi, Encik Harun mendakwa bahawa langit yang paling rendah adalah **atmosfera**. Ilmu sains milik tuhannya membuktikan bahawa Allah tidak mengetahui di mana letaknya bintang-bintang. Dia beranggapan mereka berada di langit yang paling bawah sahaja, sedangkan sains membuktikan kita memiliki banyak galaksi-galaksi dan setiap satunya adalah satu lagi langit yang lain. Setiap satu penuh dengan berbilion-bilion bintang. Ingatlah apa yang Al-Quran 67:5 telah nyatakan:

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan pelita-pelita (bintang-bintang) dan Kami jadikan mereka (bintang-bintang) itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan dan Kami sediakan bagi mereka azab Neraka yang menjulang-julang.

**Adakah Allah Menciptakan Dunia dalam Enam, Tujuh atau Lapan Hari?**

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Riwayat berikut adalah satu hadis yang disahkan tentang kisah penciptaan dunia (Sahih Muslim, V4, Mukasurat 2150 {Bahasa Arab}):

Rasul Allah memberitahu aku:

خَلَقَ اللَّهُ، (عَزَّ وَجَلَّ)، التُّرْبَةَ يَوْمَ السَّبْتِ، وَخَلَقَ فِيهَا الْجِبَالَ يَوْمَ الْأَحَدِ، وَخَلَقَ الشَّجَرَ «يَوْمَ الْأَثْنَيْنِ، وَخَلَقَ الْمَكْرُوهَ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ، وَخَلَقَ النُّورَ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ، وَبَثَّ فِيهَا الدَّوَابَ يَوْمَ الْخَمِيسِ، وَخَلَقَ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، بَعْدَ الْعَصْرِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ، فِي آخرِ الْخَلْقِ، فِي آخرِ سَاعَةٍ مِنْ سَاعَاتِ الْجُمُعَةِ، فِيمَا بَيْنَ الْعَصْرِ إِلَى اللَّيْلِ»

Abu Huraira melaporkan: Nabi Allah memberitahu aku, “Allah telah menciptakan tanah pada Sabtu, dan Dia menciptakan gunung-ganang pada Ahad, dan Dia menciptakan pokok-pokok pada Isnin, dan Dia menciptakan benda-benda jahat pada Selasa dan Dia menciptakan cahaya pada Rabu dan Dia menciptakan haiwan-haiwan yang berjalan pada Khamis dan Dia menciptakan Adam pada tengahari Jumaat. Dialah ciptaan terakhir ketika jam terakhir Jumaat, antara tengahari dan malam.

Hadis adalah betul dan disahkan seperti di dalam Al-Alabany, V4, Hadis 1833; (Juga di dalam Buku Al-Mishkat Hadis 5735; Buku Mukhtasar Al-‘Olu Al-Zahbi Hadis 73: dan Buku ‘Qism Al-Mustfrak mukasurat 664):

رقم: 1833

الحديث: خلق الله التربة يوم السبت وخلق فيها الجبال يوم الأحد وخلق الشجر يوم الاثنين وخلق المكره يوم الثلاثاء وخلق النور يوم الأربعاء ويث فيها الدواب يوم الخميس وخلق آدم بعد العصر من يوم الجمعة آخر الخلق من آخر ساعة الجمعة فيما بين العصر إلى الليل [ ]. ( صحيح ) . وليس الحديث بمخالف للقرآن كما يتوهم البعض راجع المشكاة 5735 ثم مختصر العلو للذهبي رقم الحديث 71 . انظر التحقيق المطول في الكتاب قسم الاستدرارك ص 664 . وخلاصته فالتفصيل الذي في الحديث هو غير التفصيل الذي في القرآن الكريم وأيامه غير أيامه فالواجب في مثل هذا عند أهل العلم أن يضم أحدهما إلى الآخر وليس ضرب أحدهما بالأخر .

المجلد: 4

**PENIPUAN Allah by Christian Prince**

<https://sunnah.com/muslim/52/10>

Untuk penterjemahan Bahasa Inggeris oleh orang Islam, pergi ke:

[www.qtafsir.com](http://www.qtafsir.com)

atau

<https://quranx.com/Tafsir/Kathir/7.54>

Cerita yang sama boleh dijumpai dalam Tafsir Ibn Kathir, V7, Mukasurat 168, diterbitkan oleh syarikat penerbitan ‘Tiba’.  
<http://islamport.com/d/1/tfs/1/27/1244.html>

Menurut hadis tersebut, Allah menciptakan bumi dalam enam hari. Namun, kita baru sahaja membaca dari petikan Sahih Muslim di atas bahawa Dia bermula pada hari Sabtu dan selesai pada Jumaat, berjumlah tujuh hari penciptaan. Juga, kita menjumpai penciptaan bumi dalam enam hari disahkan oleh begitu banyak ayat di dalam Al-Quran, seperti dalam Surah 7:54, 10:3, 11:7, 25:59, 32:4, 50:38, dan 57:4.

Mari kita kaji laporan ini di dalam Al-Quran 41:9-12 (penterjemahan Pickthal):

9 Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang musyrik: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang benar telah menciptakan bumi dalam dua Hari, dan memberi kamu kepada para pesaingNya? Dia (dan tiada lagi) adalah Tuhan sekalian alam.

10 Dia meletakkan di dalamnya bukit-bukit yang teguh di atasnya, dan diberkati dan diukur di dalamnya rezekinya dalam empat Hari, sama dengan yang meminta;

11 Kemudian Dia berpaling ke langit ketika itu asap, dan berkata kepadanya dan kepada bumi: Datanglah kamu berdua, rela atau bertawakkal. Mereka berkata: Kami datang, taat.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

12 Kemudian Dia menjadikan mereka tujuh langit dalam dua Hari dan diilhami setiap satunya mandatnya; dan Kami mengadakan langit yang syurga dengan lampu-lampu, dan menjadikannya tidak boleh dilanggar. Inilah pengukuran dari Yang Maha Kuasa, Yang Maha Mengetahui.

Ini memberitahu kita bahawa Allah telah menciptakan tanah dalam dua hari; pokok-pokok, air, dan gunung-gunung di dalam empat hari; dan langit di dalam dua hari. Sekiranya kita menjumlahkan kesemua hari itu yang digunakan Allah untuk mencipta bumi, kita akan mendapat Jumlah Iapan hari, bukannya enam. Apakah maksudnya?

Laporan tentang penciptaan lengkap dalam Surah 41:9-12 jelas bertentangan dengan beberapa ayat yang saya telah sebutkan di atas, yang menyatakan bahawa penciptaan telah diselesaikan dalam tempoh enam hari. Ia juga bercanggah dengan hadis, walaupun mereka agak sama dalam urutan penciptaan.

Sebelum kita menamatkan topik ini, orang Islam banyak membuat dakwaan tentang umur bumi, dan saya telah mendengar sebilangan daripada mereka mengatakan bahawa Al-Quran adalah lebih tepat berbanding dengan Alkitab apabila berkenaan dengan enam hari penciptaan kerana Al-Quran tidak memberikan berapa panjangnya hari-hari tersebut. Hakikatnya, Muhammad akan sering membantu kita mendedahkan kepalsuan sains orang Islam.

Dalam Sahih Al-Bukhari (Buku 59, Hadis 688), “Nabi Allah bersabda, ‘Masa telah mendapat **rupa dan bentuknya** yang ada sekarang, sejak langit dan bumi diciptakan Allah...’”

Begitu jelas sekali, kata-kata Muhammad dari waktu tempoh penciptaan bumi adalah sama seperti hari ini. Tambahan pula, mereka mendedahkan dakwaan-dakwaan palsu bahawa Islam tidak pernah berkata enam hari penciptaan Allah adalah sama seperti hari-hari seperti hari sekarang, seperti mana yang anda

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

boleh melihat, ia adalah sama. Juga, menurut sains, hari-hari ketika bumi mula-mula wujud adalah lebih pendek berbanding hari ini dan tempoh masa untuk satu hari kini semakin lama. Lihat: [http://helios.gsfc.nasa.gov/qa\\_earth.html#earthsSlow](http://helios.gsfc.nasa.gov/qa_earth.html#earthsSlow)

Sebaliknya, Muhammad telah mengatakan satu hari untuk Allah adalah sama dengan seribu tahun untuk kiraan kita, seperti yang kita boleh lihat di dalam Al-Quran 22:47; "Walau bagaimanapun, mereka meminta supaya kamu mempercepatkan Azab itu! Bagaimanapun, Allah tidak akan gagal dalam Janji -Nya. Sesungguhnya, satu Hari di sisi Tuhanmu sama dengan seribu tahun perhitungan anda."

Maka, sekiranya masa tidak pernah berubah, ia masih dalam rupa dan bentuk seperti yang diterangkan oleh Muhammad dalam hadis di atas ('Masa telah mendapat **rupa dan bentuknya** yang ada sekarang, sejak langit dan bumi diciptakan Allah....'), Allah menamakan mereka sama seperti nama-nama yang kita miliki sekarang, dan dia menamakan mereka sebagai hari-hari, ini lagi membuktikan wujudnya lebih banyak percanggahan dalam kata-kata Muhammad dan kata-kata tuhannya. Maka, salah seorang daripada mereka sedang menipu, dan kesudahannya kedua-dua telah berbohong, oleh kerana pihak pertama (Muhammad) telah memberitahu sesuatu pembohongan maka semua yang telah Allah katakan juga adalah pembohongan, kerana ia telah diberitahu oleh seorang saksi palsu (Muhammad).

---

**Dakwaan Orang Islam  
Penjelajahan Angkasa Lepas**

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Pemjelajahan angkasa lepas oleh umat manusia telah dimangkinkan dengan satelit Sputnik milik Soviet Rusia pada 4 Oktober 1957, yang membawa manusia pertama meninggalkan atmosfera Bumi: angkasawan Yuri Gagarin. Pada 20 Julai 1969, angkasawan pertama Amerika Syarikat Neil Armstrong menjadi manusia pertama untuk menjakkan kaki di Bulan.

Hakikatnya, Al-Quran telah mendedahkan kemajuan-kemajuan dan pencapaian-pencapaian sebegini akan menjadi kenyataan. Contohnya, Allah menarik perhatian kita kepada hal ini melalui ayat berikut:

Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)! (Al-Quran 55:33)

Perkataan Bahasa Arab ‘sultan’, diterjemahkan di sini sebagai “satu kekuasaan”, turut mempunyai makna lain: daya tenaga, kuasa, kedaulatan, wilayah pemerintahan, undang-undang, jalan, kebenaran memberi ruang, membuktikan sebagai wajar, dan bukti.

Pemeriksaan teliti ke atas ini mendedahkan bahawa ayat di atas tadi memberi penekanan bahawa kemanusiaan mampu bergerak ke kedalam Bumi dan langit, tapi hanya melalui kuasa yang unggul. Dalam kesemua persamaan, kuasa unggul ini adalah teknologi yang unggul yang digunakan dalam abad ke dua puluh, kerana ini membolehkan para saintis untuk mencapai pencapaian hebat ini.

**PENIPUAN Allah by Christian Prince**  
**SPUTNIK TERBANG KE LANGIT**

Satelit pertama sekali, yakni "Sputnik 1," telah dilancarkan pada 1957. Ayat 19:57 (Surah Maryam, 57) dalam Al-Quran dengan kagumnya merujuk kepada pelancaran dan dilancarkan.

Dan Kami telah mengangkatnya ke tempat yang tinggi darjatnya.  
(Surah Maryam 29:57)

Erti "Refas'nahu" dalam datangnya dari kata kerja "refea," yang membawa maksud "untuk mengangkat, meninggikan atau mengangkatnya ke aras yang lebih tinggi." Sebaliknya, perkataan "aliyyen" dalam ayat ini membawa makna "tinggi, amat tinggi" do samping kepada "agung". Apabila kita mengambil kira ayat itu dengan sendirinya, maka, ia bermaksud "diangkat ke suatu tempat yang amat tinggi." Berbalik kepada itu, ayat 19:57 mungkin menjadi satu rujukan kepada pelancaran pesawat angkasa Sputnik ke langit pada tahun 1957. (Hanya Allah maha mengetahui.)

Ayat 19:57 Al-Quran menceritakan tentang "mengangkatnya ke satu tempat yang tinggi."

"Sputnik 1," satelit tanpa dipandu manusia, telah dilancarkan pada 1957.

---

**Jawapan Saya**

**Dakwaan: Allah Meramalkan Manusia Akan Pergi Ke Angkasa Lepas**

Ini yang telah dikatakan oleh Encik Harun Yahya: "Ayat 19:57 Al-Quran menceritakan tentang 'mengangkatnya ke satu tempat yang tinggi.' 'Sputnik 1' satelit tanpa dipandu manusia, telah dilancarkan pada 1957." Dia menyamakan ayat 19:57 kepada tahun 1957.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Saya tidak mampu mempercayai betapa terdesaknya orang Islam untuk mendapatkan apa-apa kebenaran tentang Islam. Inilah jawapan saya.

1. Ayat ini menceritakan tentang seorang nabi Islam yang bernama Idres. Ia berkata, “**kami telah mengangkatnya.**” **Ini telah berlaku pada masa yang lalu, dan bukannya untuk masa akan datang.** Ini telah pun berlaku kepada Idres. Adakah nabi Idres sesuatu satelit?
2. Ayat ini bercakap tentang mengangkatnya merujuk kepada seseorang manusia, namun Sputnik 1 hanyalah sebuah satelit! Maka, Allah memanggil Idris sebagai sebuah satelit? Jadi, Encik Harun, adakah Allah awak menganggap sebuah satelit sebagai seorang manusia?

Penterjemahan Yusuf Ali, Al-Quran 19:56, 57:

56 Juga disebutkan di dalam Kitab kes Idris: Dia seorang lelaki yang membawa kebenaran (dan keikhlasan), (dan) seorang nabi:

57 Dan Kami telah mengangkatnya ke satu tempat yang tinggi.

**تفسير** Tanwir Al-Miqbas Min Tafsir Ibn ‘Abbas:

{ وَرَفَعْنَاهُ مَكَانًا عَلِيًّا }

(Dan Kami telah mengangkatnya ke satu tempat yang tinggi) di Syurga.

- Perkataan-perkataan ‘kami telah mengangkatnya’ muncul lebih daripada 29 kali.

Di sini satu contoh tentang ‘Isa (Jesus) di dalam Al-Quran 3:55:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

(Ingatlah) ketika Allah berfirman: Wahai Isa! Sesungguhnya Aku akan mengambilmu dengan sempurna dan akan mengangkatmu ke sisiKu..

Menggunakan logik Encik Harun, adakah ini bermakna bahawa sebuah satelit juga telah terbang ke angkasa dalam tahun 355 = ayat 3:55? Juga perhatikan, ayat ini lebih masuk akal untuk menjadi pilihan Encik Harun kerana ianya berkenaan masa hadapan.

- Sekiranya ayat 19:57 adalah benar tentang kali pertama sesuatu benda telah melepas bumi, bukankah ayat 3:55 di dalam Al-Quran yang berkata tentang mengangkatnya adalah sesuai juga?
- Lebih jenaka lagi untuk ditanya, adakah Allah telah menurunkan ayat-ayat ini dalam urutan seperti sekarang? Bukankah Uthman, Pengganti Muhammad, yang mengarahkan ayat-ayat tadi disusun seperti urutan sekarang? Ataupun Allah?
- Uthman telah dengan ketaranya mengubah urutan ayat-ayat tadi. Sebagai contoh, ayat pertama yang diberikan kepada Muhammad adalah, "Bacakanlah." Namun ianya terletak di dalam Al-Quran, surah 96! Ayat-ayat al-Quran tidak pernah dinomborkan oleh Allah mahu pun Muhammad!
- Maka, inilah bukti bahawa Uthman adalah tuhan.
- Penting sekali, Al-Quran bercanggahan dengan dirinya sendiri, kerana ia berkata bahawa mereka yang jahat tidak akan dapat melepas zon bumi, seperti dalam Al-Quran 55:33.

Selagi kita masih bercakap tentang surah 55: saya ingin menambahkan satu lagi dakwaan Harun Yahya yang dibuat tentang bulan di dalam surah ini.

Al-Quran 55:33, 35, Penterjemahan Mohsin Khan:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

33 Wahai jin dan manusia! Sekiranya anda mempunyai kuasa untuk melepas zon langit dan bumi, maka lepasilah mereka! Tetapi anda tidak akan dapat untuk melepas mereka, kecuali dengan kuasa (dari Allah)!

35 Di sana akan diutus, terhadap kamu berdua, api panas dan tembaga tembaga, dan kamu tidak akan melepaskan diri.

Seperti yang kita lihat dalam surah yang sama, Allah telah berkata bahawa anda tidak boleh melepaskan diri atau melarikan diri daripada api Nya yang menghalang kedua-dua (manusia dan jin). Jadi nagaimanakah kita boleh melepas atmosfera bumi sekiranya Allah akan menembak jatuh kita? Bukankah Allah telah menyatakan dengan jelas bahawa anda **tidak akan melepaskan diri?**

Saya tidak akan lupa untuk menyebut bahawa mereka yang telah pergi ke langit adalah orang-orang yang dianggap sebagai mereka yang jahat dari sudut pandangan Islam, kerana mereka adalah orang kafir (Rusia, Amerika dan China). Ini bukannya satu mukjizat seperti yang orang Islam cuba gambarkan. Sebaliknya, ia bercanggah dan adalah satu kesilapan yang sangat besar. Manusia telah berjaya pergi ke angkasa, meskipun Allah mendakwa sebaliknya. Dan kini, mereka yang mengikutnya telah memburukkan lagi kesilapan ini dengan dakwaan-dakwaan palsu mereka.

---

Dakwaan Harun

Pengembalaan ke Bulan

AL-Quran, 84:18-20:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Dan [aku bersumpah] dengan bulan apabila (penuh cahayanya) menjadi purnama: Sesungguhnya kamu tetap menaiki ke atas bertingkat-tingkat! Maka apakah alasan bagi mereka bersikap tidak mahu beriman?

Dengan merujuk kepada bulan, ayat di atas kemudiannya menyatakan bahawa orang akan menaiki ke atas bertingkat-tingkat. Istilah ‘tarkabunna’ datangnya dari kata kerja ‘rakiba’, (menaiki ke atas, berjalan di atas laluan, ikut, memulakan perjalanan, bermula, mengambil bahagian, atau memerintah). Berdasarkan makna-makna tadi, adalah amat berkemungkinan besar bahawa ungkapan “kamu tetap menaiki ke atas bertingkat-tingkat” merujuk kepada sesebuah kenderaan yang dinaiki.

Sesungguhnya, kapal angkasa milik para angkasawan melalui setiap lapisan atmosfera satu demi satu, dan kemudian akan mula melalui medan graviti Bulan. Maka, Bulan dapat dicapai melalui pergerakan menerusi lapisan-lapisan individu. Tambahan lagi, bersumpah demi Bulan dalam Surah Al-Inshiqaq 18 mengukuhkan lagi penekanan ini, yakni bermaksud bahawa ayat tersebut **mungkin merupakan satu petanda** bahawa manusia akan mengembara ke Bulan. (Allah maha mengetahui.)

(Dakwaan orang Islam tamat)

---

### Jawapan Saya

Mari kita baca dari penamat dakwaan ini dan anda akan melihat betapa palsunya dakwaan tersebut. Encik Harun berkata; “**mungkin merupakan satu petanda...**” maka ini adalah sains berdasarkan Mungkin!

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Harun menggunakan penterjemahan ayat-ayat tadi agar bersesuaian dengan dakwaannya, namun penterjemahan dirinya turut membuktikan bahawa dakwaan ini adalah palsu. Bagaimana?

Al-Quran 84:19 dibacakan: "kamu tetap menaiki ke atas bertingkat-tingkat."

Mari kita baca Tafsir Al-Jalalayn (penterjemahan) ayat ini:

لَتَرْكَنْ طَبِيقًا عَنْ طَبِيقٍ {19}      أَيُّهَا النَّاسُ أَصْلُهُ تَرْكَبُونَ حُذِقْتُ نُونُ الرَّفِعِ لِتَوَالِي الْأَمْتَالِ وَالْأَوَادِ لِإِلْتِيقَاءِ " السَّاكِنِينَ " طَبِيقًا عَنْ طَبِيقٍ " حَالًا بَعْدَ حَالٍ ، وَهُوَ الْمَوْتُ ثُمَّ الْحَيَاةُ وَمَا بَعْدُهَا مِنْ أَخْوَالِ الْقِيَامَةِ

Anda akan dibina semula peringkat demi peringkat, keadaan selepas keadaan, iaitu, kematian, akhirat, maka apa yang kemudiannya datang dari keadaan-keadaan pada Kebangkitan.

" Sekiranya kita mengkaji semua tafsir tentang Al-Quran, kesemua mereka akan menyatakan sama seperti yang dinyatakan oleh Al-Jalalayn. Dari manakah orang Islam pada masa kini boleh datang dengan dakwaan sebegitu tadi? Ini hanya satu permainan penipuan untuk menyesatkan mereka yang tidak berbahasa Arab!

Pertama, ungkapan "kamu tetap menaiki ke atas bertingkat-tingkat." Ianya tentang syurga Allah dalam akhirat. Ianya tentang satu perjanjian untuk pergi ke syurga. Sebenarnya, ianya sama dengan Al-Quran 67:3 tentang tujuh petala langit, di mana Muhammad dengan jelasnya menyatakan bahawa syurga Allah mempunyai tujuh tingkat. Bacakanlah kesemua surah ini dan anda akan melihat bahawa Allah sedang mengeluarkan amaran kepada anda. Percayalah dengan ini dan anda akan pergi ke syurga, tetapi sekiranya tidak, Allah akan menghukum anda. Ini tiada kaitan langsung dengan perjalanan ke bulan.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Baiklah, demi hujah, kita akan bersetuju dengan penterjemahan dan tafsiran Encik Harun, tetapi kemudiannya kita akan mendapati satu masalah yang besar sekiranya ini tentang perjalanan ke bulan. Ini kerana surah selepasnya berkenaan dengan pergi ke syurga dan pergi ke neraka. Sekarang kita menghadapi situasi di mana Allah membuat kesilapan dan Encik Harun adalah betul!

Sekarang marilah kita melihat Al-Quran 84:1-20 (Tafsiran Ibn Kathir):

- 1 Apabila syurga terbelah dua, (semua orang Islam bersetuju bahawa hari ini merujuk kepada Hari Penghakiman),
- 2 dan mendengar kepada dan berserah kepada Tuhan yang maha kuasa apabila masa telah tamat.
- 3 Dan apabila bumi menyebar,
- 4 dan terpaksa melepaskan semua yang berada di dalamnya dan ternyata kosong.
- 5 Dan mengikuti dan mematuhi Tuhan yang maha kuasa, dan kewajipannya untuk melakukannya.
- 6 Wahai manusia; Sesungguhnya, engkau sedang dibina semula kepada Tuhanmu dengan rekod-rekodmu, dan tindakan, pasti datang kembali, dan anda akan bertemu dengan Tuhan anda dengan perbuatan anda.
- 7 Dia (yang baik) pasti akan menerima penghakiman yang bebas dari kebimbangan.
- 8 Dan akan kembali kepada keluarganya dengan sukacita (ia akan hidup kembali syurga dengan keluarganya).
- 9 Kecuali barangsiapa yang diberikan Rekodnya di belakangnya,
- 10 dia akan berdoa untuk kemasnahaninya,

**PENIPUAN Allah by Christian Prince**

11 dan dia akan menembusi suatu api marak, dan terbakar di dalamnya.

12 Sesungguhnya dia hidup dengan sukacita dengan keluarganya.

13 Sesungguhnya dia mengira bahawa dia pasti tidak akan kembali kepada Allah.

14 Oleh itu, saya bersumpah dengan matahari terbenam selepas itu;

15 dan pada malam dan apa pun di dalamnya dalam kegelapan,

16 dan bulan apabila ia penuh.

17 Anda pasti akan bergerak dari satu tempoh ke satu tempoh.

18 Dan apabila Al-Quran diberitakan kepada mereka. Mereka tidak tunduk.

19 Oleh itu, jelaskan kepada mereka penderitaan yang menyedihkan.

20 Jagalah orang-orang yang beriman dan beramal soleh, kerana mereka akan menjadi pahala, pahala kesyukuran.

Lihatlah dengan mata diri sendiri dalam tafsir Ibn Kathir di laman web orang Islam sendiri (Tafsir Ibn Kathir): [www.qtafsir.com](http://www.qtafsir.com)

Saya memikirkan bahawa mukjizat yang **diumumkan** telah dibongkarkan, kerana surah itu sendiri menerangkan segalanya dengan jelas. Ianya tentang **sesuatu yang akan berlaku pada hari penghakiman. Harun Yahya menjadikannya seolah-olah ia adalah tentang perjalanan ke bulan.** Percayalah saya, saya seratus peratus pasti bahawa mereka sedar akan maksud sebenar surah tersebut, tetapi orang Islam mempercayai perperangan dengan kebenaran boleh dimenangi dengan menundukkan sains melalui

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

mencampurkannya dengan persesembahan Islam yang palsu. Inilah sebabnya saya menamakan buku saya Penipuan Allah.

Oleh kerana kita masih membincangkan syurga Allah, saya akan menerangkannya dengan lebih terperinci lagi, dan pada masa yang sama, menunjukkan lebih banyak lagi bukti yang membongkarkan dakwaan ini.

## **Allah Menciptakan Syurga Bertingkat-Tingkat, Tujuh Petala Langit**

Al-Quran 15:44

لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَابٍ لِكُلِّ بَابٍ مِنْهُمْ جُزْءٌ مَقْسُومٌ  
، سورة الحجر، Al-Hijr، 44

Ia mempunyai tujuh pintu; bagi tiap-tiap sebuah pintu ada bahagian yang tertentu dari mereka (yang sesat dan menyesatkan itu). (44)

Ini bermakna orang Islam yang lebih baik akan pergi ke satu tingkat yang lebih tinggi dan satu syurga yang lebih baik. Contohnya, Al-Qaeda mungkin berada pada tingkat 6, yang lebih dekat kepada Allah dibandingkan dengan orang Islam yang normal. Kita akan mendapati perkara yang sama di dalam Al-Quran 23:86:

، سورة المؤمنون، Al-Mumenon| 86

Tanyakanlah lagi: Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar? (86)

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

1. Maka, terdapat tujuh pembahagian (aras), namun kesemuanya masih syurga.
2. Dalam Al-Quran 67:3 kita melihat perkataan (**طِبَاقٌ**, tbaqan):

**سُورَةُ الْمُلْكِ, ۳**  
**الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا**

3. Dialah yang menciptakan syurga sebagai tingkat-tingkat; tujuh petala langit, satu di atas selepas satu lagi.
4. Perhatikan di sini perkataan yang diterjemahkan “tingkat-tingkat” adalah ‘tbaqan dalam bahasa Arab.
5. Ayat ini bukannya tentang perjalanan ke bulan, kerana syurga Allah bukannya di bulan.
6. Bacalah sekali lagi (Sahih Al-Bukhari, Buku 58, Hadis 227) tentang pengembaraan Muhammad ke tujuh petala langit pada muka surat 225 dan anda akan melihat setiap satu langit tersebut mempunyai sebuah pintu pagar siap dengan pengawal-pengawal.
7. Mungkin ada yang akan bertanya, “Mengapakah Allah bersumpah janji dengan bulan dalam ayat-ayat (Al-Quran 84:18-20) yang diterjemahkan oleh Encik Harun Yahya?
8. Jawapannya adalah, Allah bersumpah apabila bulan purnama anda akan ke syurga di akhirat. Bacalah dengan teliti. Allah bukan sahaja bersumpah dengan bulan, bahkan dia bersumpah dengan bulan purnama, seperti yang dinyatakan dalam penterjemahan Harun. Bukannya saya. **“Dan [aku bersumpah] dengan bulan apabila (penuh cahayanya) menjadi purnama: Sesungguhnya kamu tetap menaiki ke atas bertingkat-tingkat!”**
9. Ini akan berlaku ketika bulan purnama untuk akhirat, kerana selagi Allah berkata, “apabila bulan purnama,” ini bermakna kita tidak boleh pergi ke sana kecuali ketika bulan mengambang penuh cahayanya! Adakah ini tentang

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

perjalanan pertama kali dan terakhir, atau berkenaan tarikh-tarikh bila perjalanan-perjalanan ini akan bermula? Sudah pasti, orang Islam akan mendakwanya tentang permulaannya!

10. Allah berkata ini akan berlaku apabila bulan purnama. Ini menyebabkan dakwaan ini melucukan.
11. Bilakah kapal angkasa pertama pergi ke bulan?
12. Kita boleh mendapati tarikh ini daripada NASA: Luna 1, Tarikh Pelancaran: 1959-01-02. Luna 1 merupakan kapal angkasa pertama untuk sampai ke bulan, dan yang pertama di antara siri stesen-stesen otomatik antara planet milik Soviet yang berjaya dilancarkan ke arah bulan.
13. Tarikh 2 Januari, 1959, ketika kapal angkasa ini dilancarkan, **bukan** tarikh bulan purnama! Tarikh untuk bulan purnama bulan Januari 1959 adalah pada **24 Januari**.
14. Seperti yang kita boleh lihat, ramalan Allah tentang pergi ke bulan (juga dakwaan mereka), tidak menepati tarikh bulan purnama yang sebenar!
15. Orang Islam mungkin mendakwa, "Oh, ia adalah tentang seorang manusia yang pergi ke sana, dan bukannya tentang sebuah kapal angkasa!" Baiklah. Mari kita lihat bilakah manusia pertama pergi ke bulan. Inilah pautannya

<http://nssdc.gsfc.nasa.gov/planetary/lunar/apollo11info.html>

### Apollo 11

Dilancarkan: 16 Julai 1969 UT 13:32:00 (09:32:00 a.m. EDT)

**Mendarat di Bulan: 20 Julai, 1969 UT 20:17:40 (04:17:40 p.m. EDT)**

Tapak mendarat: Mare Tranquilitatis – Laut Ketenangan (0.67 N, 23.47 E)

Kembali ke Bumi: 24 Julai 1969 UT 16:50:35 (12:50:35 p.m. EDT)

Neil A. Armstrong, komander

Michael Collins, jurupandu modul perintah

Edwin E. Aldrin, Jr., jurupandu modul lunar

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Seperti yang kita boleh lihat, ianya: "Mendarat di Bulan: 20 Julai," tetapi tarikh untuk bulan purnama pada Julai 1969 adalah 29 Julai. Anda sendiri boleh menggunakan kalkulator bulan di:  
<http://www.webmagician.com/astro/fullmoon.shtml>

- Allah kalah lagi. Tambahan lagi, dakwaan orang Islam bercanggah dengan Al-Quran seperti yang anda boleh lihat dalam Al-Quran 55:33:

Wahai jin dan manusia! Sekiranya anda mempunyai kuasa untuk melepas zon langit dan bumi, maka lepasilah mereka! Tetapi anda tidak akan dapat untuk melepas mereka, kecuali dengan kuasa (dari Allah)!

Kita boleh melihat bahawa ini disahkan oleh para ulama Islam dalam tafsiran mereka, Tafsir Al-Jalalayn, untuk Al-Quran 55:33:

تفسیر Tafsir Al-Jalalayn  
يَمْعَشُونَ الْجِنَّةَ وَالْإِنْسَانَ إِنْ أُسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَفْطَارِ السَّمَاوَاتِ {  
وَالْأَرْضِ فَأَنْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ}

Wahai umat jin dan manusia, andainya kamu boleh menembus lalu, melepas dari zon-zon syurga dan bumi, maka lalulah! Satu cabaran yang dibuat oleh Allah untuk mencabar mereka (jin dan manusia) sama seperti apa yang tidak mampu lakukan oleh mereka. Anda tidak boleh melalui mereka kecuali dengan kelulusan dan kuasa, dan anda tidak memiliki apa-apa kuasa untuk melakukan ini.

Seperti lazimnya, mereka yang menewaskan Allah adalah orang-orang kafir. Sehingga kini, orang Islam tidak mampu membina sebuah kapal terbang pun. Satu-satunya benda yang mereka miliki adalah karpet terbang yang telah disebutkan di dalam Al-Quran.

Begini jelas sekali Muhammad dan tuhan palsunya tidak pernah menyangka manusia akan dapat pergi ke bulan. Sekiranya kita



## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

boleh menanyakan Muhammad untuk mengubah Al-Qurannya, sudah pasti dia akan menambahkan nama Neil A. Armstrong sebagai salah seorang nabi Allah!

---

### Dakwaan Orang Islam

Saya akan mempersempahkan dua dakwaan berikut sekaligus kerana kedua-duanya tentang topik yang sama.

(Berikut merupakan dakwaan-dakwaan orang Islam)

### Bumi Berbentuk Geoid & Sistem Heliosentrik

Dan bumi sesudah itu dihamparkanNya (Al-Quran, 79:30)

Dalam ayat di atas, perkataan “daha” telah digunakan dalam maksud asli Bahasa Arab. Ia diterjemahkan sebagai “dihamparkan,” yang berasal daripada perkataan “dahv,” yang bermakna “untuk dihamparkan.” Walaupun perkataan “dahv’ turut bermaksud untuk ditutup atau memulakan sesuatu, makna kata kerja ini adalah lebih daripada erti biasa memulakan sesuatu, kerana ia menceritakan memulakan dalam bentuk bulatan.

Konsep bulatan turut wujud dalam perkataan-perkataan yang diperolehi dari “dahv.” Sebagai contoh, perkataan “dahv” juga merujuk kepada kanak-kanak menjatuhkan sebiji bola ke dalam satu lubang dalam tanah, permainan yang melibatkan membaling batu-batu ke dalam lubang-lubang dan permainan yang menggunakan buah walnut. Perkataan-perkataan yang berakar umbai daripada kata dasar tadi turut digunakan untuk seekor burung unta membuat sarangnya, membuang batu-batu dari tempat rehatnya, tempat di mana ia bertelur dan telur itu sendiri.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Sesungguhnya, Bumi itu bulat, dalam bentuk yang mengingatkan kita tentang sebiji telur. Bentuk Bumi seperti sfera yang sedikit rata dikenali sebagai geoid. Dari sudut pandangan ini, penggunaan perkataan “daha” mengandungi maklumat penting tentang bentuk yang telah diberikan kepada Bumi. Untuk beratus-ratus tahun lamanya, manusia telah membayangkan bahawa Bumi adalah rata sepenuhnya dan hanyan mengetahui kebenaran melalui teknologi. Namun, fakta ini telah didedahkan di dalam Al-Quran empat belas kurun yang lalu.

(Dakwaan kedua yang berkaitan dengan ini)

### **Sistem Heliosentrik**

Dia menciptakan langit dan bumi dengan ada faedah dan gunanya yang sebenar; ia pula menjadikan malam melingkari siang (dengan gelapnya) dan menjadikan siang melingkari malam (dengan cahayanya) dan Dia menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintahnya, tiap-tiap satu dari keduanya, beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Ingatlah! Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Yang sentiasa Mengampuni. (Surah Az-Zumar 39:5)

Dalam ayat di atas pergerakan Bumi telah diterangkan oleh perkataan “yukawwiru,” yang beasal daripada kata kerja dasar “takwir,” yang bermaksud “untuk menutupi sesuatu jasad berbentuk sfera,” di dalam satu cara di mana putaran Bumi membolehkan malam dan siang, sama seperti melilitkan serban. Tambahan pula kepada bentuk sfera Bumi, perkataan tadi adalah satu ungkapan paling tepat tentang peredaran Bumi mengelilingi Matahari. Oleh kerana bentuk sfera Bumi dan peredarannya mengelilingi Matahari, Matahari sentiasa menyinari satu bahagian Bumi sementara yang satu lagi berada dalam bayang-bayang. Bahagian yang berada dalam bayang-bayang tersebut dilitupi

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

kegelapan malam, untuk diambil alih oleh kecerahan siang apabila Matahari terbit. Kedudukan-kedudukan Matahari dan Bumi telah didedahkan seperti dalam Surah Ya-Seen 36:38-40:

Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui; (38) Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (39) (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing. (40)

Pergerakan-pergerakan Matahari dan Bulan dalam ayat 40 dalam Surah Ya-Seen telah diterangkan dengan perkataan Bahasa Arab “yasba hoona,” yang bererti “mengalir, melalui atau berenang.” Perkataan ini merujuk kepada sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang atas usaha sendiri. Seseorang yang melakukan perbuatan menurut perkataan ini akan berterusan melakukannya, tanpa pengaruh daripada orang lain. Ayat-ayat di atas tadi mungkin merujuk kepada pergerakan Matahari yang tidak bergantung pada apa-apa, bebas daripada pengaruh jasad-jasad angkasa yang lain. (Allah Maha mengetahui.) Mustahil untuk kita melihat atau memerhatikan pergerakan Matahari melalui mata kasar. Ia hanya boleh ditentukan dengan menggunakan peralatan teknologi khas. Seperti yang disebutkan dalam ayat 39 Surah Ya-Seen, tambahan lagi, untuk berputar pada pakisnya setiap 26 hari, Matahari turut beredar dalam laluannya sendiri.

Ayat ini turut melaporkan bahawa Matahari tidak dibenarkan “mengejar Bulan,” dan Al-Quran telah menyatakan Matahari dan Bulan tidak beredar di sekeliling satu jasad yang sama, seperti yang dinyatakan oleh para astronomi. Pada masa yang sama, ayat

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

tersebut dengan jelas menyatakan tiada wujudnya hubungan di antara pergerakan yang bertanggungjawab untuk malam dan siang dan pergerakan Matahari dan Bulan. (Allah Maha mengetahui.)

Sehingga kurun ke-16, fahaman yang wujud adalah Bumi merupakan pusat alam semesta. Pandangan sebegini dikenali sebagai “model gesoentrik,” yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu geo (bumi) dan centron (pusat). Kepercayaan ini telah dipersoalkan oleh pengkaji astronomi terkenal Nicolaus Copernicus pada tahun 1543 di dalam bukunya *De Revolutionibus Orbium Coelestium* (Of the Revolutions of Heavenly Spheres), di mana dia mencadangkan bahawa Bumi dan planet-planet lain beredar di sekeliling Matahari. Akan tetapi, hasil daripada pemerhatian-pemerhatian yang dilakukan oleh Galileo Galilei dengan menggunakan teleskopnya pada tahun 1610, idea bahawa Bumi berputar mengelilingi Matahari dapat disahkan secara saintifiknya. Oleh kerana fahaman yang wujud sebelum itu adalah Matahari beredar mengelilingi Bumi, kebanyakan ilmuwan pada ketika itu menolak teori Copernicus bulat-bulat. Pengkaji astronomi terkenal, Johannes Kepler, yang menyediakan pandangan tentang pergerakan-pergerakan planet-planet mengesahkan model heliosentrik dalam kurun ke-16 dan kurun ke-17. Menurut model ini, di mana namanya berasal daripada perkataan-perkataan Helios (Matahari) dan centron (pusat), Matahari merupakan pusat alam semesta, bukannya Bumi. Jasad-jasad alam semesta lain juga turut beredar mengelilingi Matahari. Sedangkan, kesemua ini telah didedahkan 1400 tahun dahulu di dalam Al-Quran.

Dengan menyatakan bahawa Bumi adalah pusat alam semesta, pengkaji astronomi Yunani purba Ptolemy telah bertanggungjawab untuk idea geosentrik alam semesta yang telah wujud selama beratus-ratus tahun lamanya. Disebabkan ini, pada masa Al-Quran diwahyukan, tiada siapa pun mengetahui bahawa model berpusatkan Bumi yang menerangkan fenomena siang dan malam berdasarkan pergerakan Matahari adalah salah. Sebaliknya,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

kesemua bintang dan planet dianggap sebagai berputar di sekeliling Bumi. Walaupun dengan kewujudan kesilapan-kesilapan tadi pada ketika itu, Al-Quran mengandungi banyak ungkapan yang bersetuju dengan fakta-fakta sains berkenaan siang dan malam:

Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang; Dan bulan apabila ia mengiringinya; Dan siang apabila ia memperlihatkannya dengan jelas nyata; Dan malam apabila ia menyelubunginya (dengan gelap- gelita), (Surah Ash-Shams 91:1-4)

Seperti yang tertera dalam ayat-ayat di atas, siang yakni cahaya Matahari, adalah hasil daripada pergerakan Bumi. Ianya bukan terhasil daripada pergerakan Matahari yang menghasilkan fenomena malam dan siang. Dalam erti kata lain, Matahari tidak bergerak dari segi pandangan malam dan siang. Maklumat di dalam Al-Quran menyangkal pernyataan tesis bahawa Bumi adalah kekal kedudukannya sementara Matahari berputar di sekelilingnya. Jelaslah, Al-Quran telah diturunkan daripada kehadiran Tuhan kita, Dia yang tidak dikekangi ruang dan masa. Maka, semakin sains dan teknologi maju ke hadapan, semakin banyak lagi contoh-contoh sains yang bersesuaian dengan Al-Quran menjadi lebih jelas. Ini telah tertera dalam satu lagi ayat daripada Al-Quran:

Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) ia bukanlah cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman. (Surah Yusuf, 12:111)

Dalam manuskrip di atas (seperti di laman web) yang bertarikh dari 1750an menunjukkan model alam semesta berdasarkan model geosentrik (berpusatkan Bumi). Selepas bertahun-tahun lamanya,

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

model ini akhirnya ditinggalkan dan digantikan dengan model heliosentrik.

---

### Jawapan Saya

#### Bumi Yang Bulat

Pertama, adakah bumi itu bulat di dalam Al-Quran? Kita boleh melihat ayat yang diberikan Encik Harun, dalam Al-Quran, Surah Ya-Seen 36:38-40.

Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia beredar ke tempat yang ditetapkan baginya untuk berehat; itu adalah takdir Tuhan Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui; (38) Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (39) (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing. (40)

Dalam ayat di atas, terdapat satu kesilapan yang begitu jelas: matahari beredar ke tempat ianya berehat. Untuk memahami dengan lebih jelas apa yang dimaksudkan ayat ini, kita harus terus membaca ayat ini (Al-Quran, 39:5):

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحُقُوقِ يَكُرِّرُ اللَّيْلَ عَلَى الظَّهَارِ وَيَكُرِّرُ النَّهَارَ عَلَى الظَّهَارِ وَسَخَّرَ النَّفَّاثَاتِ وَالْفَرَّاطِ كُلُّ بَجْرٍ لِأَجْنِ  
مُسَمَّى لَا هُوَ الْغَزِيرُ الْعَفَّرُ

Dia menciptakan langit dan bumi dengan ada faedah dan gunanya yang sebenar; ia pula menjadikan malam menyelubungi siang (dengan gelapnya) dan menjadikan siang menyelubungi malam

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

(dengan cahayanya) dan Dia menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintahnya, tiap-tiap satu dari keduanya, beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Ingatlah! Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Yang sentiasa Mengampuni. (5)

Orang Islam mendakwa ini menyebut tentang bentuk bulat Bumi. Perhatikan perkataan “selubung” yang dipilih oleh orang Islam di dalam kebanyakan penterjemahan mereka. Sekiranya siang dan malam tidak wujud secara maujud, bagaimanakah kita boleh menyelubungi mereka? Perkataan selubung hanya boleh digunakan untuk sesuatu yang mempunyai saiz maujud. Tambahan lagi, salah satu daripada mereka harus bersaiz lebih besar di antara mereka untuk membolehkan salah satu mereka menyelubungi yang satu lagi. Saya tidak pasti adakah anda memahami ini. Ambil contoh, sekiranya anda ingin membalut sesuatu kotak berukuran 7”x7”, anda sudah pasti memerlukan kertas pembalut yang sekurang-kurangnya berukuran 8” x 8”. Ianya bukan cat yang dicatkan ke atasmya!

Juga, jikalau siang dan malam adalah kedua-duanya objek maujud, mereka tidak memiliki kepanjangan yang tidak sama! Mereka tidak boleh menyelubungi antara satu sama lain. Untuk membuktikan bahawa Allah menyangkakan siang sebagai satu objek fizikal, termasuk malam, marilah kita bacakan yang berikut.

### **Siang dan Malam Diciptakan Secara Fizikal**

Dalam Sahih Al-Bukhari, Buku 59, Hadis 688:

Nabi Allah telah berkata, Masa telah mendapat bentuk corak maujud, sejak Allah menciptakan langit dan bumi ...

Mungkin kata-kata Muhammad tidak cukup meyakinkan. Marilah kita lihat apakah yang dikatakan oleh Al-Quran tentang ini (Al-Quran, 21:33):

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).

Apabila orang Islam bercakap tentang ayat ini, mereka cuba mengabaikan fakta yang jelas:

1. **Adakah malam perlu diciptakan?** Siapakah yang menciptakan malam? Allah bermula dengan menjadikan malam, namun malam hanyalah kegelapan, dan kegelapan adalah **ketiadaan cahaya**. Oleh kerana Allah telah menjadikan siang selepas malam, adakah ini membawa kita untuk merumuskan bahawa wujudnya cahaya sebelum siang diciptakan? Tambahan pula, apakah kejadian siang itu tidak lain tidak bukan kejadian cahaya? Ini bercanggah dengan ayat itu sendiri dan adalah satu kesilapan sains.
2. Tetapi di dalam Alkitab, ianya sangat jelas. Tuhan tidak menjadikan kegelapan kerana ia tidak perlu diciptakan, ianya wujud kerana **ketiadaan cahaya**, seperti yang kita boleh lihat dalam Kejadian 1:1-5:
3. 1 Pada mulanya Tuhan menciptakan langit dan bumi. 2 Bumi belum berbentuk dan kosong; gelap gulita menutupi samudera raya, dan Roh Tuhan melayang-layang di atas permukaan air. 3 Berfirmanlah Tuhan: "Jadilah terang." Lalu terang itu jadi. 4 Tuhan melihat bahwa terang itu baik, lalu dipisahkan-Nyalah terang itu dari gelap. 5 Dan Tuhan menamai terang itu siang, dan gelap itu malam. Jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari pertama.
4. Perhatikan di dalam Al-Quran 21:33 di atas, saya telah menggariskan perkataan-perkataan "tiap-tiap satunya beredar terapung-apung" Sila bacakan sekali lagi, dan perhatikan bahawa perkataan-perkataan berikut "tiap-tiap satunya beredar terapung-apung" merujuk kepada keempat-empatnya (**malam + siang + matahari + bulan**).
5. Ini bermakna Allah menyatakan bahawa **siang** dan **malam**, mereka juga terapung-apung! Jelas sekali ini bererti Allah menganggap siang dan malam telah dijadikan sebagai objek-objek

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

fizikal/majud. Sama seperti matahari dan bulan! Ini satu kesilapan yang jelas dan ketidakfahaman tentang bagaimana berlakunya siang dan malam.

Penterjemahan Mohsin Khan, Al-Quran 16:12 dibacakan seperti berikut:

Dan Dia telah menyerahkan kepadamu malam dan siang, dan matahari dan bulan; dan bintang-bintang ditakdirkan oleh Perintah-Nya. Sesungguhnya, inilah bukti bagi orang-orang yang memahami.

Sekiranya siang dan malam tidak wujud sebagai benda-benda fizikal, bagaimana mereka boleh diserahkan? Begitu mudah sekali untuk membongkarkan dakwaan-dakwaan palsu tersebut.

Matahari dan Bulan.

Hari dan Malam.

Mereka saling tidak terkejar-kejar masing-masing.

Al-Quran 36:40:

(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

- " Perhatikan di sini, malam (kegelapan) tidak boleh mendahului siang, sedangkan malam merupakan keadaan sedia ada dan siang sentiasa berlaku selepasnya.
- " Sekiranya ini benar, adakah perkataan "mengejar" bererti secara fizikal? Kita boleh menerimanya dalam dua kemungkinan.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- A. Matahari, bulan, siang dan malam tidak dapat mengejar masing-masing secara **fizikal**.

Ini bererti bahawa siang dan malam tidak boleh mengejar antara satu sama lain secara fizikal. Ini membuktikan ayat yang kita bincangkan sebelum yang ini, sekali lagi menunjukkan Al-Quran tersilap. Sekiranya ia bermakna tidak berlaku secara fizikal, maka Allah semestinya telah terlupa sesuatu yang dipanggil sebagai gerhana! Barangkali dia tidak tahu bahawa semasa sesuatu kejadian gerhana, siang dan malam berlaku pada masa yang sama! Jangan lupa, gerhana melibatkan kesemua nama-nama berikut (**malam + siang + matahari + bulan**).

- B. Sekiranya perkataan-perkataan “*tiap-tiap satunya beredar terapung-apung*” tidak merujuk kepada perbuatan mengejar secara fizikal, ini bermakna matahari dan bulan tidak dijadikan benda-benda fizikal, dan ini masih salah.
1. Mana-mana pun, masih terdapat kesilapan yang besar di situ. Adakah Allah mengetahui tentang kejadian gerhana? Jelas sekali tentang apa yang diperkatakan oleh Allah Islam (Muhammad). Dia mereka-rekakannya, bahawa siang dan malam tidak boleh mengejar antara satu sama lain. Dalam kes kejadian gerhana, ini dibuktikan tidak benar.
  2. Ingatlah, ketika kejadian gerhana, siang dan malam dapat mengejar antara satu sama lain.
  3. Inilah yang menyebabkan Muhammad berkata dalam Al-Quran 54:1 bahawa hari penghakiman adalah hampir. Bulan telah terbelah dan dia jahil tentang perkara sebenarnya, iaitu ini adalah kejadian gerhana. Dia menyangka bahawa bulan sedang terbelah dan membuat satu ramalan palsu bahawa hari penghakiman telah bermula, kerana menurut hematnya kejadian gerhana itu adalah petandanya.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Dengan ini, kita telah membuktikan beberapa lagi kesilapan Al-Quran, termasuklah kisah bohong tentang bulan yang terbelah.

Dalam buku Fateh Al-Bari, Mukasurat 105-106:

“Nabi Muhammad telah menyebut perkataan gerhana sebanyak 4000 kali atau lebih.”

إِنَّ عَيْمَاسَ قَالَ : حَسَقَتِ السُّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَذَكَرَ فَصَّةً صَلَاهُ الْخُسُوفَ ثُمَّ حُطْبَةَ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَفِيهَا الْقُدْرُ الْمَذْكُورُ هُنَّا ، فَمَنْ أَرَادَ عَدَّ الْأَخْدَابِيَّاتِ الَّتِي اسْتَمَلَّ عَلَيْهَا الْكِتَابُ يَظْنُ أَنَّ هَذَا الْحَدِيثُ حَدِيثَانِ أَوْ أَكْثَرَ لَا خِلَافَ لِلْإِنْدَاءِ ، وَقَدْ وَقَعَ فِي ذَلِكَ مَنْ حَكَى أَنَّ عَدَّهُ بَعْدَ تَكْرَارِ أَرْبَعَةِ آلَافٍ أَوْ تَحْوُهَا

Namun, Allah disebutkan di dalam Al-Quran sebanyak 2,690 kali, maka tanpa ragu-ragu, kejadian gerhana amatlah menakutkan Muhammad. Begitu menakutkan, sehingga dia telah mengarahkan orang Islam untuk membebaskan hamba-hamba abdi demi menghentikan kemarahan Allah.

Telah didokumentasikan bahawa Nabi Allah mengarahkan orang awam untuk membebaskan hamba-hamba semasa berlakunya gerhana. (Sahih Al-Bukhari, Buku 18, Hadis 163)

Tambahan lagi, Muhammad telah menawarkan satu doa istimewa semasa kejadian gerhana, kerana dia menyangkakan gerhana sebagai perbuatan Tuhan untuk memberi amaran, seperti yang kita boleh lihat dalam Sahih Al-Bukhari, Buku 18, Hadis 158:

Rasulullah bersabda: “Matahari dan bulan adalah dua mukjizat antara mukjizat-mukjizat milik Allah, dan mereka tidak akan gerhana semasa kematian seseorang tetapi Allah menakutkan pengikut-pengikutNya dengan mereka (gerhana).”

Lagi dalam Sahih Muslim, Buku 4, Hadis 1985 kita boleh baca:

Ibn 'Abas melaporkan bahawa Rasul Allah melakukan doa gerhana. Dia membacakan al-Qur'an dan berdiri, lalu membongkok.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Kemudian dia membaca Al-Qur'an sebaliknya, dia membongkok. Selepas itu, nabi sekali lagi membaca dan lagi membongkok dan sekali lagi membaca dan lagi membongkok, dan kemudian selepas itu dia kehabisan tenaga, dan bongkokan kedua, dan itu seperti yang anda lihat.

Mengapakah sains milik Muhammad menyebabkan dia berdoa apabila dia menyaksikan kejadian gerhana? Jelas bahawa Muhammad tidak tahu-menahu apakah kejadian gerhana tersebut. Saya terfikir mengapakah orang Islam sekarang tidak melakukan perbuatan seperti apa yang telah dilakukan oleh Muhammad semasa kejadian gerhana. Saya ingin melihat orang Islam meneruskan amalan ini sekarang. Namun, mereka tidak melakukannya lagi kerana mereka tahu ianya berdasarkan kejahilan!

Dengan ini, dakwaan-dakwaan berterusan orang Islam akan membuka semakin banyak mata kepada kesilapan-kesilapan di dalam Al-Quran, seperti yang kita akan lihat dalam dakwaan seterusnya.

---

## **DAKWAAN ORANG ISLAM**

### **Relativiti Masa**

Hari ini, relativiti masa adalah satu fakta saintifik yang telah terbukti. Ini telah diutarakan melalui teori relativiti Einstein semasa awal abad ke 20. Sehingga ketika itu, tiada yang tahu bahawa masa itu adalah relatif, bahkan ia boleh berubah mengikut keadaan. Namun, Albert Einstein, seorang saintis tersohor, membuktikan fakta ini melalui penemuan teori relativiti. Dia telah menunjukkan bahawa masa bergantung pada jisim dan halaju.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Bagaimana pun, Al-Quran telah lama mengandungi maklumat tentang masa adalah relatif! Beberapa ayat tentang subjek ini dibacakan:

Sesungguhnya satu hari dari hari-hari azab di sisi Tuhanmu adalah menyamai seribu tahun dari yang kamu hitung. (Al-Quran, 22:47)

Allah mentadbirkan makhluk-makhlukNya; (bagi melaksanakan tadbirNya itu ia menurunkan segala sebab dan peraturan) dari langit ke bumi; kemudian diangkat naik kepada pengetahuanNya (segala yang berlaku dari perlaksanaan tadbirNya itu untuk dihakimiNya) pada suatu masa yang (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) banyak bilangan tahunnya menurut hitungan masa kamu yang biasa. (Al-Quran, 32:5)

Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibreel ke pusat pemerintahanNya (untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing, terutama) pada satu masa yang adalah tempohnya (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) sungguh panjang, (kerana banyak hitungan hisab dan berat soal jawabnya). (Al-Quran, 70:4)

Relativiti masa adalah satu fakta yang telah diperincikan di dalam Al-Quran, yang mula diwahyukan pada 610, membuktikan bahawa Al-Quran adalah buku ilahi.

---

## **Jawapan Saya**

Sekiranya ini membuktikan relativiti masa, maka ini bermakna bahawa orang Kristian telah memilikinya lebih lama lagi, sebelum Islam wujud. Berdasarkan kata-kata orang Islam ini, dia tidak boleh menuntut apa-apa kemahsyuran untuk buku mereka selagi maklumat sebegini boleh didapati daripada banyak lagi buku-buku

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

yang lebih berusia daripada Al-Quran. Begitu jelas sekali Muhammad meniru Alkitab lagi. Orang Islam mendakwa Al-Quran bercakap tentang relativiti masa. Adakah ini benar? Inilah bukti mereka:

Al-Quran, 22:47

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ وَلَنْ يُخْلِفَ اللَّهُ وَعْدَهُ وَإِنَّ يَوْمًا عِنْدَ رَبِّكَ كَأْلَفِ  
سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ

Sesungguhnya satu hari dari hari-hari azab di sisi Tuhanmu adalah menyamai seribu tahun dari yang kamu hitung.

Seterusnya, orang Islam akan mempamerkan rujukan-rujukan sains kepada anda yang menerangkan bagaimana masa boleh diubah, atau relativitinya kepada lokasi. Saya tidak membantah tentang apa yang diterangkan oleh sains untuk subjek ini, tetapi sebaliknya saya ingin menunjukkan bahawa orang Islam, yang taksub dalam usaha mereka untuk cuba membuktikan bahawa ayat-ayat mereka adalah saintifik, telah memerangkap diri mereka sendiri dalam situasi yang buruk kerana menjadikan ayat-ayat mereka bukan metaforikal. Marilah kita lihat bagaimana ini terjadi:

- Pertama sekali, berikut adalah semua ayat-ayat yang telah dicuri Muhammad daripada Alkitab:

2 Petrus 3:8: Akan tetapi, saudara-saudaraku yang kekasih, yang satu ini tidak boleh kamu lupakan, iaitu, bahawa di hadapan Tuhan satu hari sama seperti seribu tahun dan seribu tahun sama seperti satu hari.

Mazmur 90:4: Sebab di mata-Mu seribu tahun sama seperti hari kelmarin, apabila berlalu, atau seperti suatu giliran jaga di waktu malam.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Alkitab cuma memberitahu kita bahawa masa tiada maknanya kepada Tuhan. Ia tidak semestinya bererti bahawa Tuhan memiliki satu hari dan hari tersebut disamakan dengan apa-apa yang spesifik, kerana dia adalah Tuhan kita dan tidak terbatas oleh masa. Seperti di dalam Alkitab dalam Yohanes 1:1-3:

1 Pada mulanya adalah Firman; Firman itu bersama-sama dengan Tuhan dan Firman itu adalah Tuhan. 2 Ia pada mulanya bersama-sama dengan Tuhan. 3 Segala sesuatu dijadikan oleh Dia dan tanpa Dia tidak ada suatupun yang telah jadi dari segala yang telah dijadikan.

Kata-kata, “pada mulanya,” adalah kata-kata yang sama dalam Kejadian 1:1:

Pada mulanya Tuhan menciptakan langit dan bumi.

“Pada mulanya” di sini mewakili permulaan masa untuk ciptaan Nya. Sebelum titik tolak tersebut, masa tidak wujud. Sains turut memperakui tentang ini. Biarlah saya menjadikannya jelas, Tuhan kita adalah di luar masa kita, dan dia tidak terbatas oleh masa. Masa bermula untuk ciptaannya, bukan untuk dirinya.

- Sekiranya satu hari untuk Allah bersamaan dengan 1,000 tahun masa kita tidak mempunyai konteks metaforikal, ini bermakna Allah berada dalam sistem masa.
- Selagi orang Islam mengira masa untuk Allah, ini bermakna Allah tidak wujud sebelum permulaan masa, kerana dia tertakluk kepada masa. Ingatlah, saya tidak bertanggungjawab untuk mengeluarkannya daripada konteks metaforikal, ianya perbuatan orang Islam. Mereka tidak boleh mengubah dakwaan mereka lagi.
- Mengikut premis yang ditetapkan mereka sendiri yang berkaitan dengan relativiti masa, yang berdasarkan perubahan lokasi dan kewujudan objek-objek fizikal, ini bermakna Allah wujud secara fizikal dan wujud di suatu

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

lokasi, dan masa bergerak sangat perlahan untuknya di sana!

- Ini juga bermakna Allah tertakluk kepada hukum-hukum fizik. Adakah ini memberikan bukti bahawa dia sejenis makhluk dan bukannya pencipta?
- Ini juga bermakna sekiranya kita menggerakkan Allah ke bumi, dia akan mengalami proses penuaan yang lebih cepat dan dia akan mengalami hari yang mempunyai 24 jam sama seperti kita. Dia kemudian akan menjadi sebahagian daripada experiment dan masa boleh berubah untuknya juga!
- Oleh kerana Allah memiliki hari-hari yang normal, dan tidak dapat berbuat apa-apa dengan hari kita lagi, ini bermakna dia memiliki satu bulan dan satu tahun. Dia tidak lagi berada di luar batasan permulaan masa.
- Alkitab menyatakan dalam Kejadian 1:1:
- Pada mulanya Tuhan menciptakan langit dan bumi.
- Ianya pada permulaan masa, seperti yang kita ketahui, ketika Tuhan menciptakan segala-galanya; tetapi dia telah wujud sebelum permulaan masa tadi. Sebaliknya, kita melihat Allah berada dalam batasan masa. Mustahil dia adalah pencipta! Tambahan lagi, sekiranya Allah memahami fizik, mengapa orang Islam cuba menipu kita dengan mengatakan bahawa perkataan-perkataan “*tujuh langit*” bermaksud tujuh lapisan atmosfera?
- Sekiranya *tujuh langit* tadi adalah lapisan-lapisan atmosfera, adakah sains menyatakan masa akan berubah jika kita naik ke atmosfera? Maka adalah jelas, orang Islam telah menipu apabila mereka berkata bahawa tujuh langit adalah atmosfera!

Saya akan terus membongkarkan para penipu dengan membaca kata-kata nabi mereka tentang bagaimana masa berkerja untuk Allah.

Kesilapan-Kesilapan dalam Ajaran Muhammad

Berapakah Bilangan Penghujung Malam di Bumi?

Al-Quran 11:114 Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam.

Sahih Al Bukhari, Buku Doa Malam, No. 1081, Diriwayatkan Abu Huraira (atau baca Sahih Al Bukhari, Buku 21, Hadis 246):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «يَنْزُلُ رُبُّنَا تَبَارِكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَقْعُدُ ثُلُثُ الظَّلَلِ الْآخِرِ فَيَقُولُ مَنْ يَتَغَوَّنِي رَقْمَ 1/214 فَأَسْتَجِيبَ لَهُ مَنْ يَسْأَلُنِي فَاعْطِيهِ مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ». أَخْرَجَهُ مَالِكُ (498)، وَمُسْلِمُ (1094)، رَقْمَ (1/384)، وَالْبَخْرَارِيُّ (10318)، رَقْمَ (2/487)، وَأَحْمَدُ (1/521)، وَقَالَ: حَسْنٌ (3498)، رَقْمَ (5/526)، وَالْتَّرْمِذِيُّ (1315)، رَقْمَ (2/34) وَأَبُو دَاؤُودُ (758)، رَقْمَ (1366) وَابْنُ مَاجَةَ (1/435) صَحِيحٌ . وَابْنُ مَاجَةَ (1366)

Hadis ini adalah disahkan tepat. Seperti yang saya tunjukkan dengan teks Bahasa Arab tadi, ia adalah betul menurut:

- Al-Bukari 1/384, No. 1094 (Bahasa Arab)
- Musnad Ahmad 2/487, No. 10318 (Bahasa Arab)
- Sahih Muslim 1/521, No. 758 (Bahasa Arab)
- Abu Dawood 2/34, No. 1315 (Bahasa Arab)
- Al-Tirm'zi 5/526, No. 3498 (Bahasa Arab)
- Ibn Majah 1/435, No. 1366 (Bahasa Arab)

Penterjemahan dari Bahasa Inggeris untuk Sahih Al-Bukhari, Buku 21, Hadis 246:

Muhammad berkata, " Ya Tuhanaku, yang agung, datang setiap malam ke Syurga yang paling rendah kepada kami pada tempoh penghujung ketiga yang terakhir waktu malam, memanggil, 'siapa

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

yang hadir untuk menyeru kepada-Ku, supaya Aku dapat menjawab syafaatnya? Ada sesiapa yang hadir untuk bertanya kepada-Ku, supaya Aku dapat memberinya apa yang dia minta kepada Aku? Adakah ada yang berjuang untuk pengampunan Aku, supaya Aku dapat memaafkannya? ”

1. Berapakah bilangan penghujung ketiga yang terakhir yang ada di bumi ini? Anda boleh menanyakan mana-mana orang Islam dan dia akan memberitahu anda setiap bandar di dunia mempunyai waktu solat lima kali yang tersendiri!
2. Bagaimanakah Allah akan turun ke bahagian ketiga waktu malam?
3. Untuk menjadikannya jelas, katakan bahawa bahagian ketiga waktu malam adalah pada pukul 2 a.m. pagi.
4. Berapa banyakkah pukul 2 a.m. pagi yang kita ada di seluruh dunia? Terdapat 24 Zon Masa.
5. Maka, Allah harus turun sebanyak 24 kali sehari!
6. Ke manakah Allah akan turun? Ke langit yang paling rendah.
7. Ini bermakna Allah tidak meninggalkan perbuatan turun ini! Dia sentiasa turun semasa tempoh penghujung ketiga yang terakhir waktu malam. Dia sentiasa berada di bawah sepanjang masa!
8. Jawapan kepada cerita ini adalah bumi, mengikut Islam, hanya mempunyai satu set masa dan satu tempoh penghujung ketiga yang terakhir waktu malam (yakni bumi haruslah rata).
9. Masa Allah tidak berbeza dari masa kita lagi, kerana ingatlah, orang Islam mempercayai “relativiti masa,” dan Allah begitu dekat dengan kita kerana dia turun secara fizikal.

Setelah semua ini, adakah Allah memasuki ke dalam ciptaan sendiri? Kita tahu bahawa orang Islam mengakui bahawa Tuhan tidak boleh berada dalam ciptaan sendiri. Dakwaan ini lazimnya

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dipersembahkan untuk satu sebab, yakni demi membuktikan Yesus tidak mungkin adalah Allah (Tuhan).

Selagi Allah tidak boleh berada dalam ciptaannya sendiri, maka bagaimana pula Allah boleh bergerak di dalam dan di antara tujuh langitnya, seperti yang kita lihat dalam hadis tadi?

Sekali lagi marilah kita membaca Sahih Al Bukhari, Buku Doa Malam, Hadis 1081:

Diriwayatkan Abu Huraira: Muhammad berkata, " Ya Tuhanmu, yang agung, datang setiap malam ke Syurga yang paling rendah kepada kami pada tempoh penghujung ketiga yang terakhir waktu malam, memanggil, 'siapa yang hadir untuk menyeru kepada-Ku, supaya aku dapat menjawab syafaatnya? Ada sesiapa yang hadir untuk bertanya kepada-Ku, supaya saya dapat memberinya apa yang dia minta kepada saya? Adakah ada yang berjuang untuk pengampunan saya, supaya saya dapat memaafkannya? ''

1. Allah sedang bergerak di antara dua lokasi; A dan B.
2. A adalah langit ketujuh.
3. B adalah langit paling rendah.
4. Dia perlu melalui ketujuh-tujuh langit dan kemudiannya berhenti di langit yang paling rendah.
5. Ini bermakna dakwaan orang Islam bahawa Tuhan tidak boleh berada dalam ciptaannya sendiri adalah penipuan mutlak. Bagaimana dia boleh bergerak di antara tujuh langit tersebut sekiranya dia tidak berada di dalam mereka?

Rupa Allah

## ADAKAH ALLAH BERADA DI DALAM KAKINYA ATAU DI LUAR KAKINYA?

Al-Quran 68:42: Hari Allah mendedahkan kakinya...

Saya telah menanyakan orang Islam banyak kali sama ada Allah memiliki satu tulang kering atau satu kaki. Mereka menjawab, "Ya, ada, tetapi kakinya tidak seperti kaki kita."

1. Selagi Allah memiliki sebelah kaki, tangan, wajah dan jari-jemari, ini adalah sifat-sifat fizikal. **Bukan metafora.**
2. Saya bertanya, "Adakah Allah berada dalam jasadnya?" Sekiranya jawapan adalah "Ya," ini bermakna Allah boleh berada di dalam ciptaannya. Sekiranya jawapan adalah "Tidak, Allah tidak berada dalam jasadnya," maka bagaimanakah kita boleh menganggapnya sebagai jasadnya walhal dia berada di luarnya?
3. Adakah ini bermakna Allah dan jasadnya berasingan? Ini menjadikan Allah sebagai dua individu. Allah sebagai roh dan Allah sebagai jasad. Setiap satu adalah Allah!
4. Sekiranya Allah adalah satu, dan yang kedua-dua tadi (jasad dan roh) adalah satu, mengapakah orang Islam tidak mahu menerima ketiga-tiga (Bapa, Anak dan Roh Kudus) sebagai satu?
5. Bagi mereka, Allah memiliki satu jasad yang maujud boleh diterima, namun mereka tidak dapat menerima Tuhan boleh menjadi Kristus, seorang manusia.

### Jasad Allah dan Rupanya yang Satu

Selagi Allah tidak boleh berada di dalam ciptaannya, walaupun saya telah membuktikan bahawa ini adalah palsu, dan dia semestinya berada di dalam kakinya, tangan, jari-jemari dan wajah, di mana di sini kita akan menggandakan jumlah bilangan Allah, saya akan bersetuju dengan mereka demi hujah. Ini bermakna:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

1. Jasad Allah tidak boleh dicipta oleh Allah kerana dia tidak boleh berada di dalam ciptaannya.
2. Terdapat seorang Pencipta yang menjadikan jasad Allah!
3. Sekiranya jasad Allah tidak diciptakan oleh sesiapa, mungkin Allah itu adalah big bang!
4. Walau bagaimanapun, mengapakah Allah memerlukan satu jasad?
5. Apabila dia berkata, "Saya ada satu kaki," tanpa mengira bagaimana rupanya atau bahan-bahan untuk membuatnya, ia masih satu kaki! Oleh kerana Allah menerangkannya dengan perkataan kaki, maka ianya adalah kaki. Ingat, Allah yang telah menamakan benda-benda di dunia ini menurut Al-Quran 2:31:

**وَعَلِمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلُّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبُوْنِي  
بِاسْمَاءٍ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ**

Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda ...

6. Selagi nama-nama tersebut telah dibuat oleh Allah mengikut penggunaan mereka, ini bermakna Allah menamakan bahagian anggota jasadnya sebagai kaki kerana cara ia digunakan, tanpa mengira rupanya. Sebagai contoh, kaki seekor keldai tidak sama dengan kaki seekor semut, tetapi kedua-duanya dinamakan sebagai kaki kerana fungsinya, bukan rupanya.

Bermakna, Allah menamakannya sebagai kaki kerana ia digunakan sebagai kaki!

7. Oleh itu, saya harus bertanya, sekiranya Kristus tidak boleh menjadi Tuhan kerana dia mempunya satu jasad, atau kaki-kaki atau tangan-tangan, dan dia menggunakan mereka, maka mengapakah Allah menggunakan kakinya untuk berjalan? Bukankah ini menimbulkan masalah untuk orang Islam?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Semasa Allah bergerak di antara langit-langit, adakah dia membawakan kakinya bersama-sama, atau adakah dia meninggalkannya di atas sana? Kaki, tangan dan jari adalah alat-alat. Mereka wujud untuk memenuhi kehendak. Mereka adalah maujud. Apa-apa jasad yang maujud mengambil dan memenuhi satu ruang atau tempat. Ini bermakna:

1. Allah mempunyai saiz, yang bermakna dia boleh diukur!
2. Sekiranya dia mempunyai saiz dan boleh diukur, ini bermakna dia adalah lebih kecil daripada sesuatu yang lebih besar daripada dia, kerana anda tidak boleh mempunyai saiz fizikal yang tidak dapat dikandung dalam sesuatu yang lain!
3. Selagi Allah bukan dua, tetapi satu, namun dia adalah jasad dan roh; maka untuk dia berada di mana-mana, dia harus mambawa jasadnya bersama-sama juga! Akan tetapi ini mustahil, kerana sekiranya dia mempunyai saiz, boleh diukur dan berada di mana-mana, kita sepatutnya boleh melihatnya, merasainya, malah boleh menyentuhnya.
4. Pada masa yang sama, sekiranya Allah berada di mana-mana dan tidak boleh berada di dalam ciptaan, ini bermakna Al-Quran adalah salah tentang sifat-sifat Allah. Mana-mana pun, sesiapa yang mendakwa kata-kata Allah sebagai tuhan, adalah palsu.

## **Kerusi Allah sama Saiz dengan Bumi dan Langit**


Buku Fateh Al-Bari fe Shareh, Sahih Al-Bukhari, Buku Tawhid (Bab 112), Mukasurat 425:

فتح الباري شرح صحيح البخاري - كتاب التوحيد - إنجاز ما وعد به من الثواب وهو لا يخلف الميعاد

عَنْ أَبْنَى مَسْعُودٍ قَالَ : بَيْنَ السَّمَاءِ الدُّنْيَا وَالَّتِي تَلِيهَا خَمْسِمِائَةٌ عَامٌ ، وَبَيْنَ كُلِّ سَمَاءٍ خَمْسِمِائَةٌ عَامٌ ، وَفِي رَوَايَةِ وَغَلَطَ كُلِّ سَمَاءٍ مَسِيرَةً خَمْسِمِائَةٌ عَامٌ ، وَبَيْنَ السَّابِعَةِ وَبَيْنَ الْكُرْسِيِّ خَمْسِمِائَةٌ عَامٌ ، وَبَيْنَ الْكُرْسِيِّ وَبَيْنَ الْمَاءِ خَمْسِمِائَةٌ عَامٌ ، وَالْعَرْشُ فَوْقَ الْمَاءِ وَاللَّهُ فَوْقَ الْعَرْشِ وَلَا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ مِنْ أَعْمَالِكُمْ

Ibn Mas'ud (pengumpul Al-Quran ternama) berkata: Jarak di antara langit yang paling rendah dengan langit di atasnya adalah 500 tahun, sama jarak seperti di antara setiap langit sehingga langit yang ketujuh. Ketebalan setiap langit adalah 500 tahun, sama seperti di antara langit ketujuh dan kerusi Allah iaitu 500 tahun. Tambahan lagi, di antara kerusi Allah dan air adalah 500 tahun, dan tiada apa yang anda lakukan adalah tersembunyi daripada Allah.

Menurut di atas, kita boleh mengimajinasikan imej berikut:



Selagi kerusi Allah mengelilingi kita, kita berada di dalam Kerusi Allah.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Jika kerusi tersebut berbentuk bulat, ini bermakna Allah juga berbentuk bulat. Juga, selagi kita berada di dalam kerusi Allah, maka kita berkongsi kerusi Allah dengannya! Sesungguhnya, ini amat membingungkan.

Namun, kita tahu Muhammad menyatakan tentang sebuah bumi yang rata. Juga, kita mempunyai banyak bab-bab di dalam Al-Quran yang menyatakannya dengan jelas, seperti di dalam Al-Quran 79:30, yang dibacakan: Dan bumi sesudah itu dihamparkannya. Dengan mengambil kira fakta ini, imej seperti berikut akan terpapar:


Tujuh langit X 500 tahun jaraknya di antara setiap satu = selepas 3500 tahun kita akan melepassi ruang angkasa, kemudiannya air!

Bersabarlah dengan daya dan kita akan melakukan pengiraan untuk melihat apakah maknanya kesemua ini.

Pada zaman Muhammad, mereka mengukur jarak dengan mengira berapa hari perjalanan dengan unta-unta. Kelajuan maksimum seekor unta adalah **40 bsj.** (batu sejam)

Jarak di antara takhta Allah dan air adalah 500 tahun, maka:

**Allah's Chair is Above the Flat Earth .**



## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- ! 3500 tahun jaraknya + 500 tahun ke atas air = 4000 tahun dan anda akan dapat melawat Allah.
- ! Kelajuan maksimum seekor unta iaitu 40 bsj X 24 jam = 960 batu sehari.
- ! Kalendar lunar Islam adalah **354** hari X **960** batu sehari = 339.840 batu jarak yang kita boleh lakukan dalam setahun.
- ! 339.840 batu X 4000 tahun = 1,359,360,000 batu ke Allah.
- ! 1,359,360,000 batu ke Allah / 92,935,710 (jarak di antara matahari dan bumi) = 15
- ! Jarak di antara Allah dan kita adalah 15 kali jauhnya ke matahari.

Sekarnag mari kita mengambil kira jarak ke galaksi yang terdekat. Menurut Frank H. Shu dalam bukunya, "The Physical Universe: An Introduction to Astronomy" (California: University Science Books, 1982:291):

“Nilai moden untuk jarak ini adalah 2 juta tahun cahaya jauhnya, yang meletakkannya jauh di luar sempadan Bima Sakti.”

Itulah **dua (2) juta tahun cahaya** ke Galaksi Andromeda.

- " Satu tahun cahaya bersamaan dengan 5,865,696,000,000 batu.
  - " Ini bermakna dari bumi ke **Andromeda** adalah;
- 2 tahun cahaya X 5,865,696,000,000 batu.
- " Sekali lagi, ini membuktikan **Islam adalah palsu** dengan bukti dari sains.

Adakah ia benar-benar 500 tahun di antara setiap langit seperti yang kita baru sahaja baca, atau adakah ianya tujuh puluh satu, tujuh puluh dua, atau tujuh puluh tiga tahun?

Sunan Abu-Dawood, Buku 40, Hadis 4705:

Rasul Allah berkata: “Adakah kamu mengetahui jarak di antara syurga dan bumi?” Mereka menjawab, “Tidak. Kami tidak tahu.”

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Selepas itu Dia berkata: “Jarak di antara mereka dan bumi, adalah tujuh puluh satu, tujuh puluh dua, atau tujuh puluh tiga tahun. Syurga, yang berada di atasnya, adalah sama jarak jauhnya naik ke atas masa, yang dia mengira kesemua tujuh syurga. Di atas syurga ketujuh, di sana terdapat satu lautan, jarak di antara yang mana bahagian atas dan bawah adalah seperti jarak satu syurga dan yang terdekat. Di atasnya lapan ekor kambing gunung, jarak di antara kuku dan pehanya adalah seperti jarak di antara satu syurga dan di sebelahnya, kemudian Allah, maha besar, di atas itu.”

- ! Perhatikan di sini Muhammad menukar kiraannya dan dia menggunakan ATAU!
- ! Adakah Allah berkata kepadanya “Atau?” Allah sendiri turut tidak pasti!
- ! “Di atas syurga ketujuh, di sana terdapat satu lautan.”

Sahih Al-Bukhari, Buku 60, Hadis 236:

Nabi, tambahan lagi, berkata, “Demi Dia yang Jiwaku berada di Dalam TanganNya, jarak di antara setiap dua pintu masuk Syurga adalah seperti jarak di antara Mekah dan Busra (sebuah bandar di selatan Syria).”

Perhatikan, di sini ianya satu pernyataan yang palsu, kerana jarak di antara Mekah dan Busra di Syria hanya 821 batu (1,321 Km). Hasilnya, terdapat satu daripada dua opsyen:

- Jalan ke pintu syurga berada di atas tanah rata.
- Sebaliknya, jalan ke pintu pagar syurga adalah naik ke atas ke langit seterusnya, seperti yang selalu ditunjukkan oleh Muhammad yang sering menyatakan perkataan-perkataan **“di atas maka arahnya adalah ke atas.”**
- Maka, adakah perjalanannya mengambil 500 tahun seperti yang dikatakan olehnya di dalam Al-Thirmidhi, Hadis 5735, atau tujuh puluh tiga tahun seperti yang dikatakannya di dalam Sunan Abu Dawood, Buku 40, Hadis 4705?

Jarak

Masa = -----

Masa X Halaju = Jarak

Halaju

Jarak di antara pintu-pintu pagar langit adalah 821 batu. Maka,:  
"

- " 821 batu X 7 pintu pagar langit = 5,747 batu jumlah ketinggiannya.
- " Jarak di antara bumi dan bulan adalah 238, 854 batu (384,399 km).
- "  $238,854 \text{ batu} / 5747 \text{ batu} = 41$
- " Maka bulan adalah 41 kali ganda lebih jauh dari Allah!
- " Maka bulan adalah lebih jauh ke belakang dari Allah.
- " Maka bagaimana kita boleh berada dengan Allah dengan mengambil perjalanan yang boleh dikatakan berjarak dekat?
- "  $821 \text{ batu} / 500 \text{ tahun} = 1.642 \text{ batu per tahun}$  kelajuan perjalanan untuk jarak yang diambil dalam setahun.
- " Pada kadar tersebut, orang Islam akan bergerak sebanyak 136 meter sehari!
- " Seekor sloth berjari tiga bergerak lebih pantas daripada orang Islam!

Kita telah mempelajari jaraknya, dan setelah kita mengetahui jaraknya, kita boleh mengira kedudukannya. Sekarang, kedudukannya adalah suatu tempat yang maujud dan di tempat tersebut, Allah sedang duduk di atas kerusinya, yakni sesuatu benda yang maujud.

Al-Quran Surah 2:255:

...Kerusi Allah dengan lebarnya dan ketinggian langit dan bumi.

Adakah Allah memiliki sebuah Kerusi yang maujud? Marilah kita menanyakan Muhammad!

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Sahih Al-Bukhari, Buku 58, Hadis 227:

....Kemudian Jibreel membawaku ke atas Sudrat Al-Muntaha (sepohon pokok besar di syurga, pokok milik Allah). Lihatlah, buah-buahannya sama seperti yang di dalam jag-jag tanah liat Hajar (suatu lokasi di Arabia tidak jauh dari Mekah) dan dedaunnya kelihatan begitu besar seperti telinga-telinga gajah. Jibreel berkata, “Inilah Sudrat Al-Muntaha (Pokok Allah).” Dan di sana terdapat empat sungai yang mengalir, dua sungainya berada di bawah tanah dan tidak kelihatan dan dua sungai lagi kelihatan. Aku menanyakan Jibreel, “Apakah kedua-dua sungai itu?” Dia menjawab, “ Sungai-sungai yang tidak kelihatan. Mereka adalah dua sungai di Syurga, dan sungai-sungai yang kelihatan adalah Nil dan Euphrates.” Selepas itu, Al-Bait Al-Ma’mor (Rumah Allah)...

Sahih Al-Bukhari Buku 52, Hadis 48:

...Nabi telah turut mendedahkan, “Di atasnya (syurga) terdapat takhta Allah, dan darinya mengalir sungai-sungai Syurga.

Perkataan “di atas” bermakna sesuatu tempat yang spesifik dan antonim kepada perkataan di bawah. hadis ini meletakkan Allah di satu lokasi yang tepat. Ini adalah maujud dan bukan metaforikal, kerana dalam satu ayat Al-Quran yang satu lagi, takhta Allah akan dijunjung oleh lapan malaikat (caribou).

Al-Quran 69:17:

وَالْمَلَكُ عَلَى أَرْجَانِهَا وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ نَّمَانِيَةً

Dan malaikat-malaikat akan berada di sekeliling tepi takhta, dan lapan (caribou) akan pada hari itu, menjunjung Takhta Tuhanmu di atas mereka.

الجزء الثالث والعشرون تفسير الطبرى « تفسير سورة الحاقة 583 ص:  
« القول في تأويل قوله تعالى "وانشقت السماء فهى يومئذ واهية

حَدَّثْنَا عَنِ الْحُسَيْنِ ، قَالَ : سَمِعْتُ أَبَا مُعَاذَ يَقُولُ : ثَنَا عُبَيْدٌ ، قَالَ : سَمِعْتُ - 26970  
الصَّحَّاكَ يَقُولُ فِي قَوْلِهِ : { وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَانِيَةً } قَالَ يَعْضُهُمْ : ثَمَانِيَةٌ  
صُفُوفٌ لَا يَعْلَمُ عِدَّهُنَّ إِلَّا اللَّهُ . وَقَالَ يَعْضُهُمْ : ثَمَانِيَةُ أَمْلَاكٍ عَلَى خَلْقِ الْوَعْلَةِ

Pentafsiran Tafsir Al-Tabari, V 23, Mukasurat 583, Hadis 26970:

Diriwayatkan oleh Al-Husain, dia berkata, “Saya telah diberitahu oleh Abu-Ma’az dari ‘Aubid dari Al-‘Dahak dia berkata: ‘Yang maha kuasa {pada hari itu takhta Tuhanmu akan dijunjung oleh lapan malaikat dan Allah di atas mereka}, di kalangan mereka berkata ialah lapan barisan malaikat, mereka nampak seperti caribou.”

Pentafsiran Al-Quran 69:17, Tafsir Al-Jalalayn:

Tambahan kepada malaikat-malaikat akan berada pada semua sisi sempadannya, sempadan-sempadan syurga-syurga, dan di atas malaikat-malaikat yang telah diceritakan, pada hari itu lapan daripada malaikat-malaikat Allah yang terbaik, akan menjunjung Takhta Tuhanmu Allah, dan Dia akan berada di atasnya.

Untuk membuktikan bahawa takhta Allah wujud secara maujud, kita boleh membacakan ini:

تفسير جامع البيان في تفسير القرآن / الطبرى  
حدثنا عباد بن يعقوب الأسدى، قال: ثنا ابن فضيل، عن ليث، عن مجاهد، في  
قوله: {عَسَى أَنْ يَعْنَكَ رَبُّكَ مَقَاماً مَحْمُودًا } قال: يُجلسه معه على عرشه

Tafesser Jami’Al-Bayan oleh Al-tabari, V2, Mukasurat 24:

Dilaporkan Mujahed tentang Tuhan berkata, “Semoga Tuhan memberikan dia kedudukan pangkat;” dia berkata, “Allah akan membuat Nabi duduk bersama dia di atas takhtanya.”

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Sahih Al-Bukhari, Buku 54, Hadis 414:

“...Pada masa yang sama, ketika saya berada dengan Nabi, beberapa orang dari Bani Tamim menghampiri (kami). Maka, mereka berkata: “Kami menanyakan anda apakah permulaan alam semesta ini.” Nabi berkata, “ Allah dan tiada apa-apa lain sebelum Dia dan TakhtaNya berada di atas air, dan Dia kemudian menjadikan Syurga-Syurga dan Bumi dan menulis segalanya di dalam Buku...”

Buku Fath Ul-Bari, penerangan Al-Bukhari, Permulaan Penciptaan, mukasurat 334:

رواية الباب أصرح في العدم ، وفيه دلالة على أنه لم يكن شيء غيره لا الماء ولا العرش ولا غيرهما ، لأن كل ذلك غير الله تعالى " ويكون قبله " وكان عرشه على الماء " معناه أنه خلق الماء سابقا ثم خلق العرش على الماء ، وقد وقع في قصة نافع بن زيد الحميري بلفظ كان عرشه على الماء ثم خلق القلم فقال : اكتب ما هو كان ، ثم خلق السموات والأرض وما فيهن فصرح بترتيب المخلوقات بعد الماء والعرش

Tiada apa-apa kecuali Allah, tiada air atau takhta atau apa-apa benda lain, dan takhtanya berada di atas air, bermakna yang dia telah menjadikan terlebih dahulu air kemudian dia menjadikan takhtanya di atas air, ini bererti yang dia telah menciptakan air kemudian dia menciptakan takhta itu kemudian dia menciptakan pena! Dan dia berkata kepada pena itu tulislah segala-galanya kemudian dia menjadikan langit dan bumi!

Berdasarkan kata-kata Muhammad dan penerangan Bukhari, kita tiba pada kesimpulan ini:

1. Takhta Allah telah dijadikannya, maka ia adalah satu takhta maujud.
2. Selagi Allah berada di atas sebuah takhta yang wujud secara maujud, dia adalah maujud. Maka, dia berada di atasnya dan dia mempunyai satu badan, seperti yang saya telah buktikan.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

3. Tidak penting sama ada duduk atau berdiri di atas takhta itu, yang sangat jelas sekarang dia terkandung oleh kerusi tersebut. Apabila Allah berada di atasnya, tidak kira berapa saiznya, ianya masih sebuah kerusi dan mempunyai saiz. Seperti yang saya telah tunjukkan kepada anda, lapan malaikat akan menjunjungnya, yang bermakna takhta Allah adalah lebih besar daripada Allah sendiri.
4. Oleh kerana Allah berada di atas takhta itu dan bukannya di bawah takhta tersebut, dia tidak berada di mana-mana seperti yang didakwa orang Islam.
5. Dia berada di atasnya. Bukan di sebelah kanan, sebelah kiri, belakang atau di depan, tetapi di atas takhta tersebut.
6. Kemudian saya harus bertanya, mengapa Allah memerlukan sebuah takhta yang maujud? Jawapannya:
7. Kerana dia adalah maujud juga. Kerana Allah ADALAH satu tuhan yang maujud, orang Islam tidak ada alasan atau pemikiran yang adil untuk menolak Tuhan yang datang sebagai Yesus Kristus.
8. Semua tentang Islam adalah dakwaan palsu berdasarkan satu tuhan yang palsu, dan tuduhan-tuduhan palsu terhadap Kristianiti yang dilakukan demi menentang namaNya, satu-satunya Tuhan, Kristus.
9. Berdasarkan hadis yang saya telah persembahkan, terdapat beberapa butir-butir yang tidak dapat dinafikan. Sila bacakanlah sekali lagi, sekiranya anda mempunyai memori yang singkat. Anda akan dapati satu baris perkataan-perkataan yang menarik di dalam penerangan buku Fath-Ul-Bari, Mukasurat 334:

Dia menjadikan air dahulu, kemudian dia menjadikan takhta itu, kemudian dia menjadikan pena itu! Dan dia berkata kepada pena itu tulislah segala-galanya, kemudian dia menjadikan langit dan bumi!

Apakah yang kita dapat daripada penerangan ini?

1. Air dijadikan pertama sekali.
2. Bukankah Allah sepatutnya menjadikan ruang untuk air terlebih dahulu? Di manakah air itu perlu diletakkan?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

3. Selagi Allah tidak memerlukan ruang untuk air tersebut, dan air yang dijadikannya terlebih dahulu, sudah pasti ada wujudnya ruang yang telah dijadikan oleh orang yang lain. Bukanlah Allah, semestinya. Hadis tersebut menyatakan dengan kata-kata yang jelas apakah yang pertama, tetapi air sepatutnya didak dijadikan terlebih dahulu sebelum ada suatu ruang atau sesuatu untuk mengandunginya.
4. Ini akan bermakna bahawa ada seseorang pencipta yang lain yang telah menjadikan benda-benda, seperti ruang, sebelum Allah menjadikan apa-apa.
5. Oleh kerana Allah menjadikan air pertama sekali dan kemudiannya kerusi, atau takhta, iaitu dalam rantai susunan ciptaannya, maka saya harus bertanya: Mengapakah Allah perlu menciptakan air pertama sekali? Adakah dia memerlukannya?
6. Sekiranya Allah menjadikan air pertama sekali, ini bermakna sebuah cerita di dalam Al-Quran adalah palsu, kerana Al-Quran 79:31 menyatakan:

Dia mengeluarkan dari bumi itu: Airnya dan tumbuh-tumbuhannya.

7. Ayat tadi menyatakan dengan jelas bahawa bumi wujud tanpa air dan kemudian Allah menjadikan air darinya.
8. Ini membuktikan bahawa Muhammad adalah seorang pereka cerita dan bukannya seorang nabi, kerana dia mereka-reka kisah-kisah yang bercanggahan dengan kata-kata Allahnya. Ini pun sekiranya Allah pernah berkata-kata.

Kemudian Kami Menjadikan Pena

Fath Ul-Bari fe Sharh, Sahih Al-Bukhari, Mukasurat 334:

Dia menjadikan air dahulu, kemudian dia menjadikan takhta itu, kemudian dia menjadikan pena itu! Dan dia berkata kepada pena

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

itu tulislah segala-galanya, kemudian dia menjadikan langit dan bumi!

- Mengapakah Allah menjadikan pena itu?
- Mengapakah dia memerlukan sebatang pena?
- Mengapakah dia perlu menulis apa-apa?
- Adakah pena ini sejenis makhluk yang hidup, yang memiliki otak? Bagaimana pena itu menulis segalanya, sedangkan dia, si pena, belum diberitahu tentang apa-apa lagi! Dalam cara apakah Allah dan pena itu memahami antara satu sama lain? Adakah Allah memerintahkan pena itu untuk menulis dalam Bahasa Arab? Adakah pena itu tahu berbahasa Arab? Adakah pena itu boleh melakukan kesilapan? Lagi, adakah dia sempurna seperti Tuhan! Maka, adakah Allah akan melakukan pembacaan bukti?
- Muhammad merupakan ciptaan teragung Allah seperti yang kita sebutkan sebelum ini di dalam buku berikut yang bertajuk Al-‘Khasa’es Al-Kubra, Beirut, Lubnan, Penulis Al-Seu’ti, V1, Mukasurat 66:
- Nabi telah berkata: “Allah menjadikan ciptaannya dan memilih daripada mereka anak-anak lelaki Adam, dan daripada anak-anak lelaki Adam, dia memilih Arab, dan dari Arab, dia memilih Mudar (puak), dan dari Mudar, dia memilih anak-anak lelaki Hasim (suku) dan dari Hashim, dia memilih aku, terbaik daripada yang terbaik.”
- Tetapi Muhammad adalah seorang yang melakukan dosa seperti dinyatakan Al-Quran 48:2: “Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu [Muhammad] yang telah lalu dan yang terkemudian dan menyempurnakan nikmatnya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus.”
- Al-Quran 40:55: “Maka bersabarlah (wahai Muhammad); sesungguhnya janji Allah adalah benar dan pohonlah ampun bagi salah silapmu, serta bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu pagi dan petang.”
- Penterjemahan Yusuf Ali, Al-Quran 94: “1 Bukankah Kami telah mengembangkan dadamu? 2 Dan menyingkirkan darimu beban engkau? 3 Apa yang telah engkau lakukan?”

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- Al-Quran 47:19: Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan mintalah ampun kepadaNya bagi salah silap yang engkau lakukan dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di akhirat).
- Sekiranya Muhammad adalah ciptaan teragung Allah, dan dia melakukan dosa, yang bermakna dia dalam kesilapan, maka bagaimana tentang pena yang tidak pernah melakukan kesilapan? Ini menjadikan pena Allah lebih baik berbanding Muhammad, tetapi ini akan bercanggahan dengan kata-kata Muhammad tentang dirinya. Sekiranya orang Islam menerima pena Allah tidak lebih baik berbanding Muhammad dan pena Allah melakukan kesilapan, ini bermakna manuskrip Allah mempunyai kesilapan-kesilapan kerana ia telah ditulis dengan pena yang tidak sempurna.
- Tidakkah Muhammad perasan bahawa dia terlupa bahawa Allah telah menjadikan pena itu dan kemudiannya memerintahkannya untuk menulis? Soalan saya adalah, menulis pada apa?
- Sekiranya tiada apa lain yang diciptakan selain air dan sebuah kerusi, maka di manakah pena tersebut menulis?
- Kita, sebagai manusia, menulis kerana dua sebab:
  - A. Untuk pemindahan pengetahuan dan idea kepada orang lain dan generasi seterusnya,
  - B. Untuk menyimpan ilmu pengetahuan daripada hilang akibat memori yang lemah.
- Adakah Allah terfikir bahawa dia akan mati, maka dia mahu perintah-perintahnya dituliskan?
- Juga, kerana tiada siapa yang boleh melihat buku yang ditulis oleh Allah, adakah satu-satunya pembacanya adalah Allah?
- Dalam kes ini, saya bertanya, mengapakah Allah membaca semula perintah-perintahnya?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- Ini bermakna dia memiliki memori yang pendek, dan ketakutan akan penyakit dementia dan hilang ingatan.
  - Orang Islam mengatakan Allah melindungi bukunya daripada kerosakan, sebab itulah dia menuliskan kata-katanya dan perintah-perintahnya.
  - Adakah ini bermakna buku “Isa” (Yesus) telah dipelihara?
  - Mengapakah dia tidak memberikan kita satu salinan?
  - Ini bermakna bahawa Alkitab tidak pernah korup, kerana ia berada bersama Allah, maka Muhammad telah berbohong.
  - Mengapa Muhammad tidak meminta tuhannya untuk sebuah salinan buku tambahan milik Kristus?
  - Kemungkinan salinan milik Allah turut korup?
  - Selagi Allah menuliskan segala-galanya sebelum dia menjadikan alam semesta, adakah ini bermakna dia telah menetapkan takdir untuk kita di dunia?
- 

## **Dakwaan Orang Islam**

### **KEBENARAN TENTANG TAKDIR**

Al-Quran 76:30:

Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya).

Salah satu keputusan eksperimen-eksperimen yang dia telah jalankan pada 1973, Profesor Benjamin Libet, seorang pakar neurofisiologi di Universiti California, mendedahkan bahawa kesemua keputusan dan pilihan kita telah ditentukan dari awal-

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

awal lagi, dan kesedaran hanya mula berfungsi setengah saat setelah segala-galanya ditentukan. Ini boleh ditafsirkan oleh para ahli neurofisiologi sebagai pengertian bahawa kita sebenarnya hidup dalam masa lepas dan kesedaran kita adalah **bagaikan sesuatu monitor yang menayangkan kesemuanya selepas setengah saat kemudian.**

Oleh itu, tiada satu pun pengalaman yang kita perhatikan adalah dalam masa nyata, tetapi sebenarnya telah ditangguhkan sehingga setengah saat daripada masa kejadian-kejadian sebenar tersebut. Libet telah menjalankan kajiannya dengan menggunakan fakta di mana pembedahan otak boleh dilakukan tanpa penggunaan narkosis, dalam erti kata lain ketika subjek sedar sepenuhnya. Libet telah merangsang otak-otak milik para subjeknya dengan arus elektrik yang kecil, dan apabila mereka mengalami satu persepsi bahawa tangan-tangan mereka telah disentuh, subjek-subjek tersebut manyatakan bahawa mereka telah merasakan bahawa “sentuhan” tersebut berlaku hampir setengah saat sebelumnya. Sebagai keputusan hasil dari ukuran yang dilakukannya, Libet tiba pada kesimpulan berikut: Kesemua persepsi secara normal akan dihantar ke otak. Oleh kerana kesemuanya dinilai dan ditafsir di bawah tahap kesedaran, ego tidak menyedari apa-apa. Maklumat yang wujud di minda kita, dalam erti kata lain maklumat yang kita tidak sedari, dihantar ke korteks, bahagian kesedaran, selepas penangguhan tertentu.

Kesimpulan daripada ini bolehlah diringkaskan seperti berikut: Keputusan untuk menggerakkan sesuatu otot berlaku sebelum keputusan tersebut tiba di bawah kesedaran. Satu penangguhan akan sentiasa berlaku di antara proses neurologikal atau persepsi, dan kita menjadi sedar akan fikiran, perasaan, persepsi atau pergerakan yang dipersembahkan. Dalam erti kata lain, kita hanya akan sedar akan sesuatu keputusan setelah keputusan tersebut diambil.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Dalam eksperimen-eksperimen Profesor Libet, penangguhan ini bervariasi di antara 350 dan 500 milisaat, walaupun kesimpulan yang didapati tidak spenuhnya bergantung kepada angka-angka berikut. Kerana, menurut Libet, tidak kira berapa lamanya penangguhan tersebut – ianya tidak memberi perbezaan sama ada besar atau kecil, sama ada ia berlangsung selama sejam atau pun semikro saat – dunia material kita sentiasa wujud di masa yang lepas. Ini menunjukkan bahawa setiap fikiran, emosi, persepsi dan pergerakan berlaku sebelum tiba ke tahap kesedaran kita, dan ini membuktikan bahawa masa hadapan adalah di luar kawalan kita.

Dalam eksperimen-eksperimen lain, Professor Libet memberikan pilihan kepada para subjek untuk menentukan bila mereka boleh menggerakkan jari-jemari mereka. Otak-otak para subjek diawasi pada saat jari-jemari mereka bergerak, dan telah diperhatikan bahawa sel-sel otak yang berkaitan telah bertindak sebelum para subjek tadi membuat keputusan. Dalam erti kata lain, arahan “buat!” sampai ke seorang individu, dan otak telah bersedia untuk melakukan tindakan; si individu hanya sedar akan ini setengah saat kemudian. Dia tidak mengambil keputusan untuk bertindak dan kemudian melakukan tindakan tersebut, tetapi sebaliknya melakukan sesuatu perbuatan yang terlebih dahulu ditentukan untuk dirinya. Namun, otak melakukan suatu pelarasian, menyingkirkan apa-apa yang yang membolehkan seseorang individu menyedari bahawa dia sebenarnya hidup dalam masa yang lalu. Untuk sebab ini, pada ketika yang kita rujuk sebagai “sekarang,” kita sebenarnya menjalani kehidupan sesuatu yang telah ditentukan dalam masa yang lalu. Seperti yang telah dibincangkan, kajian-kajian tersebut mewujudkan fakta bahawa segala-galanya berlaku oleh kehendak Allah, seperti yang diwahyukan dalam Surah Al-Insan 30.

Jawapan Saya

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Kita harus membuat satu pernyataan yang jelas, kita sebagai orang Kristian hidup dan akan dihakimi melalui pilihan-pilihan oleh kehendak sendiri. Namun, seperti semua yang berada di sekitar kita, kita adalah tertakluk kepada hukum alam atau undang-undang sejagat yang telah ditentukan oleh Tuhan.

Walau bagaimanapun, bolehkah kita hidup selamanya hanya dengan kehendak kita sendiri? Jawapannya tidak, ianya melalui **kehendak Tuhan**. Maka apa yang kita akan perkatakan adalah bukannya tentang undang-undang sejagat seperti kematian dan penuaan, tetapi lebih tentang perbuatan-perbuatan kita dalam hidup kita sebagai orang yang baik atau jahat, menurut perintah atau tidak patuh kepadanya, setia kepada orang lain atau tidak.

Saya gembira bahawa Harun Yahya membuat dakwaan ini, kerana sekarang orang Islam tidak lagi boleh berkata mereka tidak mempercayai orang Islam adalah **hamba kepada takdir**. Sebelum saya menyentuh tentang takdir dalam Islam, mari kita lihat tentang apakah sebenarnya kajian tadi. Sebelum kita menangani isu tersebut, kita harus tahu bahawa *determinism* adalah satu keluarga teori-teori, bukannya satu fakta sains. Webster's Dictionary menyatakan determinism adalah "doktrin bahawa kesemua kejadian-kejadian, termasuk pilihan-pilihan manusia dan keputusan-keputusan, mempunyai sebab-sebab yang mencukupi." Teori ini juga tiada kaitannya dengan dakwaan Harun.

Sekiranya kita membaca kajian yang dijalankan Dr. Benjamin Libet, kita akan dapat perhatikan bagaimana orang Islam memetik daripadanya dengan cara mereka yang tersendiri. Kajian tersebut adalah tentang suatu dakwaan atau teori, bukannya fakta, yang mana minda berada di hadapan otak. Satu cara lain untuk menyatakan ini adalah wujudnya dua sistem operasi; kesedaran (bukan maujud) minda dan otak.

Tambahan lagi, anda boleh menyebabkan perkara-perkara seperti ini berlaku sebagai satu eksperimen, namun ini tidak bermakna

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

bahawa seperti inilah perkara-perkara berlaku di situasi-situasi normal.

Saya memetik daripada Encik Harun; “Libet telah merangsang otak-otak para subjeknya dengan arus elektrik, dan apabila mereka mengalami dan apabila mereka mengalami satu persepsi bahawa **tangan-tangan mereka telah disentuh**, subjek-subjek tersebut menyatakan bahawa **mereka telah merasakan bahawa “sentuhan” tersebut berlaku hampir setengah saat sebelumnya.**”

Oleh itu, ini adalah tindak balas reaksi, bukannya tindakan. Ia tiada kena-mengena dengan takdir. Apabila mereka cuba untuk menipu kita dengan penangguhan setengah saat, ianya bukannya tentang kita melakukan sesuatu perbuatan fizikal yang besar. Faktanya, ia bukannya tentang pergerakan sama sekali, ianya berkaitan perasaan, ia adalah tentang perkara-perkara yang berlaku di dalam sistem kita. Seperti bagaimana kulit bertindak balas sebelum isyarat otak tiba ke kulit tersebut, bukannya tentang tangan akan bergerak atau memukul, atau apa-apa yang lain!

Anda boleh pergi dan membaca dengan lebih mendalam lagi dengan melawat pautan ini tentang kajian Dr. Libet: [www.learningmethods.com](http://www.learningmethods.com)

Anda turut patut membaca artikel ini; “Free will is not an illusion,” Dr. Raymond Tallis, September 13, 2007: <http://www.spiked-online.com>

Anda juga boleh pergi carikan untuk diri sendiri tentang topik berkenaan sekiranya anda menggemari para ahli falsafah dan falsafah. Ini satu nama yang anda boleh carikan dan bacalah beberapa kajiannya: Ted Honderich (dilahirkan 30 Januari 1933) adalah seorang ahli falsafah British kelahiran Kanada, Grote Professor Emeritus of the Philosophy of Mind and Logic, University College London and Visiting Professor, University of Bath. Saya memetik kata-kata beliau:

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

“Prinsip kehendak bebas mempunyai implikasi keagamaan, etika, dan ilmiah. Sebagai contoh, dalam dunia keagamaan, kehendak bebas akan membayangkan bahawa ketuhanan yang maha maha kuasa tidak menuntut kuasanya.”

Akan tetapi, marilah kita menganggap bahawa ahli falsafah yang paling agung di dunia telah berkata anda tidak mempunyai kehendak sendiri. Dan dia menyatakannya berdasarkan satu pergerakan jari! Saya boleh membuktikan dia adalah salah dalam sekelip mata. Sekarang saya mendapat idea untuk pergi dan membeli sekeping tiket untuk penerbangan ke London dan saya telah menempah kapal terbang saya untuk satu tahun dari sekarang! Saya belum lagi melakukan penerbangan itu. Apakah yang akan dilakukan oleh penangguhan setengah saat Dr. Benjamin Libet?

Saya mungkin akan menerima satu panggilan daripada seseorang, contohnya seorang ahli keluarga, yang berkata bahawa dia tengah sakit sesaat sebelum saya menaiki kapal terbang tadi. Saya perlu membuat keputusan untuk sama ada untuk meneruskan perjalanan atau membatalkannya! Oleh itu, kesemua *determinism* ini tidak wujud. Ianya hanya satu bahan jenaka sahaja.

Anda tidak sekadar bangun pagi dan melakukan apa yang telah ditakdirkan untuk anda. Al-Qaida telah berlatih selama enam tahun untuk melakukan kekejaman 9/11, ianya bukan keputusan setengah saat. Mereka telah melakukan perancangan yang meluas, mendapatkan visa-visa, pergi ke sekolah penerbangan, mendapatkan tiket-tiket, menaiki kapal terbang dan seterusnya membuat tindakan.

Takdir akan memberi ruang kepada seseorang untuk membuat justifikasi terhadap setiap perbuatannya dengan mengatakan bukan aku yang bersalah, kerana Allah telah mentakdirkannya. Apakah tujuan Allah menghantar peraturan-peraturannya, sekiranya anda telah ditakdirkan untuk tidak mematuhiinya?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Sekiranya mereka betul-betul percaya akan takdir, yang diterima oleh orang Islam sebagai fakta, maka mengapa mereka harus menghukum seseorang kerana tidak bersolat, atau meninggalkan Islam? Ianya di luar kawalan mereka. Ingatlah kata-kata Encik Harun, yang saya petik:

“Ini menunjukkan bahawa setiap fikiran, emosi, persepsi dan pergerakan berlaku sebelum tiba ke tahap kesedaran kita, dan ini membuktikan bahawa masa hadapan adalah di luar kawalan kita.”

1. Perhatikan bahawa in adalah penemuan Encik Harun, bukan apa yang dinyatakan oleh Dr. Libet!
2. Maka mengapakah seorang Muslim diberi ganjaran sedangkan ianya bukan kehendak yang dibuatnya sendiri?
3. Mengapa pula saya perlu memeluk Islam sekiranya Allah yang akan mengislamkan saya? Ianya kehendaknya, bukan kehendak saya?
4. Mengapakah seorang Kristian dimasukkan ke neraka, menurut ajaran Islam, adakah ianya kehendak Allah?
5. Sekiranya segala-galanya berdasarkan takdir, mengapakah seorang Islam harus bersolat? Jawapannya adalah kesemuanya adalah kehendak yang telah ditentukan terlebih dahulu.

Saya menggelarkan ini sebagai ketidakadilan dan kegilaan agama Islam. Menurut kepercayaan tentang takdir, Allah adalah bertanggungjawab untuk kesemua jenayah di dalam dunia ini yang termasuk jenayah rogol, mencuri, membenci, membunuh dan penderaan kanak-kanak. Dan mereka menyatakan Allah adalah tuhan! Ini menjadikannya seorang yang gilakan kuasa untuk mengawal. Ini menyatakan bahawa Allah sedang bermain catur dengan menggunakan kita sebagai mangsa-mangsanya. Betapa buruk dan mementingkan diri si Allah ini!

Allah menentukan siapa menjadi Muslim dan siapa yang tidak.

Al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa Allah telah menjadikan orang-orang kafir untuk tidak beriman atau dia menyebabkan orang-orang menjadi tidak beriman.

Sahih Al-Bukhari, Buku 55, Hadis 549:

صحيح البخاري - كتاب بدء الخلق - فأنيت بطست من ذهب ملى حكمة وإيمانا  
فشق من النحر إلى مراق البطن ثم غسل البطن بماء زمزم

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ الرَّبِيعَ حَدَّثَنَا أَبُو الْأَخْوَصَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهْبٍ قَالَ 3036  
عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ قَالَ إِنَّ «- ص  
- أَخَدْكُمْ بِعُمُّ حَلْقَةٍ فِي طَنْنِ أَمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ثُمَّ يَكُونُ حَلْقَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ  
يَكُونُ مَضْعَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يَبْعَثُ اللَّهُ مَلِكًا فَقُوْمٌ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ وَقَالَ لَهُ أَكْتُبْ عَمَلَهُ  
وَرُزْقَهُ وَأَجْلَهُ وَشَفَاعَيْهِ أَوْ سَعِيدْ ثُمَّ يَفْعَلُ فِيهِ الرُّوحُ فَإِنَّ الرَّجُلَ مِنْكُمْ لَيَعْمَلُ حَتَّى  
يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَنَّةِ إِلَّا ذَرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ كَنَّاهُ فَيَعْمَلُ بَعْدَ أَهْلِ التَّارِ وَعَمَلَ حَتَّى  
مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْتَّارِ إِلَّا ذَرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بَعْدَ أَهْلِ الْجَنَّةِ 1175

Utusan Allah berkata: "Berkenaan isu penciptaan anda, setiap anda akan tenang di dalam rahim emaknya (sebagai sperma) untuk **empat puluh hari** yang pertama, dan selepas itu dia akan menjadi segumpal darah, dan kemudian **anda akan menjadi satu gumpalan daging untuk empat puluh hari yang akan datang**. Selepas itu Allah akan menghantar seorang malaikat, dan dia akan diperintahkan melalui empat kata-kata, untuk menulis, empat takdir; dia menuliskan amalan-amalan (bayi) itu, masa kematianya, caranya mendapat nafkah hidup dan sama ada dia akan menjadi sengsara (kafir) atau dirahmati secara keagamaan. Selepas itu, ia akan dihembuskan jiwanya ke dalam tubuhnya. Maka seorang insan akan melakukan amalan-amalan orang-orang syurga dan hanya jarak sehasta memisahkannya di antara dirinya dan syurga, kemudian apa yang telah dituliskan oleh malaikat itu akan mengatasinya, dan maka dia akan mula melakukan amalan-amalan

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

orang-orang neraka dan masuk ke api neraka. Sama seperti seorang insan mungkin akan melakukan amalan dan kerja api neraka seterusnya amalan-amalan yang telah dituliskan oleh para malaikat akan menjadi perintah yang mengatasinya, maka dia akan berubah untuk melakukan kerja-kerja orang-orang syurga, maka dia memasuki syurga.

- ! Saya beranggapan ini satu penerangan yang jelas, yang telah dibuat oleh Muhammad sendiri, yang menunjukkan bahawa apa yang telah dituliskan berkenaan anda adalah apa yang akan memberi kesan ke atas segala-gala perbuatan yang anda telah lakukan sepanjang hidup anda. Tidak kira betapa jahatnya atau baiknya anda sebagai seorang insan, pada akhirnya apa yang telah dituliskan tentang anda akan menjadi ketetapan muktamad, bukannya amalan-amalan baik atau buruk anda. Inilah kegilaan kepercayaan ini. Siapakah yang akan mempercayai Allah setelah membaca ini? Di manakah keadilannya?
- ! Apakah manfaat bersolat, bersedekah atau berbuat baik, apabila perintah Allah adalah untuk membunuh orang-orang Kristian, Hindu, Buddhist dan Yahudi? Pada akhirnya ianya bukan tentang apa yang anda lakukan, ianya tentang apa yang Allah sukakan.

Al-Quran 6:148 (Penterjemahan Usama Dakdok):

سَيِّئُونَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لِوَسَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكُهُمْ وَلَا يَأْتُونَا وَلَا حَرَمَنَا مِنْ شَيْءٍ كُلُّكُمْ كُلُّكُمْ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ هُنَّى نَذُورًا بَأْسَأُّ فَلَمْ يَعْدُكُمْ مِنْ عِلْمٍ  
فَلَمْ يَرْجُوهُ لَهُمْ إِنْ شَيْءُونَ إِلَّا لَطَّافٌ وَإِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تُخَرِّصُونَ

Orang-orang musyrik akan mengatakan: "Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak menjadi musyrik dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun." Demikianlah juga

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

orang-orang yang dahulu sebelum mereka telah berdusta sehingga mereka merasai azab seksa Kami. Katakanlah, “Adakah kamu mempunyai apa-apa ilmu supaya dapat kamu tunjukkan kepada kami? Tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta.”

Maka menurut ayat ini, orang-orang tersebut menaruh kepercayaan kepada banyak tuhan – orang-orang musyrik- telah menyatakan bahawa Allah telah membuatkan mereka dan bapa-bapa mereka menjadi musyrik, dan mereka telah dituduh sebagai berbohong. Namun, ayat berikut dalam Al-Quran 6:107 (penterjemahan Usama Dakdok) berkata sebaliknya:

**وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكُوكُمْ وَمَا جَعَلْنَا عَلَيْهِمْ حَفِظًا وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِوْكِيلٌ**

Dan kalau Allah menghendaki, nescaya mereka tidak mempersekuatkanNya dan Kami tidak menjadikan engkau penjaga dan pengawal mereka.

Saya pasti ini agak mengejutkan kepada anda. Bagaimanakah ini boleh datang daripada Tuhan? Dalam Al-Quran 4:82, Allah sendiri mengatakan bahawa sekiranya buku ini tidak datang daripada Nya, anda akan menjumpai begitu banyak percanggahan. Percanggahan-percanggahan ini berterusan di dalam surah yang sama. Al-Quran 6:111 (penterjemahan Usama Dakdok):

**وَلَوْ أَنَّا نَرَدْنَا إِلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةَ وَكَلَمْبَهُ الْمُؤْمِنَى وَخَرَدْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَيْءٍ فَلَا مَأْكُلًا لِيَوْمَئِذٍ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ وَلَكِنَّ أَخْرَحْنَاهُمْ بِغَيْرِهِنَّ**

Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka dan orang-orang yang mati berkata-kata dengan mereka dan Kami himpukkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka, nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Al-Quran 6:125 (penterjemahan Usama Dakdok)

هُنَّ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُمْ بِتَشْرِخٍ مَذَرَّةٍ لِلإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدُ أَنْ يُهْلِكَهُمْ يَجْعَلُهُمْ مَذَرَّةً حَرْجًا كَثِيرًا يَصْعُدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الْجِنَّةَ عَلَى أَلْيَافِ لَنْ يُؤْمِنُونَ

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya untuk menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Dia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah dia sedang mendaki naik ke langit. Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

Al-Quran 4:88:

Apakah yang kamu mahu daripada orang-orang munafik? Allah menjahnamkan mereka untuk apa yang tangan-tangan mereka lakukan. Adakah kamu mahu memberi petunjuk kepada mereka yang telah disesatkan Allah? Tiada petunjuk untuk mereka yang telah disesatkan oleh Allah, dan kamu tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkan mereka.

Lihat ini: “Allah menjahnamkan mereka untuk apa yang tangan-tangan mereka lakukan. Adakah kamu mahu memberi petunjuk kepada mereka yang telah disesatkan Allah?” Bagaimana Allah boleh mengatakan dia menjahnamkan orang-orang hipokrit untuk perbuatan mereka sedangkan dia mengakui bahawa dia adalah yang bertanggungjawab menyesatkan mereka terlebih dahulu. Perhatikan Allah telah mengkontradiksikan dirinya dalam sekilip mata.

Tambahan pula, Allah begitu marah dengan Muhammad kerana pecubaannya mendapatkan jalan untuk menyelamatkan orang-orang munafik. Maka, apakah tugas Muhammad? Allah tidak membenarkan dia untuk memberi petunjuk kepada mereka yang telah disesatkan, yang bermakna Muhammad tiada urusan untuk

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

menjadi seorang nabi. Dia tidak memiliki kuasa autoriti daripada Allah untuk memanggil balik mereka yang telah tidak beriman lagi. Allah menjadikannya jelas Muhammad tidak sekali-kali akan dapat mencari jalan untuk menyelamatkan mereka, kerana Allah sendiri telah menolak mereka.

Soalan yang lebih penting adalah, mengapakah Allah tidak mahu memberikan kuasa autoriti untuk membimbing orang-orang ke arah kebenaran? Ini adalah kerana ianya bertentangan dengan rancangan Allah, dan kita tahu ini kerana ianya membuatkan Allah marah disebabkan Muhammad cuba untuk menarik balik penolakan Allah terhadap orang-orang hipokrit.

Idea bahawa Islam, Al-Quran dan Muhammad telah dihantar kepada umat manusia demi membimbing mereka ke arah keselamatan adalah sebenarnya palsu dan tidak bererti. Sebaik sahaja Allah menentukan bahawa anda tidak layak menjadi seorang Muslim, peluang untuk anda diselamatkan adalah sifar.

Dalam ayat berikut, saya akan menunjukkan bagaimana buku ini (Al-Quran) telah direka oleh seorang yang tidak seimbang, serta gila. Dia langsung tidak mendengar kata-katanya sendiri.

Al-Quran 81:28-29:

28 Iaitu bagi sesiapa dari kamu yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) yang betul.

29 Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan keinginan Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam (manusia dan jin).

Maka, ayat ini menyatakan ianya terpulang kepada anda untuk menjadi seorang Islam atau tidak. Ianya baik dan bijak, namun dalam ayat seterusnya Allah menyatakan sebaliknya!

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Tuhan ini jelas sewel. **Adakah ianya terpulang kepada kita atau terpulang kepada dia?** Sekiranya ianya terpulang kepada dia, mengapakah dia menyatakan dalam ayat sebelumnya ianya terpulang kepada kita? Dalam kata-kata mudah, Allah berkata ianya terpulang kepada Allah, kamu yang bodoh. Tiada kena mengena dengan apa yang anda inginkan untuk terjadi!

Siapakah Yang Menjadikan Syaitan Sebagai Musuh? Ianya adalah Allah.

Dalam bacaan seterusnya, anda akan perasan bahawa Syaitan turut menjadi mangsa kepada **rancangan takdir** Allah. Al-Quran 43:36 (penterjemahan Muhammad Pickthal):

Dan orang yang penglihatannya redup kepada pengingatan kepada Yang Maha Pemurah, Kami memberi kepadanya syaitan yang menjadi sahabatnya;

Allah membuat ugutan yang jelas, bahawa sekiranya anda tidak berdoa kepadanya dan memujanya, dia akan memberikan Syaitan kepada anda. Walau bagaimanapun, adakah anda menyedari apakah sebenarnya maksud ini? Ini bermakna sebelum ketika itu (Allah menghantar SyaitanNya kepada anda), anda tidak mempunyai Syaitan dalam hidup anda! Ini bermakna anda sebenarnya seorang yang baik. Sekiranya anda telah pun mempunyai Syaitan dalam kehidupan anda, mengapakah Allah perlu menghantar Syaitan kepada anda? Sekiranya anda telah pun bersalah, dan anda tidak memuja Allah, maka apa lain yang boleh dilakukan oleh Syaitan? Akibatnya, Syaitan akan menentang anda. Ini bermakna dia akan cuba mempengaruhi anda daripada meninggalkan Allah dan menerima Allah. Perbuatannya yang menjadikan anda lebih teruk adalah untuk manfaat siapa pula? Umat manusia, mungkin! Sebenarnya, ini bererti Allah berkata, "SyaitanKu adalah duta aku, dan alat terbaik aku untuk mendorong kamu kepada aku." Bukankah ini menjadikan Allah sebagai Syaitan itu sendiri, dan mungkin raja segala syaitan?

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Al-Quran 6:112 (penterjemahan Usama Dakdok):

وَكُلَّكُلٍ بَعْلَنَا لَكُلٍ نَبِيٍّ عَلَرُ شَبَطِلِينَ إِلَسٌ وَالْجِنْ يُوحِي بَعْشَهُمْ إِلَيْ بَعْضِهِمْ رُخْنَ الْقُرْلَ غُزْرَرُ دَلَلُ شَاءِ رِنْكَ مَا فَلَفَلَهُ دَلَلَهُ وَمَا يَقْرُونَ

Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari Syaitan-syaitan, manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain zukhruf (kata-kata dusta yang indah-indah susunannya) untuk memperdaya pendengarnya dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan.

Berikut adalah apa yang kita boleh fahami daripada ayat tadi:

- Terdapat dua jenis syaitan/iblis: jenis manusia dan jin. (Nota: Orang Islam mempercayai kewujudan banyak jin, bukan satu sahaja.)
- Allah bertanggungjawab menjadikan mereka musuh kepada para nabi.
- Ini bermakna syaitan-syaitan yang diciptakan bukannya jenis yang jahat. Allah yang menciptakan mereka adalah yang jahat. Syaitan-syaitan tadi hanya melaksanakan tugas yang telah diperintahkan Allah untuk mereka. Ini menjadikan mereka sebagai taat kepada Allah dan hamba yang baik.
- Juga, sekiranya ianya terpulang kepada keinginan mereka, mereka mungkin memilih untuk tidak menjadi musuh kepada para nabi.
- Syaitan-syaitan tadi mempunyai satu tugas – membisikkan kata-kata zukhruf untuk memperdayakan (kata-kata dusta yang indah-indah susunannya).

Sekiranya Allah berhati-hati dalam pemilihan para nabi kesayangannya, mengapakah dia sengaja mensasarkan mereka dengan pengaruh-pengaruh jahat?

**PENIPUAN Allah by Christian Prince**  
**Allah Melindungi Nabi-Nabinya**

Ayat-ayat berikut menjadikan niat Allah untuk para nabinya semakin tidak jelas.

Al-Quran 15:42 (penterjemahan Usama Dakdok):

Sesungguhnya hamba-hambaku, engkau tiidak mempunyai sebarang kuasa ke atas mereka melainkan mereka yang menurutmu dari orang-orang yang sesat.

Al-Quran 16:98-100 (penterjemahan Usama Dakdok):

(98) Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang kena rejam.

(99) Sesungguhnya Syaitan itu tidak mempunyai sebarang pengaruh terhadap orang-orang yang beriman dan yang berserah bulat-bulat kepada Tuhan mereka.

(100) Sesungguhnya pengaruh Syaitan itu hanyalah terhadap orang-orang yang bersahabat dengan dia dan orang-orang yang melakukan syirik.

Kita akan melihat bahawa kata-kata Allah dan nabi Muhammad membuatkan perkara-perkara menjadi lucu. Bacakanlah hadis ini bersama saya dari Sahih Al-Bukhari (Al-Bukhari, Buku 60, Hadis 260) (Juga lihat Sahih Muslim, Buku 033, Hadis 6411):

Dilaporkan Abu Horaira: Rasulullah saw bersabda: "Adam dan Musa datang bersama. Akibatnya Musa memberitahu Adam, 'Kamu adalah orang yang menyebabkan orang (umat manusia) hidup dengan kesengsaraan dan menendang mereka keluar dari syurga.' Selepas itu Adam menjawab kepada Musa, 'Kamu adalah yang dipilih Allah untuk perutusanNya, dan yang disukaiNya untuk

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

dirinya, dan di atas dan di luar yang Dia mendedahkan Taurat juga.' Musa menjawab, 'Sebagai Ya.' Selepas itu Adam berkata, 'Adakah anda mendapati ianya telah ditulis dalam nasib saya sebelum ciptaan saya?' Musa berkata, 'Ya.' Jadi Adam mengalahkan Musa dengan pertimbangan ini.

Dalam Sahih Al-Bukhari, Buku 77, Hadis 611, Adam dan Moses berbual-bual sekali lagi:

Dilaporkan Abu Hurairah: Rasulullah saw bersabda: "Adam dan Musa berdebat di antara satu sama lain. Musa berkata kepada Adam, 'Kepada Kamu Adam! Anda adalah nenek moyang kami yang tidak memuaskan hati kami dan membuang kami keluar dari syurga.' Selepas itu, Adam berkata kepada Musa, 'Kamu Musa! Allah mengutamakan kamu, maka Dia berbicara dengan kamu (dengan suaraNya, bukan oleh malaikat), dan Dia menulis di dalam tablet Taurat, kerana kamu dengan tanganNya. Oleh itu, bagaimanakah anda menolak saya untuk tindakan yang telah ditulis Allah dalam takdir saya empat puluh tahun sebelum masa penciptaan saya? ' Jadi Adam menegur Musa. Adam membidas Nabi Musa. Jadi Adam berkata sekali lagi tuduhannya sebanyak tiga kali.

Sahih Al-Bukhari, Buku 93, Hadis 606:

Dilaporkan Abu Hurairah: Rasulullah saw bersabda, bahawa Adam dan Musa berdebat antara satu sama lain dan Musa berkata, "Keturunanmu keluar dari syurga kerana Engkau, Adam." Adam menjawab, "Engkau adalah Musa, yang disukai dan dipilih oleh Allah untuk pesan-Nya dan bercakap dengan anda. Satu ke satu, walaupun begitu, anda menyalahkan saya tentang kejahatan saya, yang telah ditentukan untuk saya sebelum penciptaan saya? "Oleh itu, Adam mengalahkan Musa, dengan alasannya.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- ! Adam tidak mengingkari Allah, tetapi ianya sebenarnya rancangan Allah untuk Adam supaya melakukan setiap tindakan yang diambil olehnya?
- ! Allah telah merancang takdir Adam empat puluh tahun sebelum penciptaan.
- ! Berdasarkan fakta ini, mengapa sesiapa sahaja harus dihukum untuk melakukan apa yang diinginkan oleh Allah!
- ! Selamat datang ke kebodohan Islam.

Dalam Al-Quran 15:42, Allah memberitahu hamba-hambanya – para syaitan – bahawa mereka tidak memiliki sebarang kuasa ke atas para pengikut-pengikut Allah yang baik, termasuk para nabi. Dalam Al-Quran 16:98-100, tambahan lagi, para nabi tersebut diberi jaminan bahawa mereka selamat daripada pengaruh-pengaruh Syaitan selagi mereka mendekati Allah dan berserah sepenuhnya kepadanya untuk perlindungan.

## **Allah Sendiri Membatalkan Tindakan-Tindakannya**

Allah telah menjadikan seorang musuh (Syaitan) untuk setiap nabinya, dan tugas Syaitan adalah untuk menggoda nabi (Al-Quran 6:112). Namun, Allah meletakkan dirinya di antara Syaitan dan nabi, dan memberitahu Syaitan bahawa dia tidak mempunyai sebarang kuasa ke atas nabi Allah (Al-Quran 15:42). Allah mencipta musuh-musuh dengan tugas-tugas spesifik, namun dia tidak memberikan mereka apa-apa pengaruh yang sebenar ke atas para nabi. Ini berbunyi seolah-olah Allah menciptakan musuh-musuh untuk dirinya sendiri, atau dia hanya menjadikan Syaitan supaya dia boleh mengatakan bahawa dirinya seorang pelindung – tetapi pelindung siapa dan daripada siapa? Dia melindungi ciptaannya daripada ciptaan sendiri.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Perlindungan Allah Cuma Untuk Kawalan Kerosakan, Bukan Mencegah Kerosakan

Sekiranya Allah menjadikannya supaya Syaitan tidak memiliki sebarang kuasa ke atas pengikut-pengikut Allah yang baik, bagaimana pula Syaitan dapat meletakkan sihir/ilmu hitam ke atas Muhammad? Dalam Al-Quran 53:19-23, Syaitan berjaya membuatkan Muhammad menyebut ayat-ayat syaitan, di mana dia memuji tiga anak perempuan Allah. Adakah ini bermakna Muhammad bukan daripada kalangan pengikut-pengikut Allah yang baik? Sekiranya Muhammad seorang pengikut yang baik, mengapakah kuasa perlindungan Allah tidak memberi kesan ke atasnya? Allah gagal menghalang Syaitan daripada menguasai Muhammad. Perkara yang tinggal untuk dilakukan oleh Allah hanyalah melakukan pembetulan.

Al-Quran 22:52 (penterjemahan Usama Dakdok):

Dan kami tidak menghantar sebelum engkau sesiapa rasul atau nabi kecuali apabila dia membacanya, Syaitan melontarkan ke dalam bacaannya, maka Allah memansuhkan apa yang dilontar oleh Syaitan. Kemudian Allah membetulkan ayat-ayatnya. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Sama ada Allah tiada kuasa sebenar ke atas Syaitan, atau janjinya untuk perlindungan hanyalah satu penipuan.

## **Allah Tidak Melindungi**

Bukan Muhammad sahaja satu-satunya nabi yang gagal dilindungi oleh Allah. Allah turut gagal melindungi Ibrahim (Abraham) daripada mempercayai bahawa planet-planet, bulan, dan matahari adalah “Tuhan”.

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

- Dalam Al-Quran 6:75, Ibrahim menyangkakan bahawa planet-planet di langit mestilah Tuhan mereka, kerana mereka **akhbar** (lebih besar).
- Dalam Al-Quran 6:77, Ibrahim berubah fikiran apabila dia ternampak bulan. Dia menyangkakan bahawa bulan itu mestilah Tuhan mereka, kerana ia **akhbar** atau lebih besar berbanding planet-planet tadi.
- Dalam AL-Quran 6:78, Ibrahim sekali lagi berubah fikiran apabila dia ternampak matahari sedang terbit, dan menyangkakan dengan pasti pada kali ini, matahari adalah Tuhan mereka, kerana ia **akhbar** atau lebih besar daripada bulan.

Sekarang, dengan memanggil planet-planet, bulan dan matahari sebagai “Tuhanku”, Abraham telah mempersekuatkan mereka dengan Allah. Hakikatnya, Ibrahim telah melakukan syirik dan penyembahan berhala, menyembah bulan sebagai tuhan, dalam cara yang sama seperti Muhammad melakukan syirik melalui perbuatan memuji ketiga-tiga anak perempuan Allah (Al-Quran 53:19-20. Lihat penerangan oleh Ibn Kathir). Juga, ingatlah bahawa menurut Al-Quran, Ibrahim dan Muhammad adalah nabi-nabi Allah. Sebagai nabi-nabi dan orang-orang yang disayangi Allah, mengapakah mereka tidak dihalang daripada melakukan dosa yang tidak dapat diampunkan yakni “mempersekuatkan Allah?”

Menurut Al-Quran 16:100, Allah memberitahu kita bahawa hanya mereka yang bersahabat dengan Syaitan akan jatuh di bawah kuasanya.

Al-Quran 16:100 (penterjemahan Usama Dakdok):

Sesungguhnya kuasa Syaitan hanya untuk ke atas sesiapa yang bersahabat dengannya dan sesiapa yang bersekutu dengannya.

Oleh kerana Ibrahim dan Muhammad telah jatuh di bawah kuasa Syaitan, mereka semestinya telah bersahabat dengan Syaitan, yang bermakna mereka dengan sukarela tidak mematuhi perintah

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

Allah untuk tidak mempersekuutukannya. Namun, sekiranya mereka tidak mematuhi perintah Allah secara tidak sukarela, ini bermakna mereka telah jatuh di bawah kuasa Syaitan kerana Allah gagal melindungi mereka. Tidak kira mana penerangan yang anda pilih, Allah tetap kalah kepada Syaitan. Bagaimanakah Allah yang menciptakan Syaitan, begitu lemah kepada ciptaan sendiri? Inilah bukti tambahan bahawa **Takdir Allah sebagai salah satu rukun Islam yang penting adalah PALSU.**

Nabi-Nabi Allah adalah Musuh-Musuhnya

Sesungguhnya Allah tidak mengampunisesiapa yang mempersekuutukannya. Pada masa yang sama, **dia akan mengampuni sesiapa sahaja mengikut kemahuannya.**

Al-Quran 4:48 (penterjemahan Usama Dakdok):

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuutukanNya (dengan tuhan-tuhan lain). Lain dari itu, dia akan mengampunkan sesiapa yang dikehendakiNya. Dan sesiapa yang mempersekuutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar.

Al-Quran 4:4116 (penterjemahan Usama Dakdok):

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekuutukanNya. Dan dia akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya. Dan sesiapa yang mempersekuutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.

Kita telah membuktikan bahawa Muhammad dan Abraham telah melakukan dosa yang teruk iaitu “mempersekuutukan dirinya,” maka berdasarkan dua ayat tadi, Muhammad dan Abraham tidak

## **PENIPUAN Allah by Christian Prince**

akan diberi pengampunan. Mereka akan berakhir di Neraka, kerana mereka adalah musuh-musuh Allah.

### Allah Adalah Suatu Tuhan Yang Palsu

Allah telah menciptakan makhluk-makhluk jahat sebagai musuh kepada para nabinya (Al-Quran 6:112), namun dia turut menjanjikan para nabinya yang dia akan melindungi mereka daripada Syaitan (Al-Quran 15:42 dan 16:98-100). Walau bagaimanapun, kita telah melihat Allah tidak mampu memberikan perlindungan yang telah dia janjikan.

Al-Quran mengakui bahawa Allah adalah Maha Kuasa, seperti di dalam ayat berikut (Al-Quran 6:73, penterjemahan Usama Dakdok):

